



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEDAULATAN RAKYAT DALAM PERJUANGAN POLITIK NASIONALIS KIRI MELAYU, 1945-1948



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

WAN NOORLIZAWATI BINTI WAN MAT ALI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEDAULATAN RAKYAT DALAM PERJUANGAN POLITIK NASIONALIS KIRI MELAYU, 1945-1948

WAN NOORLIZAWATI BINTI WAN MAT ALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 13 (hari bulan) Ogos (bulan) 2019

i. Perakuan Pelajar:

Saya, WAN NOORLIZAWATI BINTI WAN MAT ALI, P20111000516, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEDAULATAN RAKYAT DALAM PERJUANGAN POLITIK NASIONALIS KIRI MELAYU, 1945-1948 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR DR. ISHAK BIN SAAT dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEDAULATAN RAKYAT DALAM PERJUANGAN POLITIK NASIONALIS KIRI MELAYU, 1945-1948 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Sejarah)

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

**KEDAULATAN RAKYAT DALAM PERJUANGAN POLITIK
NASIONALIS KIRI MELAYU, 1945 – 1948**

No. Matrik / Matric No.:

P20111000516

Saya / I :

WAN NOORLIZAWATI BINTI WAN MAT ALI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya tesis ini berjaya disiapkan. Pertamanya, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia Profesor Dr. Ishak Bin Saat dan Dr. Nazirah Binti Lee yang banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar di samping motivasi kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada mantan penyelia Dr. Nabir Bin Haji Abdullah yang tiada hentinya memberikan sokongan, nasihat dan juga semangat serta menyokong saya dalam memulakan penyelidikan ini. Semoga mereka dalam rahmat Allah S.W.T selalu. Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Kementerian Pengajian Tinggi yang menaja pengajian saya di bawah tajaan Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB).

Terima kasih yang tidak terhingga kepada kakitangan Institut Pengajian Siswazah, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang banyak membantu sepanjang pengajian di UPSI. Ucapan terima kasih kepada Ketua Jabatan Sejarah Dr. Rabaah Binti Abdullah di atas nasihat dan dorongan beliau dalam menyempurnakan penulisan tesis ini. Begitu juga dengan rakan-rakan di Jabatan Sejarah di atas kata-kata semangat yang diberikan.

Sekalung penghargaan juga kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang menjadi tempat mendapatkan bahan penyelidikan.

Terima kasih tidak ternilai kepada ibu tercinta, Fatimah Binti Ismail dan arwah ayah, Wan Mat Ali Bin Wan Ngah di atas doa, kasih sayang dan didikan yang diberikan. Semoga Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas roh ayahku. Kepada suami, Wan Khalid Bin Wan Ibrahim terima kasih di atas pengorbananmu selama ini. Buat anak-anak umi yang disayangi Aisha, Huda, Aqilah dan Aqil semoga kalian berjaya di dunia dan akhirat. Tidak lupa juga kepada ahli keluarga Baderul, Redzuan dan Hadi yang banyak memberikan sokongan sepanjang menyiapkan tesis ini. Terima kasih di atas doa dan sokongan kalian.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis konsep kedaulatan rakyat yang menjadi dasar pemikiran politik yang dibawa oleh golongan nasionalis kiri Melayu pada tahun 1945-1948. Pemikiran politik ini begitu berbeza daripada feudalisme yang mendasari politik tradisional Melayu. Perkembangan dalam tahun 1945-1948 memperlihatkan bahawa golongan nasionalis kiri Melayu cuba menonjolkan pemikiran yang mahu memastikan golongan bawahan terlibat dalam politik melalui idea, visi dan konsep yang baharu berdasarkan kepada prinsip demokrasi. Kaedah penyelidikan kualitatif dengan tumpuan kepada analisis dokumen ke atas sumber primer dan sekunder. Sumber primer dalam kajian ini meliputi fail, rekod, laporan, akhbar dan majalah yang diterbitkan dalam tempoh kajian. Sumber sekunder ialah buku, jurnal dan tesis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa intipati utama dalam kedaulatan rakyat yang diperjuangkan oleh golongan kiri adalah untuk meningkat dan memartabatkan peranan golongan bawahan dalam pentadbiran dengan menjadikan mereka sebagai sumber kuasa. Konsep negara bangsa digunakan untuk memastikan perpaduan dan ini menyebabkan mereka mengiktiraf bahawa semua yang dilahirkan di Tanah Melayu adalah bangsa Melayu dengan syarat mereka memutuskan hubungan dengan tanah asal dan setia kepada Tanah Melayu. Golongan kiri juga ingin melaksanakan demokrasi berdasarkan kepada raja berperlembagaan yang mana sultan Melayu dikekalkan sebagai raja. Kesimpulannya, kajian ini membawa pemahaman baharu tentang golongan kiri yang dianggap radikal melalui analisis kepada pemikiran mereka berhubung kedaulatan rakyat yang tercetus pada tahun 1945-1948. Implikasi kajian ini menunjukkan pemahaman terhadap konsep kedaulatan rakyat perlu diterapkan kepada masyarakat bermula daripada peringkat persekolahan lagi supaya mereka menghormati perjuangan generasi terdahulu dalam membentuk negara Malaysia hari ini.





PEOPLE'S SOVEREIGNTY IN THE MALAY LEFTIST NATIONALISTS POLITICAL STRUGGLES, 1945-1948

ABSTRACT

This study is an attempt to analyze the concept of people's sovereignty which was the foundation of the political thoughts promoted by the Malay leftist nationalists in 1945-1948. This type of political thoughts was contrasted with feudalism in the sphere of politics of traditional Malay society. The developments that took place in 1945-1948 suggest that the Malay leftist nationalists promoted the ideas of mobilizing commoners into a new sphere of politics by a new set of ideas, visions and concepts which were based on the principle of democracy. This study employs qualitative research methods with documents analysis based on primary and secondary sources. Primary sources consulted in this study are files, records, reports, newspapers and magazines published in the period of study. Meanwhile books, journals and thesis are used as the secondary sources. Sources consulted suggest that the essence of people's sovereignty promoted by Malay leftist nationalists was to enhance and glorifies the roles of the commoners in the administration by consolidating them as the sources of power in the administration. The concept of nation state was adopted to ensure unity and that approach led them to recognize those who were born in Malaya as Malay based on the requirements that they were naturalized from their original homeland and maintain their loyalty towards the Malay states. Malay leftist nationalists were also eager to implement democracy based on the constitutional monarchs and retained Malay sultans in power. In conclusions the study shed a new light on the Malay leftist nationalist which were often described as a radical group based on the close scrutiny on their political thoughts in 1945-1948. The study indicates that the understanding of the concept of people's sovereignty should be nurtured among young generations since their schooldays in order for them to appreciate the struggle of those involved in building Malaysia today.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL x

SENARAI SINGKATAN xi

SENARAI LAMPIRAN xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	30
1.4 Objektif Kajian	31
1.5 Kepentingan Kajian	32
1.6 Skop Kajian	35
1.7 Kajian Lepas	36
1.8 Metodologi Kajian	65





1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Kedaulatan Rakyat	66
1.9.2 Demokrasi	70
1.9.3 Golongan Kiri	75
1.10 Pembahagian Bab	84
1.11 Kesimpulan	86

BAB 2 LATAR BELAKANG POLITIK MELAYU

2.1 Pengenalan	87
2.2 Latar Belakang Politik Melayu	88
2.3 Zaman Penjajahan Sebagai Titik Perubahan	104
2.4 Kesedaran Kebangsaan Awal	119
2.5 Parti Kebangsaan Melayu Malaya	137
2.6 Kesimpulan	155



BAB 3 DEMOKRASI SEBAGAI MEDIUM PERJUANGAN KEDAULATAN RAKYAT

3.1 Pengenalan	157
3.2 Demokrasi Teras Perjuangan	158
3.3 Kerjasama Antara Kaum	180
3.4 Seruan Untuk Merdeka	207
3.5 Pengisian Kemerdekaan	232
3.6 Kesimpulan	243

BAB 4 KEDAULATAN RAKYAT: PEMERKASAAN MASYARAKAT MELAYU

4.1 Pengenalan	246
4.2 Ekonomi dan Pendidikan Masyarakat Melayu	247





4.3 Pemerkasaan Ekonomi	268
4.3.1 Pertanian	272
4.3.2 Perniagaan	279
4.3.3 Kepentingan Bank	283
4.4 Pendidikan Untuk Kemajuan	289
4.5 Kesimpulan	318

BAB 5 CABARAN DALAM PERJUANGAN KEDAULATAN RAKYAT

5.1 Pengenalan	320
5.2 Reaksi Masyarakat	
5.2.1 Dituduh Berfahaman Komunis	321
5.2.2 Seruan Merdeka di Pandang Rendah	333
5.2.3 Bukan Perjuangan Kebangsaan	345
5.2.4 Sekatan Undang-Undang	348
5.3 Kesimpulan	362



BAB 6 RUMUSAN

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4. 1 Pemilikan Ladang Getah di Tanah Melayu, 1938 (ekar)	260
4. 2 Bilangan Pelajar Perempuan dan Lelaki di Sekolah Inggeris Pada Tahun 1928	265



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

AMCJA	<i>All Malaya Council of Join Action</i>
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BMA	<i>British Military Administration</i>
CJA	<i>Council of Joint Action</i>
CO	<i>Colonial Office</i>
hlm.	Halaman
KMM	Kesatuan Melayu Muda
LEPIR	Lembaga Pendidikan Rakyat
MATA	Majlis Agama Tinggi SeMalaya
MCKK	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
PEKEMBAR	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PEPERMAS	Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya
PETA	Pembela Tanah Air
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SP	Surat Persendirian
SITC	<i>Sultan Idris Training College</i>
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Cikgu Md Yusuf Ayub kepada Setiausaha Agung UMNO pada 1946
- B Majalah *Suloh Malaya* 11 Mei 1946



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



1.1 Pengenalan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam kajian sejarah Malaysia, kedaulatan rakyat dianggap sebagai satu pemikiran baharu yang timbul dalam masyarakat Melayu pada 1945-1948. Ia dibawa oleh kepimpinan golongan bawahan sepanjang tempoh kajian ini. Masyarakat Melayu yang mempunyai ciri-ciri masyarakat yang terbahagi mengikut hierarki sosial yang mirip dengan masyarakat feudal mula mempersoalkan keabsahan pembahagian masyarakat berdasarkan hierarki tersebut. Justeru, muncul golongan yang memperjuangkan kedaulatan rakyat yang mana anggota masyarakat mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam pemerintahan dan hak untuk bersuara. Justeru, kajian ini akan membincangkan idea, perjuangan dan perkembangan yang terjadi akibat daripada gerakan yang dipimpin oleh golongan bawahan untuk mencetuskan kecerakinan idea kesedaran kebangsaan yang mengutamakan golongan bawahan yang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



tertekan. Kemerosotan ekonomi dunia yang berlaku pada 1929 telah memberi kesan yang besar kepada perkembangan pemikiran politik dan perkembangan sosial masyarakat Melayu ketika itu.

Kesedaran tentang kuasa politik dan ekonomi telah menjadi teras perjuangan nasionalis Melayu berbanding kesedaran agama yang ditekankan sebelumnya.¹ Para pengkaji sebelum ini memperlihatkan bahawa satu perkembangan dinamik berlaku dalam bidang politik masyarakat Melayu dalam dekad ketiga dan keempat abad ke-20. Sehubungan itu, perkembangan sejarah dalam tahun 1940-an diwarnai dengan konflik antara golongan atasan dengan golongan bawahan yang mempunyai idea kesedaran kedaulatan rakyat. Perkembangan yang terjadi sejak awal abad ke-20 membentuk pemikiran baharu dalam masyarakat. Idea berhubung kemajuan dan kemodenan yang dibincangkan dalam masyarakat akibat perubahan penerbitan akhbar khususnya sejak penerbitan *Al-Imam* (1906) menyebabkan sebahagian daripada masyarakat Melayu terdorong untuk menentang penjajah British.

Golongan ini kemudiannya turut mempersoalkan golongan atasan yang dianggap gagal membela hak mereka sebagai satu bangsa Melayu. Ringkasnya, sebahagian masyarakat Melayu pada 1940-an mula melihat bahawa kuasa politik adalah hak golongan rakyat dan bukan menjadi milik mutlak golongan pemerintah. Kesedaran untuk mengubah sistem politik Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua oleh golongan bawahan boleh dilihat melalui penubuhan parti politik iaitu Parti

¹ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestamam (terj.) Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2005, hlm. 235-264. Pada tahun 1940-an juga politik telah diperaktikkan secara meluas jika dibandingkan dengan kegiatan politik pada tahun 1930-an yang masih dianggap sebagai perlanggaran hak keluarga diraja. Lihat Donna J. Amoroso, Dangerous politics and the Malay nationalist movement, 1945-1947, dlm. *South East Asia Research*, Vol. 6(3), November 1988, hlm. 254. Pautan <http://www.jstor.org/stable/23746877>.





Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak. PKMM melalui manifestonya memperkenalkan faham kedaulatan rakyat dalam perjuangan mereka. Ia adalah perkembangan penting dalam sejarah Malaysia kerana masyarakat Melayu buat pertama kalinya cuba menentang tradisi dalam politik tradisional Melayu yang telah berakar umbi sejak sekian lama.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem politik tradisional Tanah Melayu yang mirip kepada sistem feudal dan berkisar kepada golongan sultan menyebabkan kedaulatan rakyat adalah sesuatu konsep baharu dalam masyarakat Melayu. Milner² dan Gullick³ sebagai contohnya menyatakan bahawa sultan adalah pusat kuasa dalam pentadbiran masyarakat Melayu tradisional. Masyarakat Melayu tradisional menganggap kehidupan mereka bukan berada di bawah status pemerintah tetapi dalam 'kerajaan' di bawah individu iaitu sultan yang berkuasa. Kuasa yang dimiliki oleh golongan sultan dilihat bersifat sehala iaitu dari atas turun ke bawah dengan penerimaan tanpa dipersoalkan oleh golongan rakyat.⁴ Rakyat juga tidak melibatkan diri dalam hal politik kerana tugas berhubung

² Sebagai contohnya seorang Melayu akan menyatakan dirinya sebagai rakyat raja tertentu apabila ditanya tentang identiti diri mereka. Perbincangan berhubung hal ini boleh dirujuk dalam kajian A.C. Milner, *Kerajaan: Malay political culture on the eve of colonial rule*, Tuscan: The University of Arizona Press, 1982, hlm. 6.

³ J.M. Gullick, *Sistem politik bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965, hlm. 64-74.

⁴ Ahmad Nidzammuddin Sulaiman et al., Pembinaan keupayaan Melayu dalam arus globalisasi: anjakan paradigma budaya politik Melayu, dlm. *Seminar kebangsaan arus perdana II: pembinaan keupayaan Melayu dalam arus globalisasi*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 30-31 Julai 2003, hlm. 35.





pemerintahan negeri diserahkan sepenuhnya kepada golongan pemerintah.⁵ Ini menjelaskan bahawa sistem politik Tanah Melayu pada waktu itu tidak mempraktikkan nilai demokrasi, kebebasan, persaingan dan sivil di dalam pemerintahan sepetimana yang dituntut oleh kebanyakan masyarakat hari ini.⁶

Namun, sejauh manakah pemikiran politik moden meresap masuk dalam kalangan masyarakat Melayu? Penilaian bagaimana iklim politik ketika itu memperlihatkan bahawa kebanyakan tokoh pejuang muncul selepas Perang Dunia Kedua. Ariffin Omar memperlihatkan kesedaran tentang kedaulatan rakyat atau demokrasi merupakan satu pemikiran baharu yang hanya berlaku dalam tahun 1940-an.⁷ Selepas Perang Dunia Kedua keadaan ini semakin menyedarkan sebahagian golongan rakyat bawahan yang progresif seperti Ahmad Boestamam, Burhanuddin Helmi, Ishak Hj. Muhammad, dan Ibrahim Haji Yaakob yang melihat tiadanya unsur kedaulatan rakyat dalam politik Tanah Melayu. Kesedaran berhubung kedaulatan rakyat melahirkan perasaan tidak puas hati terhadap orde sosio-politik tradisional. Nasionalisme menyedarkan mereka bahawa orde sosio-politik tradisional bersifat menindas golongan rakyat secara berterusan dan perlu ditamatkan.

Golongan yang berkesedaran ini mahu pemerintahan negara diperintah oleh golongan rakyat. Namun, golongan berkesedaran dan juga melanjutkan tradisi menentang dan tidak mahu bersubahat dengan British selepas Perang Dunia Kedua

⁵ Khoo Kay Kim, Kerajaan dan politik: pengalaman tamadun Melayu, dlm. Ismail Hussein et al., (penyelenggara), *Tamadun Melayu*, Jilid 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 446.

⁶ Ahmad Nidzammuddin Sulaiman, et al., Pembinaan keupayaan Melayu dalam arus globalisasi: anjakan paradigma budaya politik Melayu, dlm. *Seminar kebangsaan arus perdana II*, hlm. 32.

⁷ Ariffin Omar, *Bangsa Melayu: konsep bangsa Melayu dalam demokrasi dan komuniti, 1945-1950*, Petaling Jaya: SIRD, 2015, hlm. 218.





iaitu PKMM dilumpuhkan melalui pengisytiharan darurat pada 1948. Kesedaran berhubung politik Tanah Melayu kemudiannya melahirkan sayap-sayap PKMM seperti Angkatan Pemuda Insaf (API)⁸ dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS)⁹ di samping penubuhan Hizbul Muslimin¹⁰ yang turut dilumpuhkan oleh Undang-undang Darurat. Jelasnya, kesedaran dan perjuangan secara terbuka selepas Perang Dunia Kedua berhubung kemerdekaan Tanah Melayu telah membawa erti politik yang baharu iaitu untuk menegakkan kedaulatan atau mandat rakyat.

Penubuhan PKMM dan cabang-cabangnya ternyata mencabar golongan konservatif yang diterajui oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) yang lebih dikenali dengan panggilan *United Malays National Organisation* (UMNO) dan sultan Melayu.¹¹ Mereka menjadi satu gerakan yang dinamik dan tidak tertakluk kepada kerangka politik Melayu tradisional. PKMM adalah pertubuhan yang bersikap anti kolonial di samping mempunyai cita-cita

⁸ API diasaskan oleh Ahmad Boestamam pada tahun 1946 di Brewater Road, Ipoh. API merupakan sayap pemuda PKMM. API menggunakan pendekatan yang agak radikal dalam usaha membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British. API telah memberikan latihan tentera dengan memakai pakaian seragam jaket, seluar dan topi berwarna putih kepada setiap anggotanya. API diharamkan oleh British pada 17 April 1947 disertai penahanan Ahmad Boestamam. Lihat Mohd Foad Sakdan, *Pengetahuan asas politik Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 9-10.

⁹ AWAS adalah pertubuhan wanita yang bergiat dalam PKMM. Ia ditubuhkan oleh Shamsiah Fakieh. Antara pemimpin wanita yang terbabit di dalam AWAS termasuklah Aishah Haji Hussein, Sawiyah Jalil, Marliah Ahmad dan Sakinah Junid. Dasar perjuangan AWAS ialah untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British. Lihat Mohd Foad Sakdan, *Pengetahuan asas politik Malaysia*, hlm. 10.

¹⁰ Hizbul Muslimin ditubuhkan pada 14 Mac 1948 rentetan daripada usul yang dikemukakan dalam Kongres Majlis Agama Tertinggi (MATA) yang diadakan di Gunung Semanggol, Perak pada 13-16 Mac 1948. Hizbul Muslimin dipimpin oleh ustaz Abu Bakar Baqir (Ketua Umum), Haji Ariffin Haji Alias (Ketua Satu) dan Daud bin Jamil (Ketua Dua). Lihat CO 537/3751: *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 6/1948, hlm. 177; CO 537/3753: *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 15/1948, hlm. 3; Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1959*, Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, hlm. 171. Penubuhan Hizbul Muslimin turut mempunyai kaitan dengan pengaruh Burhanuddin Helmi dan PKMM yang telah menghulurkan bantuan dalam penubuhan MATA sehingga membawa kepada penubuhan Hizbul Muslimin. Lihat Ahmad Boestamam, Barisan Tani Se-Malaya diperhebat perjalannya, dlm. *Berita Harian*, 15 Ogos 1971, hlm. 12.

¹¹ Ramlah Adam, *Gerakan radikalisme di Malaysia 1938-1965*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. xv.



menubuhkan Melayu Raya dan kemerdekaan Tanah Melayu. Justeru, tindakan dan matlamat perjuangan yang dipegang itu telah menyebabkan mereka dianggap sebagai golongan radikal dalam politik Tanah Melayu.¹² Ahmad Boestamam antara tokoh utama dalam kalangan nasionalis kiri Melayu dalam artikelnya berhubung persoalan apakah Malaysia mempunyai gerakan nasionalisme menegaskan perjuangan golongan kiri adalah dari rakyat oleh rakyat dan untuk rakyat.¹³ Intipati pernyataan tersebut memperlihatkan bahawa perjuangan yang diketengahkan adalah untuk membela masyarakat Melayu dari pelbagai sudut dengan melihat kepada latar belakang sosioekonomi masyarakat Melayu dalam tempoh perjuangan gerakan ini (1940-an).¹⁴ Jelaslah bahawa ia memberikan tumpuan untuk menyalurkan usaha-usaha bagi memaju dan memperbaiki keadaan masyarakat Melayu yang ketinggalan berbanding komuniti lain di Tanah Melayu.

Sebaliknya, pemusatan kuasa kepada masyarakat awam adalah sesuatu yang asing kepada masyarakat Melayu tradisional yang melihat kuasa sebagai sesuatu yang eksklusif kepada sultan dan para pembesarnya. Sehubungan itu, dalam konteks perkembangan pemikiran politik di Tanah Melayu Ariffin Omar menyatakan bahawa konsep kedaulatan rakyat merupakan pemikiran baharu yang hanya muncul pada

¹² Adnan Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2007, hlm. 231.

¹³ Ahmad Boestamam, Apakah Malaysia mempunyai gerakan nasionalisme?, dlm. *Seminar Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Universiti Malaya, 23-25 September 1971, hlm. 35-37.

¹⁴ Umumnya, dapat dilihat bahawa penglibatan orang Melayu dalam kegiatan komersial pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 kurang penting jika dibandingkan dengan masyarakat lain. Kenyataan umum ini bukan sekadar merujuk kepada masyarakat Cina yang berkait rapat dengan pembangunan ekonomi yang berlaku di Tanah Melayu pada separuh kedua abad ke-19 dan separuh pertama abad ke-20 tetapi ia juga dimanifestasikan oleh pencapaian komuniti imigran yang lain terutama Muslim India dan Arab. Melalui perbandingan ini, ia memberi gambaran bahawa kadar perubahan ekonomi orang Melayu agak perlahan. Dalam konteks sejarah, golongan imigran mempunyai lebih banyak kelebihan berbanding orang Melayu kerana orang Melayu termasuk golongan aristokrat tidak banyak terdedah kepada merkantilisme yang penting dalam ekonomi wang. Lihat Abdul Rahman Tang, *Economic transition in late nineteenth century Malaya: Malay economy in multiethnic perspective*, dlm. *Jurnal Kinabalu*, Vol 22, 2016, hlm. 79-80. Pautan <http://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/851>.

tahun 1940-an ekoran daripada penjajahan Jepun di Tanah Melayu.¹⁵ Beliau menambah bahawa demokrasi tidak difahami sepenuhnya oleh masyarakat Melayu ketika itu. Kemajuan dan demokrasi menjadi isu utama dalam akhbar hanya selepas penjajahan Jepun dan semasa krisis Malayan Union.¹⁶ Kesan kedatangan Jepun sebagaimana yang dibincangkan oleh ramai para sarjana membawa pelbagai perubahan politik di Tanah Melayu dengan membina satu pemerintahan baharu yang sangat berbeza daripada sebelumnya.¹⁷ Ia adalah sesuatu yang jelas walaupun terdapat

¹⁵ Ariffin Omar, *Bangsa Melayu: konsep bangsa Melayu dalam demokrasi dan komuniti, 1945-1950*, hlm. 222.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Pihak Jepun telah memberi galakan dan dorongan kepada gerakan nasionalis di Indonesia dan Tanah Melayu dengan membawa masuk lebih banyak kakitangan tempatan untuk menggantikan kakitangan Eropah dalam perkhidmatan awam, memberi sokongan kepada kumpulan anti-kolonial dalam gerakan nasionalis dan menjanjikan pemerintahan sendiri bagi kedua-dua jajahan. Dengan membawa masuk lebih ramai kakitangan tempatan untuk mengisi jawatan di peringkat tinggi perkhidmatan awam yang dikoongsikan oleh kakitangan Eropah telah memberikan golongan nasionalis sedikit kuasa tawar-menawar dengan British dan Belanda apabila mereka mendapat semula bekas tanah jajahan mereka. Semasa pendudukan Jepun, Tanah Melayu dan Indonesia bersatu melalui penubuhan satu unit pentadbiran bersama Sumatera dan Tanah Melayu yang berada di bawah bidang kuasa tentera Jepun. Perkara ini dibincangkan oleh Syed Farid Alatas, *Democracy and authoritarianism in Indonesia and Malaysia: The rise of the post-colonial state*, Great Britain: Macmillan Press Ltd, 1997, hlm. 104-108; Di samping itu, Ahmad Boestamam memasuki giyutai kerana inginkan pengalaman latihan ketenteraan Jepun. Beliau dilatih di Ipoh dan diberikan pangkat Leftenan Muda. Ramai lagi anggota API pernah menjadi anggota giyutai ataupun giyugun. Giyugun ditubuhkan untuk pertahanan pantai dan menjaga keamanan (ungkapan yang merujuk kepada operasi terhadap MPAJA) manakala giyutai berfungsi seperti pasukan polis untuk menjaga ketenteraman awam. Malah, API dengan pasukan kawadnya yang berpakaian seragam putih (seluar putih, kemeja putih lengan panjang, berkocek dua tertutup dan songkok putih) sambil menyanyikan lagu "Darah Rakyat" dengan penuh semangat ketika perbarisan berjaya mengisi kekosongan pemuda Melayu yang pernah mendapat latihan ketenteraan Jepun ataupun didakwah propaganda Jepun yang anti Barat. Antara mereka termasuk setiausaha API Perak yang berkhidmat dengan giyutai di Taiping dan Othman Daim, komander API untuk seluruh utara. Othman pernah berkhidmat dengan giyugun sebagai Leftenan. Sistem persekolahan serta latihan Jepun turut melahirkan ratusan pemuda Melayu yang anti Barat. Berbanding ibu bapa mereka golongan ini tidak bersedia menerima kedatangan semula British ke Tanah Melayu selepas 1945. Hal ini dibincangkan dalam kajian Abu Talib Ahmad, Aliran kiri dalam nasionalisme Melayu, 1945-57: satu pemerhatian, dlm. *Malaysia dari segi sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 36, 2008, hlm. 31-36; Menurut Abdullah Zakaria Ghazali pula bidang kuasa sultan Melayu terus hilang apabila Jepun menakluki dan memerintah Tanah Melayu pada 1941 tetapi dipulihkan semula oleh Jepun pada 1943 selepas pertemuan sultan Melayu dengan pentadbir Jepun di Singapura tetapi kuasa sultan masih dikawal. Pemerintah Jepun turut memulihkan kembali Majlis Mesyuarat Negeri (Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, dan Pahang) dan Montri Spa (Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu). Sultan Melayu dikekalkan sebagai pelindung agama Islam. Malah, pada 13-15 Disember 1944 kerajaan tentera Jepun menganjurkan Persidangan Islam di Kuala Kangsar dengan matlamat utama dapat mempengaruhi golongan agama menyokong pentadbiran tentera Jepun. Maklumat lanjut lihat Abdullah Zakaria Ghazali, *Raja Melayu, 1874-1957* kuasa dan agama, dlm. *Malaysia dari segi Sejarah* (41), Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2013, hlm. 215-226; Menurut Ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu pada zaman pemerintahan Jepun di mana pentadbiran Tanah Melayu dan Sumatera berpusat di Singapura telah menyebabkan hubungan Indonesia dan Tanah Melayu menjadi



sarjana yang menyatakan sebaliknya. Alan Warren misalnya dalam perbincangan tentang kejatuhan British di Singapura pada 1942 menyatakan bahawa "*Japan's conquests had mostly consisted of peripheral colonies*" dan "*Japan had not overrun inflicted any lasting damage on the homelands of its principal enemies...*"¹⁸ Namun, keadaan di Tanah Melayu adalah berbeza dengan gambaran yang dikemukakan oleh Warren. T.N. Harper sebagai contohnya menyatakan bahawa propaganda Jepun telah mewujudkan latar belakang politik dan budaya yang baharu dalam masyarakat Melayu.¹⁹ Perkembangan yang sama turut diulas oleh Abu Talib Ahmad tentang perkembangan kesedaran politik masyarakat Melayu selepas penjajahan Jepun. Menurut Abu Talib Ahmad kumpulan kiri Melayu yang lebih besar dilahirkan oleh sistem pentadbiran, pendidikan dan ketenteraan Jepun.²⁰



rapat. Secara realiti politiknya, konsep Indonesia-Melayu Raya menjadi satu kenyataan. Lihat. *Ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 787.

¹⁸ Alan Warren, *Singapore 1942: Britain's greatest defeat*, Singapore: Talisman, 2002, hlm. 31.

¹⁹ T.N. Harper, *The end of empire and the making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press, 1999, hlm. 44-54.

²⁰ Abu Talib Ahmad, Aliran kiri dalam nasionalisme Melayu 1945-1957: satu permerhatian, dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, hlm. 28. Menurut Abdul Rahman Haji Ismail semasa pendudukan Jepun bekas anggota Kesatuan Melayu Muda (KMM) mengambil kesempatan daripada kekuatan dan kelemahan Jepun untuk mendapatkan pendedahan dalam alam ketenteraan, pentadbiran serta menyusun langkah untuk memerdekakan Tanah Melayu daripada penjajahan asing termasuk Jepun. Ketika KMM bekerjasama dengan Jepun sebahagian daripada mereka juga mengadakan hubungan sulit dengan Tentera Rakyat Malaya Menentang Jepun atau *Malayan Peoples Anti Japanese Army* (MPAJA) yang diterajui Parti Komunis Malaya (PKM). Menurut beliau walaupun politik bertalam dua muka ini membahayakan diri tetapi demi kemerdekaan nusa dan bangsa inilah yang telah dilakukan para pejuang pada zaman yang bergelora itu. Keadaan bertambah rancak apabila Jepun yang semakin tertekan memberikan kemudahan dan galakan kepada para penggiat politik tempatan itu untuk bersedia menghadapi British pula. Penubuhan Kekuatan Rakyat Istimewa Semenanjung (KRIS) pada Julai 1945 di mana kebanyakannya ahli KMM menjadi tonggaknya mempercepatkan rentak kegiatan politik peribumi untuk mendapatkan kemerdekaan politik bagi Tanah Melayu. Lihat Abdul Rahman Haji Ismail, Cabaran dan tindak balas (1896-1946), dlm. Abdul Rahman Haji Ismail (penyelenggara), *Malaysia: sejarah kenegaraan dan politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 311-312. Mahadzir Khir turut melihat pendudukan Jepun sebagai pembawa inspirasi baharu kepada nasionalis Melayu khususnya pemimpin KMM untuk membebaskan Tanah Melayu dan bergabung dengan Indonesia bagi menubuhkan sebuah negara yang bebas dari penjajahan. Lihat Mahadzir Khir, Puncak perjuangan politik bangsa Melayu 1946-1948: satu aspek semangat perjuangan bangsa Melayu, dlm. *Seminar sejarah intelektual dan perjuangan kebangsaan Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 18 November 1978, hlm. 30.



Proses perubahan pemikiran politik ini juga disentuh oleh Andaya. Dalam perbincangan beliau tentang perkembangan sejarah sepanjang 1942-1969, pendudukan Jepun telah memberikan kesan kepada pembentukan *new nation* di Tanah Melayu.²¹ Jelasnya, kesan pendudukan Jepun telah membawa kepada perubahan politik terutamanya dalam pemikiran politik masyarakat Melayu. Ini kerana, pendudukan Jepun telah menyedarkan sebahagian masyarakat Melayu tentang kepentingan penguasaan politik dan keperluan mereka kepada kuasa tersebut demi kelangsungan masyarakat Melayu di tanah airnya sendiri. Perubahan tersebut semakin ketara pada 1946. Menurut Abdullah Zakaria Ghazali inspirasi kebangkitan Jepun sebagai sebuah kuasa Asia turut merangsang kesedaran masyarakat Melayu dan memberi kesan dalam perkembangan masyarakat berikutnya.²²



05-4506832



Sensitiviti



masyarakat

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Melayu semakin meningkat



apabila British



ptbupsi

memperkenalkan Malayan Union. Perkongsian kuasa politik dengan golongan lain yang dianggap pendatang ketika itu seolah-olah mengesahkan keimbangan masyarakat Melayu tentang kehilangan hak dan keistimewaan mereka yang muncul sejak 1930-an. Isu pemilikan tanah, jumlah orang Cina dan keseimbangan ekonomi yang dibincangkan di akhbar pada 1930-an menyebabkan masyarakat Melayu sedar bahawa mereka memerlukan perubahan dalam dunia politik.²³

Namun begitu, adakah kedaulatan rakyat dalam fahaman masyarakat Melayu ketika itu sama seperti yang dipraktiskan di Barat? Penjelasan berhubung perkara ini

²¹ Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Petaling: Macmillan Press Ltd., 1982, hlm. 288-289.

²² Abdullah Zakaria Ghazali, Persekutuan Tanah Melayu merdeka, 31 Ogos 1957: liku dan jejak perjuangan patriot dan nasionalis menentang British, dlm. *Malaysia dari segi sejarah*, bil. 40, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2012, hlm. 10.

²³ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm. 222-224.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



boleh diperolehi daripada kajian Ariffin Omar yang menyatakan bahawa masyarakat Melayu pada 1945-1950 masih belum memahami sepenuhnya intipati kedaulatan rakyat.²⁴ Malah, intipati tentang prinsip kuasa rakyat juga tidak dibincangkan sebagai intipati utama demokrasi agar tidak menganggu sensitiviti orang Melayu terhadap golongan sultan yang dianggap sebagai pemimpin masyarakat Muslim.²⁵ Sehubungan dengan itu, pemahaman masyarakat Melayu kepada konsep demokrasi adalah lemah. Lim Mah Hui dan Douglas V. Porpora menyatakan bahawa terdapat banyak kelemahan dalam pelaksanaan sistem demokrasi di Malaysia pada peringkat awal kemerdekaan.²⁶

Perkara yang sama diutarakan oleh Abdelwahab el-Affendi di dalam kajiannya berkaitan Islam dan demokrasi dalam konteks negara Malaysia yang merumuskan bahawa sistem demokrasi di Malaysia tidak menepati sepenuhnya prinsip demokrasi yang ada seperti di Barat. Namun begitu, ia dianggap sebagai satu sistem yang unik dalam pelbagai aspek dan masih memerlukan penambahbaikan.²⁷ Pernyataan tersebut memperlihatkan bahawa idea politik yang diperkenalkan dalam kedaulatan rakyat tidak diperkenalkan sepenuhnya kepada masyarakat Melayu. Rasional kepada pendekatan sebegini adalah berkait rapat dengan struktur sosial masyarakat Melayu ketika itu

²⁴ Ariffin Omar, *Bangsa Melayu: konsep bangsa Melayu*, hlm. 225. Di samping itu, Souchou Yao sebagai contohnya menyatakan bahawa masyarakat Melayu dalam tahun 1957 juga masih belum memahami tentang prinsip negara dan politik. Ini menyebabkan penubuhan Malaysia tidak menyelesaikan isu berkaitan punca kuasa (kedaulatan rakyat atau sebaliknya) di Tanah Melayu. Lihat Souchou Yao, *The Malayan emergency: a small distant war*, Copenhagen, Denmark: NIAS Press, 2016, perbincangan dalam bab 7.

²⁵ Nazirah Lee dan Wan Noorlizawati Wan Mat Ali, The discourse on democracy in the Muslim society of Malaya in the early 1930s, dlm. *International conference on Islamic awakening: towards diverse but unified societies, ICIA 2016*, Maldives: Islamic University of Maldives, 19-20 November 2016, hlm. 5.

²⁶ Lim Mah Hui & Douglas V. Porpora, Capitalisme and democracy in Malaysia, dlm. *Southeast Asian Journal of Social Science*, 16(1), 1988, hlm. 92-106. Pautan <http://www.jstor.org/stable/24491269>.

²⁷ Abdelwahab el-Affendi, Islam and democracy: The Malaysian context, dlm. *Islam and democracy in Malaysia: finding from a national dialogue*, Kuala Lumpur: ISTAC dan IIUM, 2010, hlm. 69-77.



Milner²⁸ dan Amoroso²⁹ sebagai contohnya menyatakan bahawa masyarakat Melayu merupakan masyarakat feudal yang tertakluk kepada kuasa sultan. Kedudukan kedaulatan pada zaman tradisional politik Melayu ketika itu berkisar kepada golongan pemerintah yang memiliki kuasa tertinggi dalam pentadbiran masyarakat Melayu dan institusi sultan dianggap pelindung kepada masyarakat Melayu.³⁰ Pendapat Milner dilihat selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Gullick yang melihat masyarakat Melayu turut dikuasai oleh golongan pemerintah. Walaupun Gullick menafikan bahawa sultan mempunyai kuasa penuh namun, beliau menegaskan bahawa pusat kuasa dalam masyarakat Melayu berkisar pada sultan dan golongan bangsawan.³¹ Sehubungan dengan itu, golongan bawahan tertakluk kepada arahan dan perintah golongan atasan.

²⁸ Menurut Anthony Milner, orang Melayu menganggap diri mereka tidak hidup di dalam negeri-negeri tetapi hidup di bawah setiap individu raja yang berkuasa. Raja adalah penting dalam politik Melayu. Di dalam sesebuah negeri penderhakaan merupakan sesuatu yang tidak pernah difikirkan manakala kehidupan sosial, masa lampau dan dunia luar hanya dapat difahami melalui prisma raja. Masyarakat Melayu percaya memberi khidmat bakti kepada raja atau sultan akan menawarkan peluang kemajuan sosial dan rohani kepada diri mereka dan memahami kedudukan mereka di dunia dan akhirat bergantung kepada pemerintah. Keadaan ini digambarkan sebagai satu masyarakat yang secara jelasnya mutlak dan juga tidak bergerak atau aktif. Lihat Anthony Milner, *Kerajaan: budaya politik Melayu di ambang pemerintahan kolonial*, Petaling Jaya: SIRD, 2016, hlm. 19 dan 221.

²⁹ Menurut Donna J. Amoroso akses kepada kuasa politik adalah hak keluarga diraja dan golongan aristokrasi. Lihat Donna J. Amoroso, Dangerous politics and the Malay nationalist movement, 1945-47, dlm. *South East Asia Research*, hlm. 253.

³⁰ Institusi sultan di sini bukan hanya bermakna wujudnya seorang sultan yang memerintah sahaja, tetapi juga seluruh nilai dan sistemnya. Ini termasuklah peranan serta kedudukan para pembesar di dalamnya.

³¹ J.M. Gullick, *Sistem politik bumiputera Tanah Melayu Barat*, bab 3. Politik juga dapat dikaitkan dengan pemerintahan dan usaha untuk memperoleh kuasa dalam organisasi bagi mempengaruhi manusia sama ada secara formal atau tidak. Matlamat terakhir politik ialah pembentukan masyarakat yang adil, bahagia dan stabil. Kehidupan berpolitik dengan segala kelebihan dan kekurangan bagi Ibnu Khaldun merupakan satu keharusan kehidupan manusia dalam bermasyarakat di mana disifatkan tanpa politik kehidupan manusia dalam masyarakat tidak akan teratur. Namun, politik yang tidak berjalan dengan baik dan disalahgunakan akan menyebabkan masyarakat menjadi porak peranda. Sehubungan itu, Baharuddin Hj. Abdul Latiff bekas Setiausaha Kerja Jabatan Penerangan PAS pusat melihat tujuan berpolitik adalah untuk mencipta atau mewujudkan sebuah negara atau sebuah pemerintahan yang boleh membawa keamanan dan kesejahteraan kepada golongan rakyat di atas asas kebenaran dan keadilan. Lihat Baharuddin Hj. Abdul Latiff, *Politik dan organisasi*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan PAS Pusat, 1969, hlm. 1. Malah, kajian Khoo Kay Kim berhubung kerajaan dan negeri di Tanah Melayu turut memperlihatkan pemerintahan dihubungkaitkan dengan konsep kerajaan yang mempunyai unsur raja. Dalam hal ini kerajaan boleh diertikan sebagai *kingdom* yang membawa maksud pemerintahan yang berpusatkan kepada sultan. Dalam konsep 'kerajaan', ruang dan sempadan tidak diutamakan sepertimana pepatah Melayu menyatakan "di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung" yang membawa maksud ke mana sahaja sultan pergi, di situlah kerajaannya. Malah, apabila



Jelas, Milner, Amoroso dan Gullick memperlihatkan bahawa golongan bawahan tidak terlibat dalam politik iaitu perkara yang berkait dengan kuasa pemerintahan. Justeru, kedaulatan rakyat yang ada dalam dunia Barat pada peringkat awalnya sukar untuk diterima oleh masyarakat Melayu sepenuhnya. Ringkasnya, dalam konteks masyarakat Melayu tradisional tidak semua lapisan masyarakat terlibat dalam kegiatan dan proses politik. Ini kerana konsep politik merujuk kepada pemerintahan sultan yang disebut sebagai kerajaan yang sangat berkait dengan skop kuasa yang ada dalam kedaulatan rakyat. Namun begitu, prinsip untuk memastikan kuasa tidak hanya berpusat kepada sultan mula diperkatakan dalam masyarakat Melayu.

Nazirah Lee dan Wan Noorlizawati Wan Mat Ali dalam perbincangan tentang



masyarakat Muslim memberi perhatian kepada demokrasi sejak awal 1930-an. Disebabkan masyarakat Muslim terikat dengan sistem politik tradisional dalam tahun 1930-an, idea kesaksamaan dan kebebasan dalam sistem demokrasi masih lagi asing kepada umat Islam di Tanah Melayu. Walaupun perbincangan dalam *Al-Huda*³² gagal

sultan berada di laut sekalipun bagindalah yang berkuasa dan bukannya Laksamana. Hal ini berlainan di Barat di mana *admiral* berkuasa sepenuhnya di laut walaupun dengan kehadiran raja. Perkara ini telah dibincangkan oleh Khoo Kay Kim, 'Kerajaan dan negeri': ke arah depersonalization institusi raja, dlm. Wan Hashim Wan Teh & Daniel Perret, *Di sekitar konsep negeri*, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia bersama Ecole Francaise d'Extreme-Orient, Institut Alam dan Tamadun Melayu dengan kerjasama Kedutaan Besar Perancis di Malaysia, Kuala Lumpur, 1999, hlm. 69-74. Mahadzir Khir dalam perbincangannya berhubung proses transformasi politik Malaysia menyatakan sultan diperlihatkan sebagai pusat pancaran kuasa yang dilingkari oleh golongan pembesar manakala golongan rakyat dilihat sebagai golongan yang meminggir. Mahadzir Mohd Khir, Proses transformasi politik Malaysia: dari raja ke rakyat, dlm. Norazit Selat, et al. (ed.), *Meniti zaman: masyarakat Melayu antara tradisi dan moden*, Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1997, hlm. 15.

³² *Al-Huda* ialah akhbar berbahasa Arab yang diterbitkan di Singapura dari 1931-1934. *Al-Huda* diedarkan di Tanah Melayu, Hindia Timur Belanda dan kawasan lain di dunia Islam. Pengarangnya ialah, Abdul Wahid Al-Jilani memunculkan prinsip kesamaan dan berusaha untuk menghapuskan kelas sosial dalam masyarakat Islam (terutama orang Arab) di Tanah Melayu. Prinsip kesetaraan dan kebebasan dibincangkan dalam artikel-artikel yang diterbitkan *Al-Huda*. Keterangan lanjut lihat



menggalakkan umat Islam pada masa penerbitannya, hujah-hujah daripada al-Quran dan hadis yang digunakan dalam akhbar tersebut berkaitan dengan kepentingan kesaksamaan dan kebebasan dibincangkan dengan meluas dalam kalangan masyarakat Melayu pada dekad berikutnya.³³ Ringkasnya, ia berusaha menyakinkan umat Islam untuk menerima demokrasi yang digambarkan sebagai satu sistem yang berasal daripada ajaran Islam dan yang akan menjadi penyelamat dan membantu umat Islam memperbaiki keadaan mereka.

Tambahan pula, demokrasi telah dibincangkan dalam masyarakat Muslim di Tanah Melayu sejak daripada tahun 1930-an. Masyarakat Arab di Kepulauan Melayu khususnya memberikan tumpuan kepada isu hak dan persamaan ekoran krisis dalaman yang berlaku dalam kalangan masyarakat tersebut mulai 1914. Demokrasi

mendapat sambutan yang positif dalam kalangan masyarakat Muslim di Tanah Melayu yang percaya bahawa demokrasi adalah sebuah ideologi politik yang

Islamik.³⁴ Perbincangan berhubung demokrasi dan keselariannya dengan ajaran merujuk kepada al-Quran dan tafsir Ibn Taimiyyah serta pendapat golongan ulama lain yang menyatakan ajaran Islam tidak bertentangan dengan prinsip persamaan yang diutamakan dalam demokrasi.³⁵

Malah, dalam perbincangan berkenaan prinsip persamaan artikel yang diterbitkan dalam akhbar *Al-Huda* menyatakan kesultanan cenderung untuk

Nazirah Lee dan Wan Noorlizawati, The discourse on democracy in the Muslim society of Malaya in the early 1930s, dlm. *International conference on Islamic awakening: towards diverse but unified societies* ICIA 2016, hlm. 1-12.

³³ *Ibid.*, hlm. 12.

³⁴ Wan Noorlizawati Wan Mat Ali, et al., Peranan politik Suloh Malaya, dlm. Ishak Saat, Adnan Jusoh, Nabir Hj. Abdullah (ed.), *Sejarah dalam arus kesedaran: sumbangsih kepada Prof. Dr. Adnan Hj. Nawang*, Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM, 2014, hlm. 150.

³⁵ *Ibid.*



mendorong manusia yang bukan sultan untuk menjadi hamba dan ia adalah kesilapan yang berpanjangan dalam sejarah manusia.³⁶ Sehubungan dengan itu, demokrasi adalah ideologi politik yang tepat kepada masyarakat Muslim kerana "...Allah menjadikan manusia itu sama, manusia itu dilahirkan merdeka maka baginya [untuk] menghukum atas sesiapa yang menafikan kemerdekaannya..."³⁷ Jelas, *Al-Huda* turut mengakui kepentingan demokrasi dalam sistem pemerintahan negara.

Prinsip persamaan antara kelas sosial telah ada dalam masyarakat Melayu dan dianggap sebagai sebahagian daripada ajaran agama Islam. Mohd Nor bin Ngah dalam kajian beliau tentang *Kitab Jawi* menyatakan bahawa pemikiran politik yang berdasarkan kepada prinsip persamaan telah diperkatakan dalam *Kitab Jawi* yang menjadi rujukan utama di pondok-pondok di seluruh Alam Melayu. Namun begitu,

Mohd Noor bin Ngah turut menyatakan *Kitab Jawi* rata-ratanya menekankan tentang kedudukan sultan sebagai kuasa tertinggi dengan dibantu oleh para ulama bagi memastikan pemerintahan adalah berdasarkan agama Islam kerana agama tidak boleh dipisahkan daripada politik dan sultan dianggap sebagai bayangan tuhan di bumi.³⁸ Perkara ini dilihat sama seperti apa yang berlaku dalam masyarakat Muslim di Turki sebelum abad ke-17 dan 18. Sultan Daulah Uthmaniyah dianggap bayangan tuhan di bumi sehingga alih pemikiran masyarakat Muslim di Turki berubah sedikit demi sedikit bermula daripada abad ke-17. Baki Tezcan sebagai contohnya mengatakan bahawa

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*, hlm. 151.

³⁸ Mohd Noor Ngah, *Kitab Jawi: Islamic thought of the Malay Muslim scholars*, Singapore: ISEAS, 1983, hlm. 40-42. Perkara yang sama diulas dalam perbincangan tentang konsep kerajaan dalam historiografi Melayu yang merujuk kepada beberapa teks seperti dalam *Tuhfat al-Nafis*, Peringatan Sejarah Negeri Johor, *Hikayat Raja Pasai*, Sejarah Melayu dan *Hikayat Siak* yang membincangkan tentang fungsi atau acara musawarat dan muafakat di antara sultan dan pembesarnya. Maklumat lanjut sila rujuk Tatiana A. Denisova, *Refleksi historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2011, hlm. 168-207.





enam daripada sepuluh orang sultan yang menduduki takhta pada 1603 -1703 di turunkan daripada takhta.³⁹

Perkembangan pemikiran politik di Tanah Melayu turut dipengaruhi oleh perkembangan sejarah yang berlaku dalam dunia Muslim di peringkat antarabangsa. Peristiwa sejarah yang berlaku dalam dunia Islam pada suku kesembilan belas dan yang pertama di lewat abad kedua puluh telah memberi kesan ke atas umat Islam di Tanah Melayu. Ini menjadikan hujah yang dikemukakan oleh Ariffin Omar perlu dinilai semula. Pemahaman pemikiran berhubung demokrasi dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu sebelum merdeka dipengaruhi oleh perkembangan dalam negara Islam yang lain khususnya Indonesia dan Asia Barat (termasuk Turki). Weiss dalam kajian *The changing shape of Islamic politics in Malaysia* menyatakan bahawa

gerakan reformasi di Timur Tengah (pergerakan Islah) merupakan faktor utama yang membawa kepada kemunculan Islam progresif di Malaysia dan Indonesia.⁴⁰

Selain itu, perkembangan politik di Indonesia telah memberikan kesan kepada pemikiran politik dalam kalangan masyarakat Melayu.⁴¹ Ini dibuktikan melalui perkembangan politik dan hala tuju parti politik di Indonesia yang kelihatan mirip seperti apa yang terjadi di Tanah Melayu. Parti politik seperti Budi Utomo (1908) dan Sarekat Islam (1912) sebagai contohnya menumpukan kepada kepentingan untuk kembali kepada ajaran Islam sebenar seperti mana yang diutarakan oleh

³⁹ Baki Tezcan, *The second Ottoman empire: political and social transformation in the early modern world*, New York: Cambridge University Press, 2010, hlm. 1.

⁴⁰ Meredith L. Weiss, The changing shape of Islamic politics in Malaysia, dlm. *Journal of East Asian Studies*, vol. 4(1), Cambridge University Press, 2004, hlm. 22. Pautan <http://www.jstor.org/stable/23417965>.

⁴¹ Roslan Saadon, *Gagasan nasionalisme Melayu Raya: pertumbuhan dan perkembangan*, Shah Alam: Karisma Publications, 2009, hlm. 31.



masyarakat Melayu di Tanah Melayu dalam tempoh yang berkenaan.⁴² Ini selari dengan kajian Byungkok Soh yang menyatakan bahawa semangat nasionalisme yang tersebar dalam kalangan masyarakat Indonesia pada 1920-1948 telah mempengaruhi masyarakat Melayu.⁴³ Jelasnya, sepanjang tempoh tersebut masyarakat Melayu mula memberi perhatian kepada konsep bangsa yang diperkatakan dalam kalangan dunia politik Indonesia. Sehubungan itu, Sandra Khor Manickam menyatakan bangsa Melayu mula menjadi sensitif kepada idea nasionalisme mulai daripada 1930-an.⁴⁴

Syed Muhd Khairudin Aljunied turut menyatakan cara hidup tradisional masyarakat Melayu telah berubah mulai daripada 1937 apabila wujudnya pemikiran progresif dalam kalangan golongan Melayu radikal Kesatuan Melayu Muda (KMM).⁴⁵ Kemerosotan ekonomi dilihat sebagai faktor utama membawa kepada perubahan tersebut.⁴⁶ Selain itu, Nazirah Lee dalam kajian kepada masyarakat Arab di Malaysia menyatakan bahawa tahun-tahun di antara perang merupakan titik perubahan daripada politik yang bersifat tradisional kepada pemikiran yang berasaskan kepada sistem yang baharu dan moden.⁴⁷ Jelasnya, perkembangan yang terjadi sejak awal abad ke-20 memberikan kesan yang besar kepada pemikiran politik dalam masyarakat Melayu pada 1940-an.

⁴² Muhammad Haniff Hassan, Explaining Islam's special position and politic of Islam in Malaysia, dlm. *The Muslim World*, Vol 97(2), 2007, hlm. 287-316. Pautan <http://scholar.google.com/scholar?hl>.

⁴³ Byungkok Soh, Ideals without heat: Indonesia Raya and the struggle for independence in Malaya, 1920-1948, dlm. *International conference on Malay-Indonesian studies in the globalizing world: retrospect and prospect*, Seoul: Korea, 27-29 Oktober 2004, hlm. 1-30.

⁴⁴ Sandra Khor Manickam, "Ideas of nation and Malayness in Malaya 1809-1942: a history of inclusion and exclusion", Thesis Master of Arts, Department of History, National University of Singapore, 2005, hlm. 95-114. Pautan <http://scholarbank.nus.edu.sg/handle/10635/14669>.

⁴⁵ Syed Muhd Khairudin Aljunied, *Radical resistance and protest in colonial Malaya*, lihat bab 2.

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ Nazirah Lee, "The Arabs in British Malaya in the interwar years, 1918-1941: a historical study", Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Graduate School of International Studies: Hiroshima City University, 2010, hlm. 27-28.



Pemikiran yang baharu dan moden ini boleh dikesan dan difahami melalui cerapan kepada pemikiran politik yang terjadi di Indonesia. Kahin dalam kajian kepada tokoh politik Indonesia iaitu Muhammad Natsir mendapati bahawa konsep demokrasi adalah falsafah yang tidak hanya terhad kepada sistem pentadbiran tetapi demokrasi adalah satu cara hidup yang meliputi bidang rohani dan jasmani. Beliau juga menyatakan demokrasi yang sebenarnya menjamin kebebasan untuk menyuarakan pendapat, kebebasan beragama, kebebasan untuk mendapatkan sesuatu dan juga kebebasan daripada perasaan takut.⁴⁸

Pernyataan tersebut memperlihatkan bahawa setiap individu mempunyai hak dan kebebasan tanpa mengambil kira status sosial mereka. Rujukan kepada 'perasaan takut' dalam pernyataan tersebut memperlihatkan sifat atau jiwa hamba adalah sesuatu

yang perlu ditinggalkan dalam amalan demokrasi. Ia merupakan satu tindakan yang dipercayai untuk memperkuatkan praktis agama Islam dalam kalangan masyarakat Muslim. Demokrasi digambarkan sebagai sesuatu yang sama dengan Islam. Asas kepada persamaan di antara demokrasi dan Islam mengikut Natsir adalah prinsip syura yang mengiktiraf pandangan dan proses rundingan dalam hal pentadbiran. Namun begitu, Natsir menolak prinsip persamaan dan nasionalisme yang berasaskan bangsa dan mahu melaksanakan undang-undang Islam (syariah) dalam pentadbiran.⁴⁹

Pemikiran Natsir berhubung demokrasi ini adalah berbeza dengan pemikiran tokoh-tokoh yang muncul selepasnya seperti Nurcholis Majid. Namun begitu, kesemua tokoh tersebut menegaskan bahawa demokrasi adalah sistem yang memastikan

⁴⁸ Audrey R. Kahin, *Islam, nationalism and democracy: a political biography of Muhammad Natshir*, Singapore: National University Press, 2012, hlm. 99.

⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 185.





bahawa kuasa berada dalam kalangan rakyat dan tidak lagi berpusat kepada golongan yang mempunyai status sosial yang tinggi sahaja.

Pemikiran politik di Indonesia turut tersebar ke Tanah Melayu. Kajian yang dijalankan oleh Nabir Haji Abdullah⁵⁰ dan Badriyah Haji Salleh⁵¹ menunjukkan guru-guru dari Indonesia telah mempengaruhi pemikiran politik para pelajar di Tanah Melayu untuk menekankan kepentingan demokrasi. Walau bagaimanapun, idea dan prinsip demokrasi yang ditekankan di Indonesia dan Tanah Melayu adalah berbeza lantaran kedua-duanya mempunyai perkembangan sejarah dan populasi penduduk yang bertambah. Dalam menjelaskan perbezaan ini, Ariffin Omar menyatakan bahawa orang Melayu sedar peranan istana dalam masyarakat adalah dominan. Sehubungan itu, akhbar-akhbar di Tanah Melayu memilih untuk menggunakan istilah 'demokrasi' sebagai ganti 'kuasa rakyat' atau kedaulatan.⁵² Ia boleh dilihat sebagai satu usaha berbentuk strategik bersifat diplomasi oleh pendukung gerakan kedaulatan rakyat ketika itu. Namun begitu, kesan daripada tindakan tersebut menyebabkan wujudnya perbezaan pelaksanaan demokrasi dikedua-dua negara tersebut pada hari ini. Demokrasi di Malaysia dilihat untuk memelihara sistem raja berperlembagaan

⁵⁰ Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, hlm. 247.

⁵¹ Badriyah Haji Salleh, *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiyah-Salihiah 1914-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. xxiv-xxvi. Lihat juga Badriyah Haji Salleh, Daripada masyarakat kepada masyarakat: pembudayaan Islam dalam kalangan masyarakat Malaysia, dlm. Badriyah Haji Salleh dan Nazirah Lee, *Isu-isu masyarakat Islam*, Batu Pahat: Penerbit UTHM, 2017, hlm. 11-13. Ishak Saat dalam kajiananya berhubung perjuangan Melayu Raya, 1945-1948 turut memperlihatkan kebangkitan kesedaran di Indonesia tidak dapat dipisahkan dengan kebangkitan kesedaran masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Hal ini didorong oleh sejarah bangsa Melayu itu sendiri yang berasal dari satu rumpun bangsa yang sama. Malah, perjuangan Sukarno, Muhammad Hatta, Said Tjokroaminoto, Natsir, Bung Tomo, Tan Melaka dan Alimin misalnya telah menjadi sumber inspirasi golongan pemuda berketurunan Indonesia di Tanah Melayu. Justeru, kejayaan Indonesia mengusir Belanda telah membakar semangat golongan pemuda Melayu di Tanah Melayu untuk bangkit menentang penjajah British. Lihat Ishak Saat, Perjuangan Melayu Raya [Indonesia Raya]: 1945-1948, dlm. Azlizan Mat Enh, Ku Boon Dar, Muhamad Hasrul Zakariah, et al., (pnyt.) *Hubungan antara negara dalam sejarah: dari era pra Perang Dingin ke Perang Dingin*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014, hlm. 72.

⁵² Ariffin Omar, *Bangsa Melayu: konsep bangsa Melayu dalam demokrasi dan komuniti, 1945-1950*, bab 6.





yang demokratik manakala Indonesia melaksanakan sistem republik. Ringkasnya, masyarakat Melayu di Tanah Melayu menerima pengaruh politik daripada Indonesia tetapi tanggapan dan pendekatan mereka tentang idea politik berkenaan adalah berbeza.

Kedatangan masyarakat Indonesia untuk bermaustatin di Tanah Melayu turut melahirkan faham kebangsaan Melayu dalam kalangan golongan kiri Melayu. Sebagai contohnya, dilaporkan terdapat lebih kurang 200 orang Melayu yang kebanyakannya berketurunan Indonesia di Mentakab, Ijok Perak dan Ulu Langat menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat anti kerajaan dan anti sultan.⁵³ Mereka mempunyai kesedaran faham kebangsaan kerana di Indonesia sudah terdapat gerakan seperti Sarekat Islam serta Parti Nasional. Manakala tokoh seperti Sukarno, Hatta, Agus Salim, Soetomo,

05-4506832 Mochtar Lutfi, Rasuna Said dan Dr. A. Rivai menjadi model nasionalisme serta mendapat sokongan pelajar *Sultan Idris Training College* (SITC) termasuk Ibrahim Haji Yaakob.⁵⁴ Tambahan pula, beberapa tokoh politik Indonesia seperti Jamaluddin Tamin, Tan Melaka, Musso dan Darsono berkesempatan bertemu dengan para pelajar SITC apabila mereka melarikan diri ke Tanah Melayu akibat kegagalan pemberontakan yang diterajui oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) pada 1926. Mereka juga sempat menyebarkan pengaruh kepada golongan pelajar tersebut.⁵⁵

Pengaruh pemikiran politik di Kepulauan Melayu turut dipengaruhi oleh perkembangan yang terjadi di Turki. Mustafa Kamal Ataturk dianggap sebagai tokoh

⁵³ CO 537/4751: *Malay states: law and order*, hlm. 2.

⁵⁴ Abdul Latiff Abu Bakar, Ibrahim Haji Yaakob: kegelisahan dan impian seorang pejuang, dlm. *Imej dan cita-cita*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 221.

⁵⁵ Roslan Saadon, Pemikiran dan perjuangan politik Ibrahim Haji Yaakob, dlm. *Sumbangsih kepada Dr Abdul Rahman Abdullah*, hlm. 230. Lihat juga Abu Latiff Abu Bakar, Ibrahim Haji Yaakob: kegelisahan dan impian seorang pejuang, dlm. *Imej dan cita-cita*, hlm. 221.



yang memperjuangkan demokrasi setelah beliau menghapuskan institusi khalifah pada 1924. Sukarno sebagai contohnya mengambarkan Mustapha Kamal Ataturk sebagai pendukung demokrasi.⁵⁶ Sementara perbincangan di akhbar berhubung kemajuan sering merujuk Turki dan amalan demokrasi sebagai batu loncatan untuk memperbaiki keadaan masyarakat.⁵⁷ Pengaruh Asia Barat dalam masyarakat Melayu telah dikaji oleh beberapa orang sarjana seperti Azyumardi Azra,⁵⁸ Mustaffa Abdullah,⁵⁹ Mohammad Redzuan Othman⁶⁰ dan Md. Sidin Ahmad Ishak.⁶¹

⁵⁶ Audrey R. Kahin, *Islam, nationalism and democracy: a political biography of Muhammad Natshir*, Singapore: NUS Press, 2012, lihat perbincangan dalam bab 2. Selain Mekah dan Madinah yang terkenal sebagai pusat keilmuan awal bagi umat Islam dan juga masyarakat Melayu, Istanbul juga turut menjadi destinasi yang dikunjungi untuk menuntut ilmu dan menjalankan hubungan diplomatik. Syeikh Muhammad Yusuf Makasar sebagai contohnya, seorang ulama yang berasal dari Makasar, Hindia Timur Belanda mengunjungi Istanbul, Turki Uthmaniah dalam usaha menuntut ilmu. Sultan kerajaan Banten, iaitu Sultan Ageng Tirtayasa (1651-1682) menghantar puteranya, Abdul al-Qahhar menunaikan ibadah haji ke Mekah. Seterusnya beliau menyambung perjalanan ke Istanbul, Turki Uthmaniah dalam usaha menjalinkan hubungan diplomatik pada 1669-1671 dan 1674-1676. Hubungan antara Alam Melayu dengan Turki Uthmaniah pula dipereratkan dengan kunjungan sultan Johor, Sultan Abu Bakar ke Istanbul pada 1879. Sultan Abdul Hamid II (1876-1909) mengurniakan baginda seorang wanita Turki bernama Rugayyah Hanum. Pada 1893 baginda sekali lagi ke Istanbul bagi menjalinkan hubungan diplomatik dan mendapat sambutan yang baik daripada Sultan Abdul Hamid II. Semasa lawatan kedua, Sultan Abu Bakar turut dikurniakan bintang kebesaran Uthmani Darjah Pertama oleh Sultan Abdul Hamid II sebagai penghargaan daripada dawlah Turki Uthmaniah. Era penjajahan Barat terhadap masyarakat Melayu mendorong Sheikh Wan Ahmad al-Fatani mengeluarkan pandangan bahawa hanya dawlah Turki Uthmaniah berupaya membantu Negeri-negeri Melayu membebaskan diri daripada penjajahan. Hubungan Alam Melayu dengan Turki Uthmaniah juga dapat ditinjau dalam beberapa penulisan ulama Melayu. Antaranya kitab *Bustan al-salatin* tulisan Syeikh Nuruddin al-Raniri dan manuskrip Tarikh Sultan Aceh Bandar Darussalam dan Jajahan takluknya. Lihat Ermy Azziyat Rozali, *Turki Uthmaniah: persepsi dan pengaruh dalam masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016, bab 4.

⁵⁷ Nazirah Lee, "The Arabs in British Malaya in the interwar years, 1918-1941: a historical study", hlm. 40.

⁵⁸ Azyumardi Azra membincangkan hubungan masyarakat Muslim Melayu dengan golongan ulama tasawuf di Mekah sepanjang abad ke-16 hingga 18. Kajian tersebut memperlihatkan bahawa hubungan di antara kedua-dua rantau ini berlangsung melalui jaringan hubungan di antara guru dan murid dalam kalangan pengkaji tasawuf. Lihat Azyumardi Azra, *Jaringan ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara abad XVII dan XVIII: melacak akar-akar pembaruan pemikiran Islam di Indonesia*, Bandung: Penerbit Mizan, 2004, hlm. 300-388.

⁵⁹ Mustaffa Abdullah membincangkan pengaruh pemikiran Rashid Rida dalam masyarakat Muslim di Malaysia dengan merujuk kepada pemikiran yang diutarakan di dalam tafsir *Al-Manar*. Beliau merumuskan bahawa pengaruh Rashid Rida meresap masuk ke dalam masyarakat tempatan setelah tersebarnya majalah *Al-Manar*, tafsir *Al-Manar* dan tafsir-tafsir yang sealiran dengannya. Dari aspek politik beliau mengutarakan ketokohan Rashid Rida dalam membincangkan tentang idea pan Islamisme. Namun begitu, tiada perbincangan khusus berkenaan pemikiran politik demokrasi dibincangkan dalam kajian tersebut. Lihat Mustaffa Abdullah, *Rashid Rida: pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, hlm. 173-210.

⁶⁰ Mohammad Redzuan Othman dalam kajian berhubung peranan dan pengaruh Timur Tengah menyatakan bahawa ibadah haji menyebabkan masyarakat Melayu sentiasa mempunyai hubungan dengan ulama di Mekah. Selain itu, peranan Mekah sebagai pusat pendidikan dan intelektual juga



Masyarakat Arab Hadrami memainkan peranan penting dalam perkembangan masyarakat Muslim di Malaysia.⁶² W.R. Roff sebagai contohnya menyatakan bahawa orang Hadrami mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu 'memandang orang Arab daripada apa juga keturunannya sebagai waris terus kebijaksanaan Islam'.⁶³

Jelasnya, masyarakat Arab Hadrami merupakan golongan yang memainkan peranan penting dalam perkembangan masyarakat Islam di Malaysia. Perkara ini juga diperkatakan oleh Mohammad Redzuan Othman berhubung kesetiaan politik masyarakat Arab di Malaysia sebelum tercetusnya perang. Beliau menegaskan bahawa walaupun masyarakat Arab setia kepada tanah asal mereka di Asia Barat namun, mereka juga mempunyai kesediaan untuk bekerjasama dengan British.



menyebabkan masyarakat Muslim sering kali menjadikan Mekah sebagai destinasi untuk mendalami agama Islam yang kemudiannya mewujudkan hubungan yang erat di antara Muslim di kedua-dua rantau ini. Pengaruh Mesir turut berkembang dalam masyarakat ekoran daripada wujudnya gerakan pemikiran Islah yang di sebarkan oleh Kaum Muda di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Mohammad Redzuan turut menyentuh pengaruh Turki dalam masyarakat Melayu. Lihat Mohammad Redzuan Othman, Masjid al-Haram sebagai sebuah institusi pengajian: peranannya dalam perkembangan awal pendidikan dan intelektualisme Melayu, dlm. Farid Mat Zain (pnyt). *Islam di Tanah Melayu abad ke-19*, Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd, 2000, bab 4.

⁶¹ Kajian berhubung kegiatan intelektual dan penerbitan buku di Asia Barat memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak penerbit di Mesir (contohnya Mustaffa al-Bab al-Halabi -1859. Selain itu al-Bu'uth al-Islamiah- Madinah, Dar Ihya al-Kutub al-arabiah- di Mesir) dan menyebabkan banyak buku yang digunakan di Tanah Melayu diterbitkan di negara tersebut. Ia memperlihatkan masyarakat Melayu di Tanah Melayu mempunyai hubungan dengan Muslim di Asia Barat dan ia mempengaruhi mereka terutamanya dari sudut pemahaman agama. Lihat Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohammad Redzuan Othman, *The Malays in the Middle East: with a bibliography of Malay printed works published in the Middle East*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 2000, hlm. 35.

⁶² Nazirah Lee, "The Arabs in British Malaya in the interwar years, 1918-1941: a historical study", lihat bab 2.

⁶³ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestamam (terj.), hlm. 43-46.





dalam mencetuskan kesedaran politik dalam kalangan masyarakat Melayu yang dibimbangi mengugat kedudukan status quo masyarakat Arab di Malaysia.⁶⁴

Pengaruh Turki dalam pemikiran politik masyarakat Melayu menurut Mohamad Redzuan Othman boleh dilihat daripada idea dan gagasan pan Islamisme yang tersebar pada penghujung abad ke-19. Manakala pada awal abad ke-20 pengaruh Turki ditonjolkan oleh akhbar *Al-Imam* yang mengambarkan Sultan Abdul Hamid sebagai tokoh yang terbilang sering mengambil berat kebijakan rakyat dan membina pelbagai infrastruktur untuk kemudahan awam. Namun begitu, perbincangan Mohammad Redzuan Othman berhubung pengaruh Turki terhenti apabila munculnya gerakan Turki Muda pada 1909.⁶⁵ Walau bagaimanapun, pernyataan tersebut perlu diperhalusi kerana kajian berhubung isu aurat memperlihatkan bahawa pengaruh Turki memberi kesan kepada pemikiran masyarakat Muslim di Semenanjung Tanah Melayu.⁶⁶

Namun begitu, sejauh mana konsep dan prinsip kedaulatan rakyat di Turki mempengaruhi masyarakat Melayu masih belum dibincangkan dengan mendalam. Walau bagaimanapun perbincangan berhubung kesan daripada pemikiran Mustafa Kamal Ataturk serta perbandingan berhubung pemikiran Mustafa Kamal Ataturk dengan tokoh politik Indonesia khususnya Sukarno banyak dilakukan. Turki

⁶⁴ Mohammad Redzuan Othman, *Conflicting political loyalties of the Arabs in Malaya before World War II*, dlm. *Transcending borders: Arabs, politics, trade and Islam in Southeast Asia*, Huub De Jonge and Nico Kaptein (ed.), Leiden. KITLV Press, 2002, hlm. 37-52.

⁶⁵ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005, lihat bab 4.

⁶⁶ Nazirah Lee dan Zanariah Noor, Islam or progress of the nation?: An assessment of the aurat issue in Malay newspapers and magazines in the 1930s, dlm. *GEOGRAFIA*, Vol. 12(6), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016, hlm. 47-48. Pautan <http://scholar.google.com/scholar?hl>.





merupakan sebuah negara sekular-demokratik⁶⁷ yang diperkenalkan oleh Mustapha Kamal Ataturk melalui Revolusi Ataturk yang dilancarkan pada 1923-1938.⁶⁸ Kuasa pentadbiran dikhususkan untuk rakyat melalui prinsip demokrasi, republik yang terdapat dalam kamalism. Dengan itu, Islam diketepikan sepenuhnya dalam pentadbiran dan juga hal ehwal yang berkaitan negara.⁶⁹

Pendekatan tersebut berkait rapat dengan kemahuan Mustafa Kamal Ataturk untuk menjadikan negara berdasarkan prinsip *modern nation-state* yang berdasarkan kepada kedaulatan bangsa yang berdasarkan kepada prinsip sekularisme. Dalam hal ini, Ataturk menyatakan bahawa "... we do not adapt Western civilization for the sake of imitation" tetapi menyatakan, "...We take it [Western civilization] because we find good sides in it that are compatible with our structure [and] for attaining a world civilization as level."⁷⁰ Jelasnya, Mustafa Kamal Ataturk berpendapat bahawa pengadaptasian sistem politik Barat yang berdasarkan pemusatkan kuasa kepada rakyat akan memajukan masyarakat Muslim. Sehubungan itu, berlakunya rombakan kepada sistem pemerintahan yang berdasarkan monarki dalam pentadbiran khalifah untuk dihapuskan. Penekanan kepada penglibatan masyarakat umum dalam pentadbiran dan

⁶⁷ Mustafa Kamal Ataturk telah menamatkan sistem khalifah dan memperkenalkan sistem *laicism* yang terdiri daripada enam prinsip utama yang memastikan agama dan pentadbiran negara dipisahkan sepenuhnya. Beliau juga bertindak memansuhkan Kementerian Kehakiman Syariah dan menggantikan badan kehakiman sivil yang disesuaikan dengan sistem perundangan Sivil Swiss, Undang-undang jenayah Itali dan Undang-undang Jerman dan mengharamkan cara berpakaian Islam, menutup masjid dan menyekat pengamalan undang-undang kekeluargaan Islam. Jelasnya, Turki dalam zaman Mustafa Kamal Ataturk mengamalkan pemerintahan sekular dan menjadikan pemikiran yang berdasarkan rasional Barat sebagai model pembangunan. Pentadbiran Turki yang berada di bawah Mustafa Kamal Ataturk juga memperlihatkan bahawa penghapusan sistem khalifah dan penggunaan prinsip *laicism* tersebut akan memastikan negara diperintah serta diuruskan oleh golongan masyarakat awam yang bertindak demi kemajuan negara

⁶⁸ Banu Eligur, *The mobilization of political Islam in Turkey*, New York: Cambridge University Press, 2010, hlm. 37.

⁶⁹ *Ibid.* Perkara yang sama turut dibincangkan oleh Edward J Erickson, *Mustafa Kemal Ataturk*, Osprey Publishing: Oxford, 2013, hlm. 57-60.

⁷⁰ Banu Eligur, *The mobilization of political Islam in Turkey*, hlm. 43.





kemajuan Turki dapat dilihat daripada intipati gerakan revolusi yang diperkenalkan oleh Mustafa Kamal Ataturk.⁷¹

Kejatuhan khalifah di Turki pada 1924 telah menyebabkan munculnya pelbagai pemikiran baharu dalam masyarakat Muslim diperingkat antarabangsa. Di Mesir pada 1925 Ali Abdul Raziq sebagai contohnya telah menerbitkan buku yang bertajuk *Islam dan dasar pemerintahan sebuah kajian tentang kedudukan khilafah dan kerajaan dalam Islam* menyatakan bahawa Islam tidak merangkumi urusan politik atau urusan kenegaraan.⁷² Khalifah hanyalah sebagai simbol kepada perpaduan umat Islam dan beliau menganjurkan supaya masyarakat Muslim menerima pemikiran sekularisme sehingga beliau dikecam oleh ulama sezaman seperti Rashid Rida yang menyifatkan Ali Abdul Raziq sebagai membawa perpecahan dalam kalangan masyarakat Muslim.⁷³ Jelasnya, masyarakat Muslim di Asia Barat mula menerima pemikiran sekular Barat dan ia membuka jalan untuk sistem demokrasi di amalkan dalam masyarakat Muslim. Ali Abdul Raziq bersama tokoh-tokoh lain mengasaskan aliran sekular di dunia Arab. Mereka termasuklah Farah Antun, Shibli Shumayyil, Salamah Musa, Lutfi al-Sayid dan Taha Husain.⁷⁴

⁷¹ Revolusi kebudayaan mempromosikan bahawa sekularisme adalah jalan untuk mencapai kemajuan dan ketamadunan sementara Islam merupakan sesuatu yang berkait dengan kemunduran dan ‘oriental barbarism’. Masyarakat umum di Turki ditanamkan dengan idea bahawa mereka adalah bangsa Turki yang hebat dan mempunyai ketamadunan yang tinggi dan mengagumkan. Masyarakat Muslim di Turki sangat cenderung untuk mewujudkan sebuah negara yang sekular dan berdasarkan kepada satu bangsa di bawah prinsip *nation state* serta tidak boleh bertolak ansur kepada perbezaan identiti atau cara hidup. Selain itu, masyarakat Turki juga menjadikan politik sebagai isu pentadbiran yang perlu dilaksanakan berdasarkan kepada visi yang ditetapkan dalam gerakan revolusi kebudayaan kamalisme.

⁷² Ali Abdul Raziq, *Islam dan dasar pemerintahan: sebuah kajian tentang kedudukan khilafah dan kerajaan dalam Islam*, Al-Mustaqeem Mahmud Radhi dan Farhan Afendi (terj.), Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 2004, hlm. 70-95.

⁷³ Lihat Khalid Jaafar (kata Pengantar), dlm Ali Abdul Raziq, *Islam dan dasar pemerintahan: sebuah kajian tentang kedudukan khilafah dan kerajaan dalam Islam*, hlm. vii - xii.

⁷⁴ Salamah Musa sebagai contohnya menyatakan bahawa dakwah untuk pemuda di pengaruhi semangat Barat kuno. Lihat Afrizal M, Filsafat Islam di Mesir kontemporer, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2014, hlm. 34. pautan <http://repository.uinsuska.ac.id/8661/1/>. Thaha Husain pula menyatakan Mesir merupakan negara Barat dalam batasan orientasi budaya. Mesir bukan sahaja perlu mengambil





Clive J. Christie dalam perbincangan berkenaan Islam, etnik dan gerakan pemisahan di Asia Tenggara memperlihatkan punca kepada perbezaan tersebut. Beliau menyatakan pada pandangan masyarakat Islam Asia Tenggara Islam tidak menerima konsep sekular Barat yang berkaitan dengan *national sovereignty*. Perlembagaan yang tertinggi dan ideal dalam negara Islam menghadkan kebebasan manusia dengan cara menghadkan kuasa walaupun kerajaan yang memerintah itu zalim atau mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi.⁷⁵ Persoalan yang timbul sejauhmanakah pendapat Clive J. Christie ini boleh diterima dalam konteks masyarakat Melayu di Tanah Melayu pada tahun 1940-an. Dalam hal ini, perbincangan tentang kuasa di tangan masyarakat awam dan keperluan untuk menonjolkan keistimewaan penduduk asal di wilayah yang diperkatakan di Turki boleh dikesan dalam perkembangan politik di Tanah Melayu. Konflik dalam kalangan masyarakat Muslim yang merujuk kepada perselisihan masyarakat Melayu dan Arab

boleh dilihat sepanjang 1930-an hingga 1940-an. Namun begitu, prinsip 'kebangsaan' yang dipromosikan dalam gerakan sekularisme dan prinsip *nation state* tidak diadaptasi sepenuhnya dalam masyarakat Melayu walaupun rujukan dan perbincangan tentangnya seringkali di perbincangkan dalam akhbar-akhbar di Tanah Melayu.⁷⁶

peradaban Eropah tetapi menjadi orang Eropah dalam semua perkara. Menurut beliau untuk mengembalikan kejayaan dan kemakmuran Islam bukan dengan cara kembali kepada Islam yang lama dan bukan pula dengan reformasi atau pembaharuan pemikiran Islam, tetapi dengan perubahan menyeluruh yang bernaafas liberal dan sekular dengan berkiblat kepada Barat. Thaha Husain berkeyakinan bahawa Barat adalah bentuk masyarakat ideal. Menurut Thaha Husain juga politik dan agama adalah dua perkara yang berbeza. Lihat H. Artani Hasbi, 2001, *Musyawarah & demokrasi: analisis konseptual aplikatif dalam lintasan sejarah pemikiran politik Islam*, hlm. 144-145. Lihat juga Barsihannor, Pemikiran Taha Husain, dlm. *Jurnal Al-Hikmah*, Vol. XV (1), 2014, hlm. 118-126. pautan <http://journal.uin-alauddin.ac.id>.

⁷⁵ Clive J. Christie, *A modern history South East Asia: decolonization, nationalism and separatism*, London: I. B. Tauris, 1996, hlm. 26.

⁷⁶ Nazirah Lee, "The Arabs in British Malaya in the interwar years, 1918-1941: a historical study", hlm. 419-427.



Selain Turki perkembangan politik di Mesir terutamanya turut memberi kesan kepada masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Abdul Rauh Yaacob dalam kajiannya berhubung hubungan pemikiran Islam Timur Tengah dan Alam Melayu melihat perkembangan pemikiran politik Islam di Alam Melayu pada dasarnya tidak dapat dipisahkan dari dunia Arab yang banyak mempengaruhi pemikiran dan politik Islam di rantau ini sehingga peranan ini diambil alih negara Arab lain seperti Mesir.⁷⁷ Pengaruh Mesir kepada masyarakat Melayu boleh dilihat dengan jelas melalui penyebaran idea yang berlaku melalui penterjemahan akhbar dan juga penyebaran pemikiran berhubung politik yang disebarluaskan oleh pelajar Universiti Al-Azhar.

Menurut kajian Crecelius Daniel Neil revolusi pemikiran berhubung agama berlaku di Al-Azhar yang mana ia memperlihatkan pengaruh daripada organisasi penting di Mesir. Pada tahun 1950-an sebagai contohnya Ikhwan al-Muslimin menjadi kumpulan utama yang menimbulkan perbincangan tentang reformasi berkaitan agama di Al-Azhar. Crecelius menyatakan peringkat kedua perubahan ini berkait dengan *autonomous communal systems* menggunakan prinsip national yang berasaskan kepada sekular yang ditentang oleh para sheikh di Mesir.⁷⁸

Selain itu, Syed Faris Alatas dalam kajiannya berhubung demokrasi dan authoritarianism di Malaysia dan Indonesia turut melihat kebangkitan nasionalisme di Timur Tengah terutamanya di Mesir berkaitan dengan perkembangan gerakan pemodenan Islam merupakan faktor penting dalam kemunculan nasionalisme di

⁷⁷ Abdul Rauh Yaacob, Hubungan pemikiran Islam Timur Tengah dan Alam Melayu, dlm. Farid Mat Zain (pnyt.), *Islam di Tanah Melayu abad ke-19*, Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd, 2010, lihat bab 3.

⁷⁸ Crecelius, Daniel Neil, "The ulama and the state in modern Egypt", Tesis Doktor Falsafah. Princeton University, 1967. (microfilem)

Malaysia dan Indonesia.⁷⁹ Pendapat Syed Faris Alatas senada dengan pandangan Hashim Ismail yang melihat pengaruh Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abdur sebagai contohnya telah berjaya mendidik para pelajar Universiti Al-Azhar dalam pembaharuan cara berfikir.⁸⁰ Lantaran itu, Ibrahim Haji Yaakob meminta seluruh rakyat Tanah Melayu yang masih dijajah British menyokong perjuangan rakyat Mesir melawan dan menghapuskan kekuasaan penjajah British.⁸¹ Jelasnya, pemikiran masyarakat Muslim di Asia Tenggara sering kali dipengaruhi oleh perkembangan yang berlaku dalam dunia Muslim dan idea-idea yang dibincangkan dalam bidang pendidikan.

Kamaruzzaman Bustamam Ahmad dalam ulasan berhubung pemikiran Islam kontemporari di Asia Tenggara menyatakan terdapat empat peringkat perkembangan pemikiran Islam di Asia Tenggara. Peringkat pertama adalah dipengaruhi oleh ulamak yang berkhidmat dalam kerajaan Islam seperti Aceh, Melaka dan Patani manakala peringkat kedua merujuk kepada keadaan atau zaman di mana pemikiran masyarakat Muslim dipengaruhi oleh ulamak daripada Asia Barat dan ia dianggap sebagai zaman yang memperlihatkan kedinamikan intelektual Islam di Asia Tenggara. Seterusnya peringkat ketiga adalah zaman masyarakat Muslim dipengaruhi oleh kajian para orientalis Barat dan peringkat terakhir merujuk kepada pemikiran yang dicorakkan oleh para sarjana dari Asia Tenggara yang telah memberikan pemikiran mereka berhubung interpretasi yang berkaitan dengan isu Islam. Jelasnya, pemikiran

⁷⁹ Syed Faris Alatas, *Democracy and authoritarianism in Malaysia and Indonesia: the rise of the post-colonial state*, hlm. 107.

⁸⁰ Hashim Ismail, *Hermeneutik: reaksi reformasi Kaum Muda*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010, lihat bab 3.

⁸¹ SP/8/813/103, Suara Malaya Merdeka, Ogos 1957, Terusan Suez untuk Mesir.



masyarakat Muslim dalam tempoh kajian ini turut dicorakkan oleh perkembangan yang berlaku di Haramayn, Mesir dan Turki.⁸²

Selain pengaruh daripada masyarakat Muslim di luar Tanah Melayu, usaha untuk mengubah sistem politik dalam masyarakat Melayu juga datang daripada keinginan untuk memperbaiki keadaan masyarakat Melayu yang ketinggalan ketika itu. Masyarakat Melayu khususnya golongan nasionalis kiri di Tanah Melayu menyatakan bahawa demokrasi adalah alat untuk mereka mencapai kemajuan. Penghujung tahun 1947, Burhanuddin Helmi misalnya berpeluang mengetuai perwakilan Malaya ke *Inter Asian Relations Conference* di New Delhi. Persidangan ini membuka peluang kepada beliau berkenalan dan berbincang tentang gerakan menentang penjajahan bersama-sama pemimpin kemerdekaan negara Asia. Di atas



Daud dan Ibu Zain Sulaiman.⁸³ Malah, ketika berada di India Burhanuddin Helmi telah berjumpa Nehru dan Aung San ketika di Burma.⁸⁴

⁸² Kamaruzzaman Bustamam Ahmad, *Contemporary Islamic thought in Southeast Asia: ‘Islam liberal, ‘Islam Hadhari, and ‘Islam Progresif*, dlm. *Islamic thought in Southeast Asia: new interpretations and movements*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013, hlm. 22-24.

⁸³ Ibu Zain bertindak sebagai penterjemah kepada ucapan Burhanuddin Helmi semasa memberi pidato. Menurut Abdul Majid Salleh, Ibu Zain sengaja dibawa bertujuan untuk memperkenalkan kepada dunia luar bahawa wanita Melayu yang seusia Ibu Zain pada ketika itu pun berpelajaran Inggeris. Lihat Abdul Majid Salleh, *Untuk mu anak merdeka*, Ampang: Syarikat Nadhi Edar Sdn. Bhd, 1991, hlm. 4. Ibu Zain Sulaiman atau Hajjah Zainun Sulaiman pada ketika itu adalah penyelia Sekolah-sekolah Perempuan Johor. Sebagaimana di laporkan oleh *Kenchana* Hajjah Zainun ketika ditemui berkata bahawa beliau ke India dengan jalan sendiri dan tidak mewakili mana-mana pergerakan. Sebagaimana menurut beliau, "Saya ke India kerana menunaikan jemputan dari Nyonya Sarojini Naidu supaya dapat hadir sebagai pemerhati". Keterangan lanjut lihat dari meja pengarang, dlm. *Kenchana*, April 1947, hlm. 6. Lihat juga mengulangkaji tahun lepas dan sekarang mulakan perjuangan baharu, dlm. *Kenchana*, 8 Januari 1948, hlm. 8.

⁸⁴ *Ibid.*



Beliau juga pernah dikunjungi oleh Sukarno dan Hatta yang berada di Taiping, Perak ketika itu bagi merancang perjuangan kemerdekaan Indonesia-Tanah Melayu.⁸⁵ Walaupun UMNO turut dijemput menghadiri *Inter Asian Relations Conference* di New Delhi tersebut tetapi UMNO tidak menghantar wakil.⁸⁶ Namun begitu, kedaulatan rakyat yang diperjuangkan dalam demokrasi tidak diterima sepenuhnya oleh masyarakat Melayu terutamanya golongan pembesar.⁸⁷ Ini kerana konsep daulat hanya kepada golongan pembesar.⁸⁸

Jelasnya, perkembangan yang berlaku dalam tahun 1930-an memberi kesan kepada perkembangan yang berlaku pada tahun 1940-an. Manakala perkembangan dalam dunia Islam seperti perkembangan di Turki, Mesir dan Indonesia yang menjurus kepada demokrasi menyebabkan masyarakat Melayu menerima prinsip demokrasi dan keperluan untuk berubah. Namun begitu, dalam masa yang sama mereka tidak menerima demokrasi Barat sepenuhnya seperti yang ada di Indonesia dan Turki. Demokrasi di Tanah Melayu disesuaikan dengan Islam kerana majoriti masyarakat Muslim melihat agama tersebut sebagai asas kehidupan mereka.⁸⁹

⁸⁵ *Ibid.*, hlm. 3. Lihat juga Ishak Saat, *Sejarah politik Melayu pelbagai aliran*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2007, hlm. 41; Kamarudin Jaffar, *Dr. Burhanuddin Al Helmy: pemikiran dan perjuangan*, Kuala Lumpur: Ikdas, 2000, hlm. 29. Di dalam perjumpaan inilah ketika Sukarno berjabat tangan dengan Ibrahim Haji Yaakob sambal berkata, "Marilah kita bangunkan satu negara IBU buat seluruh tumpah darah Indonesia" dan dijawab oleh Ibrahim Haji Yaakob, "Kami orang Melayu di Malaya dengan setia untut turut membangunkan negara IBU dengan Malaya bersatu dalam Indonesia-merdeka." Keterangan lanjut lihat Ibrahim Yaacob, *Sekitar Malaya merdeka*, Jakarta: Kesatuan Malaya Merdeka, 1957, hlm. 29.

⁸⁶ *UMNO/SG NO 89/1946*, Malayans may attend inter-asian conference in New Delhi, 24 September 1946.

⁸⁷ Arrifin Omar, *Bangsa Melayu: konsep bangsa Melayu dalam demokrasi dan komuniti, 1945-1950*, hlm. 212.

⁸⁸ *Ibid.*, hlm. 218.

⁸⁹ Raffles menyatakan bahawa agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu adalah sesuatu yang perlu dikikis. Khairudin AlJunied sebagai contohnya memetik Raffles sebagai berkata Islam "...is the religion of all others most likely to enslave the minds and bodies and mankind.... and "... It is essentially a 'robber-religion'. Namun begitu, menurut Raffles Islam di Asia Tenggara berbeza daripada Islam di Asia Barat dan menyatakan bahawa masyarakat Muslim di Kepulauan Melayu "... has hitherto taken only a very partial and superficial root in many of the Eastern Islands". Fahaman masyarakat Melayu di Tanah Melayu pada abad ke-19 berbeza dengan masyarakat Muslim Asia Barat.



Pendedahan terhadap idea demokrasi ini berjaya meningkatkan kesedaran sebahagian golongan bawahan ketika itu terhadap kelemahan pentadbiran kerajaan dan kemunduran masyarakat Melayu. Sejajar dengan itu, tanpa bergantung kepada kepimpinan tradisional golongan arus bawah yang berkesedaran tersebut merancang masa depan dan hala tuju negara. Pada pandangan masyarakat Muslim di Tanah Melayu demokrasi menekankan prinsip persamaan dan ia menumpukan kepada kuasa majoriti. Justeru, kajian ini akan mengangkat perjuangan kedaulatan rakyat oleh golongan kiri Melayu dengan menganalisis sejauhmana perjuangan golongan kiri Melayu yang cuba mendaulatkan kedudukan golongan bawahan tersebut dalam konteks politik yang dikuasai oleh golongan aristokrasi sepanjang tempoh kajian.



1.3 Permasalahan Kajian



Pemikiran kedaulatan rakyat yang merupakan asas demokrasi merupakan sistem politik yang diguna pakai dalam sistem pentadbiran di Malaysia hingga hari ini. Dalam kajian sejarah Malaysia golongan kanan lebih diperlihatkan sebagai pejuang gerakan nasionalisme dan kemerdekaan Tanah Melayu. Sebaiknya, golongan kiri sentiasa dikesampingkan dan dianggap perjuangan bersifat radikal walaupun mereka adalah antara golongan awal yang mencetuskan semangat nasionalisme dan mendaulatkan kuasa rakyat dalam sistem pemerintahan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, sistem politik tradisional Tanah Melayu yang mirip kepada sistem

Namun begitu, dalam kajian berhubung demokrasi dan perletakan kuasa dalam kalangan golongan masyarakat biasa perkembangan di Turki dilihat menyumbang kepada perubahan politik di Tanah Melayu. Ahmad Boestamam sebagai contohnya menyatakan ‘saya memasuki KMM dulu kerana perjuangannya disarankan mengiras Young Turks atau Turki Muda, dan itulah sebabnya ia dinamakan Kesatuan Melayu Muda, tidak Kesatuan Pemuda Melayu.’ Lihat SP 89/5, Surat keterangan daripada Ahmad Boestamam kepada Mustapha, 12 November 1975, hlm. 3.





feudal dan berkisar kepada golongan sultan menyebabkan kedaulatan rakyat adalah suatu konsep baharu dalam masyarakat Melayu pada ketika itu.

Selepas Perang Dunia Kedua keadaan ini semakin menyedarkan sebahagian golongan rakyat yang melihat tiadanya unsur kedaulatan rakyat dalam politik Tanah Melayu. Kesedaran berhubung kedaulatan membuatkan mereka tidak berpuas hati terhadap orde sosio-politik tradisional. Nasionalisme menyedarkan mereka bahawa orde sosio-politik tradisional bersifat menindas golongan rakyat secara berterusan dan perlu di tamatkan. Justeru, kajian ini menjelaskan prinsip kedaulatan rakyat yang cuba diketengahkan oleh golongan kiri pada tempoh kajian iaitu 1945 hingga 1948 dengan membahaskan gagasan dan perjuangan serta pembaharuan dan cabaran yang dihadapi oleh nasionalis kiri Melayu dalam usaha mereka mempromosikan idea demokrasi



1.4 Objektif Kajian

Bagi memahami kajian ini dengan lebih jelas, terdapat empat objektif utama yang digariskan iaitu;

1. Membincangkan latar belakang sistem politik masyarakat Melayu sebelum munculnya idea kedaulatan rakyat.
2. Menilai gagasan dan perjuangan kedaulatan rakyat yang menjadi dasar perjuangan golongan nasionalis kiri Melayu dalam tempoh kajian.





3. Menganalisis pembaharuan ekonomi dan pendidikan yang cuba diketengahkan oleh golongan nasionalis kiri Melayu dalam mengukuhkan prinsip kedaulatan rakyat.
4. Menganalisis cabaran yang ditempuhi oleh golongan nasionalis kiri Melayu khususnya dari segi penerimaan masyarakat Melayu sendiri berhubung kedaulatan rakyat yang diperjuangkan.

1.5 Kepentingan Kajian

Di Malaysia, Perang Dunia Kedua menyebabkan perkembangan dan penularan pemikiran tersebut dalam kalangan masyarakat Melayu berkembang dengan pesat

berbanding sebelumnya. Dekad 1940-an menyaksikan pelbagai peristiwa politik yang mengambarkan bahawa dunia politik masyarakat Melayu sedang melalui pelbagai perubahan. Perjuangan kemerdekaan menjadi wadah utama dalam kalangan nasionalis Melayu sama ada golongan kanan dan kiri. PKMM yang dikenali sebagai golongan kiri adalah salah satu parti politik di Tanah Melayu yang berjuang ke arah kemerdekaan Tanah Melayu dan mendaulatkan kuasa rakyat dalam sistem politik.

Justeru, tempoh ini boleh dikatakan sebagai satu tempoh penting kerana ia mewakili satu titik perubahan bagaimana masyarakat mula berfikir berhubung sistem politik Tanah Melayu. Namun, gerakan nasionalisme yang diperjuangkan oleh golongan kiri Melayu bukanlah gerakan yang berjaya mengambil alih kuasa daripada penjajah British. Perjuangan mereka untuk mendapatkan kemerdekaan boleh dianggap gagal sebaliknya pihak yang berjaya mengambil alih kuasa daripada





penjajah British ialah UMNO dan badan gabungannya *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC) yang digolongkan sebagai gerakan aliran kanan.

Namun, kepentingan pemikiran golongan kiri seperti PKMM dan cabang-cabangnya berjuang di arena politik tanah air walaupun hanya selama tiga tahun ini perlu diperhalusi. Ini kerana perjuangannya membela dan mempertahankan 'kedaulatan kebangsaan Melayu' tidak dapat dinafikan dan mempunyai ciri-ciri yang amat berbeza berbanding politik Tanah Melayu. Perjuangan golongan nasionalis kiri Melayu dalam tempoh kajian merupakan titik perubahan dalam pemikiran politik Melayu dari politik yang mirip kepada feudal kepada politik oleh golongan bawahan. Ringkasnya, kajian berhubung perkembangan politik 1945-1948 akan memperlihatkan ciri dan karektor yang unik dalam politik Melayu kerana pertama kalinya ia mempromosikan kuasa politik dalam kalangan orang biasa.

Sungguhpun konsep dan prinsip perjuangannya dipandang agak radikal dan tidak praktikal dalam suasana krisis Tanah Melayu ketika itu akan tetapi banyak perkara yang diperjuangkan atas nama nasionalis Melayu tersebut dimanfaatkan oleh UMNO terutama dalam memperjuangkan hak dan keistimewaan orang Melayu. Semangat nasionalisme Melayu yang diperjuangkan oleh golongan nasionalis kiri Melayu memberi kesan kepada pendekatan politik UMNO menghadapi percaturan politik Malaysia yang lebih kompleks. Ketika era pentadbiran Tunku Abdul Rahman (Tunku) sebagai contohnya, politik anjuran Perikatan UMNO-MCA-MIC yang kemudiannya menjadi Barisan Nasional sebenarnya telah didahului oleh





pensyarikatan antara Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)⁹⁰ dan *All Malaya Council of Joint Action* (AMCJA).⁹¹ Malah, dalam tempoh lima tahun UMNO menggantikan slogan 'hidup Melayu' dengan 'Merdeka' sebagai slogan perjuangan yang terlebih dahulu dipelopori oleh golongan kiri Melayu. Ringkasnya, masyarakat Melayu mula mengalami perubahan daripada jiwa feudal kepada jiwa merdeka. Jiwa merdeka ini merentasi kongkongan jiwa feudal konservatif masyarakat Melayu, membakar semangat dan meningkatkan azam nasionalisme Melayu sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Perjuangan golongan kiri yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan turut menjadi dasar rasmi UMNO dan Perikatan apabila kemerdekaan Tanah Melayu diisytiharkan pada 31 Ogos 1957. Justeru, kajian khusus kepada perjuangan dan jasa yang dimainkan oleh nasionalis kiri Melayu dalam usaha

⁹⁰ PKMM di bawah pimpinan Burhanuddin Helmi telah membentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) pada 22 Februari 1947 di alamat No. 2 Batu Road, Kuala Lumpur yang menyatukan pergerakan Melayu dalam menuntut kemerdekaan penuh dan serta merta dari British. Keanggotaan PUTERA terdiri daripada PKMM, API, AWAS, Barisan Tani Se-Malaya (BATAS), Majlis Islam Tertinggi (MATA) dan Gerakan Angkatan Muda (GERAM) dengan dipimpin oleh Ishak Haji Muhammad. Keterangan lanjut lihat Ahmad Boestamam, *Dr. Burhanuddin putera setia Melayu Raya*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Kejora, 1972, hlm. 24. Gabungan tersebut sebulat suara memilih Ishak sebagai pemimpin PUTERA. Pemilihan tersebut disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah Ishak seorang terpelajar yang mempunyai pengetahuan yang tinggi, Burhanuddin Helmi perlu menumpukan sepenuh tenaga dalam PKMM yang harus memegang 'tenaga pimpinan' kepada golongan itu, melalui kepimpinan Ishak yang memegang jawatan sebagai Naib Yang Dipertua Agung PKMM ketika itu kemungkinan PUTERA tidak diselewengkan menjauhkan diri dari PKMM dan faktor seterusnya ialah tokoh PKMM lain perlu ditampilkan ke depan supaya dapat dibuktikan bahawa golongan kiri Melayu tidak kekurangan tokoh. Ishak Haji Muhammad dilantik sebagai Yang Dipertua PKMM semasa Kongres PKMM ketiga pada Disember 1947 dan ditangkap di Ipoh pada Julai 1948 setelah darurat diisytiharkan oleh British dan dibebaskan pada pertengahan tahun 1953. Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, *Ishak Haji Muhammad penulis dan ahli politik sehingga 1948*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1977, hlm. 34 dan 161. Tujuan penubuhan PUTERA adalah untuk mewujudkan gabungan yang padu dalam kalangan parti politik kiri Melayu bagi memberi saingan kepada UMNO. Lihat Mohd Foad Sakdan, *Pengetahuan asas politik Malaysia*, hlm. 151. Di Indonesia juga terdapat PUTERA yang dipimpin oleh Sukarno. Lihat PUTERA, dlm. *Fajar Asia*, 10 sighigatsu 2603, hlm. 335.

⁹¹ AMCJA merupakan gabungan pertubuhan bukan Melayu kiri yang dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock. Pada awalnya AMCJA dikenali sebagai *Council of Joint Action* (CJA) yang ditubuhkan pada 14 Disember 1946. Penubuhan CJA merisaukan British disebabkan badan ini bertujuan menggembangkan suara golongan bukan Melayu menentang British kerana tidak dibawa berunding dalam penyediaan perlembagaan baharu untuk menggantikan Malayan Union. Pada 22 Disember 1946 CJA menukar namanya kepada *Pan-Malayan Council of Joint Action* (PMCJA). Pertukaran nama ini diabsahkan oleh kemasukan PKMM, *Malayan Democratic Union*, MIC, *Straits Chinese British Association*, *Ceylon Tamil Association*, *Singapore Clerical and Administrative Worker's Union*, *Pan Malayan Federation of Trade Union* dan *Indian Chamber of Commerce Singapore*. PMCJA kemudiannya menukar namanya sekali lagi kepada *All Malaya Council of Joint Action* (AMCJA). Lihat Ahmat Adam, *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013, hlm. 111-113.





menjayakan reformasi politik berteraskan kedaulatan rakyat seharusnya diberikan penekanan.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini akan memfokuskan kepada perjuangan untuk mendaulatkan kuasa rakyat oleh golongan nasionalis kiri Melayu yang diwakili PKMM melalui motto perjuangannya 'Membela hak keadilan putra Melayu' yang bermatlamat untuk mendapatkan kemerdekaan bangsa dan tanah air. Manakala dari segi tempoh masa kajian, perbincangan akan berfokuskan kepada tahun 1945 hingga 1948. Tempoh masa 1945 adalah waktu yang begitu kuat desakan atau wujudnya kesedaran yang

melibatkan kesedaran ramai khususnya golongan bawahan. Malah, tahun 1945 iaitu tahun golongan bawahan mula membentuk parti politik Melayu pertama di Tanah Melayu selepas pendudukan Jepun dimulai dengan penubuhan PKMM. Manakala tahun 1948 ialah tahun di mana Undang-undang Darurat diperkenalkan yang membawa kepada pengharaman dan lumpuhnya parti politik kiri Melayu.

Dalam tahun 1945-1948 tersebut Tanah Melayu mengalami peristiwa politik yang menentukan masa depan masyarakat Melayu. Tempoh ini adalah tempoh penolakan kepada penjajahan dan berlakunya persaingan merebut kepimpinan perjuangan kemerdekaan. Golongan nasionalis kiri Melayu mula menggerakkan usaha mereka yang dimulakan sejak awal kurun ke-20 ke arah meninggikan kedudukan masyarakat Melayu dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Dalam masa yang sama mereka berusaha untuk membebaskan Tanah Melayu daripada



penjajahan British dan yang paling penting adalah menegakkan kedaulatan rakyat dalam sistem pemerintahan Tanah Melayu. Perjuangan nasionalis kiri Melayu dalam politik sentiasa berkesinambungan di sepanjang tempoh kajian walaupun persaingan tersebut telah didominasi oleh golongan kanan.

1.7 Kajian Lepas

Kajian berhubung nasionalisme, sejarah gerakan anti kolonial dan perjuangan kemerdekaan masyarakat Melayu telah banyak dihasilkan oleh para sarjana sama ada dalam bentuk buku, artikel, mahupun memoir dan berkesinambungan sehingga hari ini. Pelbagai aspek dilihat dalam kajian mereka meliputi ekonomi, politik dan sosial.

Kebanyakan memfokuskan kajian satu-satu parti secara menyeluruh atau biografi tokoh yang dianggap pejuang nasionalisme. Semua kajian memperlihatkan berlakunya perubahan daripada politik tradisional kepada politik yang bercorak baharu dalam masyarakat Melayu. Kajian-kajian yang akan dibincangkan dalam tajuk ini memperlihatkan perubahan politik tersebut, namun sejauh mana ia mengulas tentang kedaulatan rakyat adalah sesuatu yang perlu diperhalusi.

Kuasa dalam masyarakat Melayu tradisional menurut Muhammad Kamil Awang dalam kajiannya bertajuk *The Sultan and the constitution* adalah bersifat feudal.⁹² Perhubungan antara sultan dan pembesar tempatan kurang erat malah setiap pihak turut bersaing bagi meningkat dan mendapatkan monopoli kuasa yang berkesan. Agama, kebudayaan dan kepercayaan Islam mempengaruhi perkembangan kerajaan

⁹² Muhammad Kamil Awang, *The Sultan and the constitution*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.



Melayu awal. Sebaliknya pengenalan pentadbiran dan institusi Barat di Negeri-negeri Melayu pada akhir kurun ke-19 mengubah sistem politik tradisional kepada sistem naungan penjajah. Campur tangan British dalam hal ehwal Negeri-negeri Melayu bermula daripada permintaan sultan Melayu apabila berlakunya pertikaian antara pembesar dengan sultan dan perselisihan dalam kalangan sultan itu sendiri menurut Muhammad Kamil merupakan titik perubahan dalam sejarah Negeri-negeri Melayu. Proses transformasi dan pengukuhan asas kesultanan dan evolusi berikutnya daripada pemerintahan feudal kepada pemerintahan raja berperlembagaan dengan sultan hanya menjalankan kuasa rasmi sahaja. Walau bagaimanapun, Islam dan adat istiadat Melayu terus memainkan peranan dalam kerajaan moden. Walaupun kajian Muhammad Kamil Awang hanya memfokuskan kepada institusi raja dan perlembagaan namun ia telah memberikan maklumat berhubung politik tradisional



Kewujudan sistem feudal serta kuasa yang berpusat kepada sultan turut diketengahkan dalam kajian J.M. Gullick.⁹³ J.M. Gullick dalam kajiannya *Indigenous political system western Malaya* memberi tumpuan tentang budaya politik orang Melayu yang memperlihatkan ciri-ciri pokok feudalisme Melayu seperti kewujudan sultan yang berkuasa mutlak, memerintah sesuka hati, perebutan dan perkelahian golongan pembesar, berperang, perebutan takhta, rakyat bawahan yang ditindas, kaku dan sentiasa patuh kepada kehendak pembesar dan pemerintah. Malah, struktur masyarakat sebagaimana kajian J.M. Gullick terdapatnya dua lapisan iaitu lapisan atasan adalah golongan yang memerintah yang terdiri daripada sultan, keluarganya dan pembesar. Golongan ini dikatakan mempunyai kuasa yang besar dalam bidang

⁹³ J.M. Gullick, *Indigenous political system western Malaya*, London: University of London, Athlone Press, 1965.



politik dan ekonomi, manakala lapisan kedua ialah lapisan bawahan iaitu golongan yang diperintah.

Kuasa dalam zaman prakolonial di mana seluruh kebudayaan masyarakat Melayu tertumpu di istana dan sultan merupakan pemimpin dan pencorak nilai sosial dan budaya politik masyarakat Melayu. Malah, pada zaman tradisional masyarakat Melayu tidak mengenali 'kelas menengah' dan institusi sultan menjadi satu-satunya paksi yang menunjangi pemikiran budaya masyarakat Melayu. Oleh hal yang demikian, taat setia kepada sultan adalah ciri utama dalam pemikiran politik masyarakat Melayu tradisional. Ahmat Adam dalam kajiannya *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa* turut senada dengan pandangan J.M. Gullick bahawa institusi sultan merupakan satu-satunya paksi yang menunjangi pemikiran budaya orang Melayu.⁹⁴ Manakala sikap tunduk kepada sultan disebabkan takut dan ini turut ditentukan oleh hakikat bahawa masyarakat Melayu terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan yang memerintah dan yang diperintah. Menurut kajian Ahmat Adam lagi dalam kerangka budaya politik Melayu tradisional seseorang pemerintah lebih mementingkan tertib dan taraf. Keprihatinan terhadap kedudukan, status dan martabat diperlihatkan apabila mesyuarat pembesar-pembesar Melayu diadakan kedudukan seseorang ditentukan berdasarkan pangkat.

Noor Sulastry Yurni Ahmad pula dalam kajiannya bertajuk *Hegemoni budaya politik Melayu* turut memberi tumpuan kepada budaya politik Melayu.⁹⁵ Sebelum ketibaan British di Tanah Melayu masyarakat Melayu hidup dalam pemerintahan

⁹⁴ Ahmat Adam, *Melayu, nasionalisme radikal dan pembinaan bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.

⁹⁵ Noor Sulastry Yurni Ahmad, *Hegemoni budaya politik Melayu*, Bangi: Penerbit UKM, 2014.



feudal iaitu satu sistem yang disifatkan telah menjalari kehidupan setiap masyarakat Melayu. Menurut Noor Sulastry Yurni Ahmad taat setia rakyat ditujukan khusus kepada golongan pemerintah manakala semua hak milik rakyat juga adalah milik golongan pemerintah. Masyarakat Melayu ketika itu merasakan mereka dimiliki sepenuhnya dan 'terikat' oleh sultan. Namun, apabila British menguasai negeri Melayu, kuasa penjajah itu tidak membenarkan sultan Melayu mempunyai kuasa mutlak seperti yang dinikmati pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Jelasnya, kuasa dalam masyarakat Melayu sebelum penjajahan British adalah berpusat kepada sultan dan masyarakat Melayu digambarkan sebagai golongan feudal.

Berhubung hal ini juga Cheah Boon Kheng dalam tulisannya *Feudalisme Melayu: ciri-ciri dan pensejarahannya* tidak menafikan bahawa konsep feudal diperkenalkan oleh penulis kolonial ekoran wujudnya pemikiran berpusatkan Eropah yang kuat.⁹⁶ Cheah Boon Kheng mengenangkan satu perbandingan antara feudalisme Melayu dengan Eropah dengan mendakwa bahawa feudalisme membolehkan masyarakat mengetahui sebab Negeri-negeri Melayu kerap mengalami huru hara, mengalami kemerosotan dan berpecah belah pada abad ke-19 sehingga akhirnya satu demi satu kerajaan itu jatuh ke tangan kerajaan British.

Walau bagaimanapun mengulas tentang politik Melayu zaman tradisional Azmi Ariffin dalam kajiannya *Feudalisme Melayu: asal usul pemikiran, sejarah dan pensejarahan* menumpukan kepada permasalahan penyalahgunaan istilah feudalisme

⁹⁶ Cheah Boon Kheng, *Feudalisme Melayu: ciri-ciri dan pensejarahannya*, dlm Abu Talib Ahmad & Cheah Boon Kheng, *Isu-isu pensejarahan (esei penghargaan kepada Dr R. Sunthralingam)*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1995.



dalam penulisan sejarah masyarakat Melayu.⁹⁷ Terdapat perdebatan yang mempersoalkan sama ada Negeri-negeri Melayu sebagai negara feudal atau sebaliknya. Istilah 'feudalisme Melayu' mula diperkenalkan oleh orang Eropah khususnya sarjana dan pegawai kolonial British sewaktu membuat catatan tentang masyarakat Melayu menjelang awal kurun ke-19. Menurut Azmi Ariffin lagi dalam kajiannya yang lain berhubung feudalisme iaitu *Feudalisme Eropah Barat zaman pertengahan* menyatakan bahawa feudalisme dipercayai telah wujud dan diamalkan oleh masyarakat Eropah, Asia mahupun Asia Tenggara termasuk Tanah Melayu.⁹⁸ Namun begitu, penolakan Azmi Ariffin kepada prinsip feudalisme dalam masyarakat tidak menafikan pemerintahan kuasa dalam masyarakat Melayu tradisional berlaku. Kajian beliau turut memperlihatkan bahawa kuasa terletak dalam kalangan golongan pemerintah iaitu sultan dan para pembesar. Meskipun diakui terdapat suatu bentuk persamaan secara kebetulan antara masyarakat Melayu kurun ke-19 dengan masyarakat Eropah Barat zaman pertengahan namun ciri-ciri feudalisme tidak dapat ditemui di Tanah Melayu.⁹⁹ Bukti-bukti yang dikemukakan oleh sumber sejarah Barat

⁹⁷ Azmi Arifin, "Feudalisme Melayu:Asal usul pemikiran, sejarah dan pensejarahan", Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007.

⁹⁸ Lihat Azmi Ariffin, *Feudalisme Eropah Barat zaman pertengahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

⁹⁹ Ahli-ahli sejarah sering mengaitkan feudalisme dengan gejala negatif seperti perpeperangan, perebutan kuasa, perpecahan dan keruntuhan sesebuah kerajaan. Namun, sejarah membuktikan perkembangan feudalisme di Eropah Barat menjadi unsur yang membawa kepada nilai-nilai positif dan kemajuan. Amalan feudalisme bukan sahaja dikatakan menyelamatkan Eropah Barat daripada kehancuran sepenuhnya akibat penglibatan dalam perpeperangan yang berpanjangan tetapi menyediakan jalan kepada penyatuan dan pemerintahan berpusat serta pembangunan negara bangsa Eropah moden. Apabila keamanan dan keselamatan di Eropah Barat secara beransur-ansur dapat dikembalikan pada penghujung zaman pertengahan, raja dan putera raja tidak lagi mengharapkan kepada hubungan feudal untuk mempertahankan pemerintahan yang lebih makmur dan stabil. Sebaliknya dengan kedudukan kewangan yang lebih kukuh mereka mewujudkan beberapa langkah yang dapat mengaitkan sistem kerajaan berpusat dan melemahkan lagi institusi feudal serta pergantungan politik kepada kelas bangsawan feudal. Pengukuhan kuasa raja membolehkan munculnya bentuk pemerintahan bercorak baharu yang berdasarkan kenegaraan atau negara bangsa dan bukan lagi berdasarkan pengagihan kuasa dan kesetiaan tempatan berdasarkan sistem feudal.

dan Melayu yang dikaji tidak dapat menyokong apa yang sering disebut sebagai amalan feudalisme Melayu itu.

Kobkua Suwanathat-Pian dalam bukunya *Palace, political party and power: a story of the socio-political development of Malay kingship* membincangkan pembangunan dan perubahan yang berlaku dalam dunia politik di Malaysia.¹⁰⁰ Inti pati kepada perbincangan Kobkua Suwanathat-Pian memperlihatkan bahawa kuasa dalam masyarakat Melayu turut berkisar dalam kalangan golongan pembesar iaitu sultan dan para pembesar. Keluarga diraja diperlihatkan berperanan sebagai satu institusi yang dihormati oleh masyarakat Melayu. Menyedari keadaan ini kuasa penjajah iaitu British dan Jepun mengambil pendekatan memanipulasi institusi Melayu bagi mengukuhkan kuasa dan kawalan mereka di Negeri-negeri Melayu.

Pihak British membina hubungan yang baik dengan keluarga diraja manakala pada zaman penjajahan Jepun, Jepun turut mengambil kesempatan atau tindakan yang sama dengan British dengan melantik sultan yang anti British. Namun begitu, dengan termeterainya perjanjian yang dibuat oleh Sir Harold MacMichael menyebabkan sultan Melayu kehilangan bukan sahaja status diraja tetapi juga kedaulatan negeri.

Barbara Watson Andaya dan Leonard Y Andaya pula membincangkan perkembangan Malaysia meliputi zaman tradisional, pemerintahan kolonial dan akhirnya menjadi sebuah negara merdeka dalam bukunya *A history of Malaysia*.¹⁰¹ Dari sudut politiknya setiap zaman memperlihatkan bahawa kuasa politik sering berubah di mana pada zaman tradisional kuasa berpusat kepada sultan manakala pada

¹⁰⁰ Kobkua Suwanathat-Pian, *Palace, political party and power:a story of the socio-political development of Malay kingship*, Singapore: NUS Press, 2011.

¹⁰¹ Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *A history of Malaysia*, London: Macmillan Press Ltd., 1982.

zaman British kuasa berpusat kepada Residen dengan sultan masih digambarkan sebagai kuasa tertinggi dan pemerintahan kuasa kepada masyarakat awam dalam sistem demokrasi selepas merdeka. Kesinambungan peristiwa yang berlaku dalam sejarah Malaysia memperlihatkan kedudukan politik masyarakat Melayu mulai tergugat dengan kedatangan kaum bukan Melayu yang mulai tinggal secara tetap. Dalam kalangan masyarakat kolonial, orang Cina dan India menganggap orang Melayu setaraf dengan mereka dalam kaitan dengan kuasa kolonial. Setiap orang diberi peranan tertentu dan menjalankannya menurut preskripsi British. Golongan imigran melihat British adalah pemerintah yang sebenar di negeri tempat mereka berkampung halaman. Manakala di pihak British pula mereka meneruskan 'sandiwara' berkongsi kuasa dengan orang Melayu. Kajian Andaya memperlihatkan evolusi yang berlaku dalam politik yang dikaitkan dengan penjajah British dan polisinya tentang imigran.

Perbincangan di atas memperlihatkan perubahan berlaku dalam dunia politik masyarakat Melayu sejak daripada zaman sebelum, semasa dan selepas penjajahan. Kuasa berubah dengan ketara selepas Perang Dunia Kedua kerana masyarakat Melayu mula terdedah kepada prinsip demokrasi. Zulfikri Suleman dalam kajian beliau bertajuk *Demokrasi untuk Indonesia: pemikiran politik Bung Hatta* memaparkan secara komprehensif pemikiran Hatta tentang demokrasi (untuk Indonesia).¹⁰² Demokrasi Barat bagi Hatta sebenarnya memiliki tujuan yang mulia iaitu kemerdekaan, persamaan dan persaudaraan sebagaimana disemboyangkan Revolusi Perancis pada tahun 1789. Namun begitu, dalam proses selanjutnya penerapan demokrasi Barat ini menurut Hatta menjadi 'tidak senonoh' sehingga tidak boleh dijadikan sebagai panduan untuk membangunkan Indonesia merdeka.

¹⁰² Zulfikri Suleman, *Demokrasi untuk Indonesia: pemikiran politik Bung Hatta*, Jakarta: Kompas, 2010.

Pemikiran Hatta mengenai demokrasi didasarkan kepada penilaian kritisnya mengenai demokrasi Barat yang dilihat pincang kerana hanya mewujudkan kedaulatan rakyat dalam bidang politik sedangkan di bidang ekonomi berlaku kedaulatan pemilik modal. Hatta mendefinisikan demokrasi seharusnya sebagai kedaulatan rakyat, iaitu rakyat yang bebas dan merdeka, yang menjadi raja atas dirinya sendiri dan yang berlawanan dengan daulat raja. Manakala rakyat bagi Hatta pula adalah orang Indonesia baharu yang melalui pendidikan politik, ekonomi dan sosial serta mempunyai kesedaran berhubung hak dan kewajipan mereka sebagai warganegara. Justeru, beliau mengharapkan rakyat akan memiliki tanggungjawab dan kemampuan untuk mengatur diri sendiri melalui musyawarah dan bertanggungjawab untuk memelihara kehidupan bersama.

oleh Siddiq Fadzil melalui bukunya *Islam dan Melayu: martabat umat dan daulat rakyat*.¹⁰³ Menurut Siddiq Fadzil kesedaran berhubung kedaulatan rakyat lahir seiring kebangkitan semangat menuntut kemerdekaan. Malah, kemerdekaan, demokrasi dan kedaulatan adalah kesatuan yang tidak boleh dipisahkan. Kedaulatan menurut perspektif Islam selain merujuk kepada kedaulatan syari'at juga merujuk kepada kedaulatan rakyat. Ini kerana menurut Siddiq Fadzil pengiktirafan terhadap kedaulatan rakyat bukan bererti penggantian *hakimiyyatu 'Llah* (kuasa Allah) dengan *hakimiyyatu 'I-bashar* (kuasa manusia) kerana kuasa rakyat tetap tidak mengatasi kedaulatan syari'at. Kedaulatan rakyat hanya terlaksana menerusi demokrasi yang memberikan hak memilih secara adil dan bebas. Manakala pemilih harus diberi peluang untuk mendapatkan maklumat yang cukup dan seimbang berhubung dengan

¹⁰³ Siddiq Fadzil, *Islam dan Melayu: martabat umat dan daulat rakyat*, Kajang: Akademik Kajian Ketamadunan Kolej Dar al-Hikmah, 2012.



apa dan siapa yang hendak dipilih. Justeru, demokrasi memerlukan integriti kerana demokrasi tanpa integriti disifatkan sejenis kemunafikan dengan berpura-pura menjunjung kuasa dan daulat rakyat. Kemerdekaan, demokrasi dan kedaulatan adalah kesatuan yang tidak boleh dipisahkan.

Namun begitu, menurut Siddiq Fadzil perjuangan demokrasi dalam pemerintahan raja berperlembagaan, daulat rakyat harus ditegakkan tanpa menganggu daulat raja. Malah, berdasarkan intipati sebenar demokrasi menurut Yusuf al-Qardawi sebagaimana dipetik Siddiq Fadzil menyimpulkan bahawa demokrasi tidak mempunyai pertentangan dengan Islam. Ia berteraskan prinsip hak rakyat untuk memilih pemerintah yang dikehendaki bagi memerintah dan mengendalikan urusan mereka. Golongan rakyat pula tidak boleh dipaksa menerima pemerintahan, aturan

atau dasar yang tidak disukai. Demokrasi juga memberikan hak kepada rakyat untuk mengingatkan pemerintah apabila melakukan kesalahan dan menurunkan mereka apabila menyimpang. Ringkasnya, melalui amalan demokrasi pemerintah tidak boleh memaksa rakyat menerima sesuatu sistem ekonomi, sosial dan politik yang tidak dipersetujui oleh mereka serta tidak boleh mengenakan tindakan sekiranya mereka menentang.

Manakala kajian oleh Shaari Sungib berhubung tokoh besar dalam sejarah Islam menyatakan bahawa Muhamad Iqbal¹⁰⁴ sebagai contohnya turut melihat bentuk

¹⁰⁴ Muhammad Iqbal dilahirkan di Punjab pada 1877. Beliau memperjuangkan pembangunan negara Islam tempatan pada tahap keruntuhan kerajaan Islam yang berpusat di Istanbul. Beliau menyatakan bahawa adalah lebih utama bagi umat Islam membangunkan negara mereka masing-masing berdasarkan syariat Islam daripada mempertahankan sistem khalifah yang sudah reput.





terbaik sistem pemerintahan bagi masyarakat Islam adalah demokrasi.¹⁰⁵ Di dalam sistem demokrasi rakyat disediakan ruang yang seluasnya untuk meneroka semua kemungkinan bagi membangunkan masyarakat dengan menggunakan segala kebebasan praktikal yang disanggupi olehnya. Justeru, Muhamad Iqbal memperjuangkan seseorang Muslim bebas bercakap, mengeluarkan pendapat dan melakukan sebarang tindakan selagi mana ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Menurut Iqbal tidak seperti falsafah liberal-kapitalisme, prinsip-prinsip demokrasi dalam Islam tidak lahir sebagai pengembangan bagi tujuan untuk melebarkan penguasaan dan hegemoni ekonomi. Beliau menegaskan asas demokrasi dalam Islam adalah bertunjangkan kekuatan spiritual yang dimiliki oleh setiap rakyat bagi menzahirkan potensinya dengan diberikan ruang dan peluang untuk memperjuangkan hak-haknya dan masyarakat.



Paksi kepada sistem demokrasi adalah kebebasan individu yang juga ideal dalam sistem politik Islam. Pemikiran Iqbal berhubung kebebasan individu sebagai ideal politik Islam diambil daripada peristiwa pemilihan Khalifah al-Rasyidin pada zaman Abu Bakar as-Siddiq dan Umar al-Khattab. Bagi Iqbal pilihanraya terbuka merupakan manifesto terbaik bagi membolehkan proses persetujuan rakyat yang menyeluruh didapati melalui sistem demokrasi Islam. Berdasarkan hak kebebasan rakyat dalam menentukan pemimpin dalam pilihanraya terbuka inilah Iqbal berpendapat bahawa pilihanraya yang disogok atau dipaksa ke atas rakyat adalah tidak sah.

¹⁰⁵ Saari Sungib, *Tokoh-tokoh besar gerakan Islam dalam sejarah: kisah-kisah inspirasi para pemimpin gerakan Islam sedunia*, Petaling Jaya: Rijal Media, 2010.



Mohamad Muzammil Mohamad Noor pula mengulas tentang pemikiran politik Islam dalam kalangan tokoh politik dan nasionalis berhaluan kiri di Malaysia dan Indonesia dengan memfokuskan kepada Burhanuddin Helmi dan Muhammad Natsir.¹⁰⁶ Kedua-dua tokoh menggunakan landasan Islam sebagai asas dalam perjuangan. Mohamad Muzammil Mohamad Noor merumuskan bahawa Natsir dan Burhanuddin Helmi mempunyai persamaan idea politik Islam yang bertujuan untuk menegakkan agama Islam di Indonesia dan Tanah Melayu. Justeru, agama dan politik perlu diserasikan dan seiring dalam pembangunan masyarakat Muslim.

Demokrasi di dalam dunia Muslim menurut John L. Esposito dan John O. Voll dalam kajian berhubung *Islam and democracy* juga melihat satu ciri khas dalam perkembangan politik Malaysia adalah peranan Islam dalam politik.¹⁰⁷ Di Malaysia,

Islam mempunyai ikatan yang erat dengan politik dan masyarakat. Islam merupakan sumber legitimasi sultan yang memegang peranan sebagai pemimpin agama, pembela iman dan pelindung hukum agama, pendidikan dan nilai-nilai adat. Menjadi orang Melayu bererti menjadi Muslim. Walau bagaimanapun kolonialisme British telah membezakan dengan jelas antara agama dan negara apabila memperkenalkan pentadbiran awam dan sistem undang-undang yang berbeza dengan sistem undang-undang Islam.

Akibat penjajahan British menyebabkan berlakunya perubahan demografi dengan kemasukan orang Cina dan India. Kepelbagai kaum, etnik dan agama dalam

¹⁰⁶ Mohamad Muzammil Mohamad Noor, *Pemikiran politik Islam: perbandingan antara pemikiran Dr. Burhanuddin al-Helmi dengan Muhammad Natsir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

¹⁰⁷ John L. Esposito dan John O. Voll, *Islam and democracy*, New York: Oxford University Press, 1996.

masyarakat Malaysia diuji melalui reaksi bangsa Melayu terhadap kehadiran dan kekuatan yang paling besar dari golongan imigran serta usaha pemerintah setelah berlakunya rusuhan kaum pada tahun 1969 untuk membetulkan ketidakseimbangan dan ketidakadilan yang berlaku. Pada 1970 sejumlah organisasi dakwah seperti Angkatan Belia Islam Malaysia, Arqam dan Parti Islam SeMalaya (PAS) mendesak UMNO agar lebih gigih dalam mempertahankan Islam, nasionalisme Melayu dan hak-hak ekonomi serta hak keistimewaan Melayu-Muslim. Mereka mengutuk kebergantungan Malaysia kepada nilai-nilai Barat dan Cina kerana bimbang sikap tersebut akan menghancurkan identiti, integriti dan perpaduan Melayu-Muslim.

Evolusi yang berlaku dalam bidang politik iaitu kesedaran berjuang untuk memperbaiki kedudukan sistem politik Tanah Melayu dengan mendaulatkan suara rakyat atau demokrasi dalam sistem pemerintahan negara berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya adalah pendidikan. Dasar pendidikan kolonial British lebih memberi tumpuan kepada golongan elit Melayu dan bukan kepada pendidikan Melayu golongan bawahan. Hal ini dibuktikan melalui kajian oleh Khairi Ariffin bertajuk "Dasar kolonial British terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu, 1900-1957" yang menyatakan dasar pendidikan British terhadap pendidikan Melayu seperti 'melepaskan batok' di tangga.¹⁰⁸ Pendidikan untuk golongan bangsawan atau elit Melayu diberi lebih sedikit perhatian setelah dicadangkan oleh Sultan Perak supaya menubuhkan sebuah sekolah Inggeris Melayu yang dikenali *Malay College Kuala Kangsar* (MCKK). Dasar kolonial British terhadap pendidikan Melayu lebih cenderung menjadikan masyarakat Melayu sebagai bangsa yang menjadi hamba di tanah air sendiri.

¹⁰⁸ Khairi Ariffin, "Dasar kolonial British terhadap pendidikan Melayu di Tanah Melayu, 1900-1957", Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, 2009.



Masyarakat Melayu yang ingin menyambung pengajian ke peringkat menengah pula perlu memasuki sekolah Inggeris yang kebanyakannya terdapat di bandar-bandar dengan pelbagai kos yang perlu ditanggung oleh ibubapa. Pihak British juga dilaporkan tidak akan mengambil pelajar lepasan madrasah atau aliran agama walaupun mereka merupakan lulusan Universiti Al-Azhar atau universiti lain dari Timur Tengah. British disifatkan sengaja tidak mahu mengiktiraf graduan pendidikan agama. Dasar pendidikan kolonial untuk masyarakat Melayu menunjukkan kecenderungan British memisahkan masyarakat Melayu dengan pergolakan dan perubahan sosioekonomi di Tanah Melayu ketika itu. Kegusaran turut berlaku dalam bidang pendidikan.

Menurut Lim Seng Haw,¹⁰⁹ Shamsul Amri Baharuddin,¹¹⁰ Jamaie Hj. Hamil¹¹¹

dan Wan Hashim Wan Teh¹¹² British memperkenalkan dua sistem pendidikan yang berbeza dalam masyarakat Melayu iaitu sistem pendidikan Inggeris dan sistem pendidikan Melayu moden bagi menggantikan sistem pendidikan tradisional (pendidikan pondok). Namun begitu, pendidikan vernakular Melayu yang diperkenalkan oleh British hanya semata-mata untuk memenuhi polisi penjajahan. Kemajuan dalam bidang pendidikan tidak tercapai di mana lepasan sekolah Melayu hanya diberi pekerjaan sebagai guru atau jawatan rendah seperti peon dan kerani berhampiran kawasan asal mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka terus kekal di kawasan desa sebagai pewaris tugas dari bapa. Golongan rakyat biasa yang terpinggir

¹⁰⁹ Lim Seng Haw, Perkembangan ideologi politik dan masyarakat Melayu di Tanah Melayu, dlm. *Malaysia dari segi sejarah*, Bil 37, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2009.

¹¹⁰ Shamsul Amri Baharuddin, Perancangan pembangunan negara selepas merdeka 1957-1975: tinjauan sejarah perkembangan sosio-ekonomi Malaysia, dlm. *Malaysia: sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982.

¹¹¹ Jamaie Hj. Hamil, Melayu baru: paradigma konstruk pasang surut dinamisme Melayu model UMNO, dlm. *Jebat*, Bil. 31, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

¹¹² Wan Hashim Wan Teh, *Hubungan etnik di Malaysia*, Mohd Daud Mat Din (terj.), Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia, 2011.





terus tinggal di kampung dan diberi pendidikan hanya untuk mengenal huruf melalui sistem vernakularnya.

Pendidikan aliran Inggeris adalah terhad dan bermula seawal pertengahan abad ke-19 di Pulau Pinang kemudiannya di Singapura dan Melaka sebelum diperkenalkan di Negeri-negeri Melayu pada awal abad ke-20. Pada 1902 daripada lebih 10,000 kanak-kanak ke sekolah hanya satu perlita daripadanya ke sekolah Inggeris. Memandangkan kebanyakan sekolah Inggeris terletak di kawasan bandar ia hanya memanfaatkan golongan bukan Melayu sebaliknya golongan Melayu yang tinggal di kawasan pedalaman belajar di sekolah Melayu di kampung masing-masing. Tambahan pula, sekolah Inggeris kebanyakannya adalah sekolah mubaligh menyebabkan masyarakat Melayu Islam menganggap sekolah tersebut tidak sesuai dengan mereka.¹¹²

Selain daripada pendidikan, perubahan dalam dunia politik masyarakat Melayu juga dipengaruhi oleh golongan agama yang terlibat secara aktif dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Mereka mendapat pengaruh daripada perjuangan yang dilakukan oleh pejuang-pejuang Islam khususnya di Timur Tengah. Semangat perjuangan ini ditulip melalui pendidikan madrasah dan penerbitan majalah-majalah. Kajian Mohammad Redzuan Othman berjudul *Islam dan masyarakat Melayu: peranan dan pengaruh Timur Tengah* menjelaskan peranan yang dimainkan oleh Islam dan pengaruh dari Timur Tengah dalam membawa perubahan pemikiran kepada masyarakat Melayu.¹¹³ Perkembangan yang terjadi di Timur Tengah sebelum Perang Dunia Kedua mempengaruhi dan

¹¹² Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan masyarakat Melayu: peranan dan pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005.



mencorakkan pemikiran masyarakat Melayu. Pengaruh Timur Tengah menyebabkan masyarakat Melayu yang konservatif bertukar menjadi sebuah masyarakat yang progresif. Ia diusahakan oleh para pelajar yang mengikuti pendidikan di rantau tersebut setelah mereka pulang ke Semenanjung Tanah Melayu.

Malah, William R. Roff dalam kajiannya *Nasionalisme Melayu* turut mengakui gerakan pembaharuan agama mendapat sumber ideologinya daripada kebangkitan Islam yang berlaku di Timur Tengah terutamanya Mesir dan Turki pada penghujung abad ke-19.¹¹⁴ Golongan ini telah membawa bersama keinginan untuk memperbaharui Islam dalam kalangan masyarakat Melayu apabila pulang ke tanah air. Namun begitu, dalam perjuangan ini mereka berhadapan dengan unsur-unsur yang disifatkan oleh Roff sudah berakar umbi dalam masyarakat Melayu tradisional terutamanya dengan golongan sultan, badan agama serta ulama tradisional yang masih ditaati oleh sebahagian besar masyarakat Melayu.

Manakala Nabir Haji Abdullah dalam bukunya, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959* pula memfokuskan penulisan berhubung penglibatan institusi agama dalam perjuangan menuntut kemerdekaan daripada British iaitu Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol.¹¹⁵ Beliau berjaya membincangkan sumbangan institusi pendidikan Islam sebagai penggerak kepada pergerakan-pergerakan seperti Majlis Agama Tinggi (MATA), PKMM, Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR), Pusat Perekonomian Melayu SeMalaya (PEPERMAS), Hizbul Muslimin dan akhirnya PAS. Kemunculan golongan kiri dalam kalangan golongan

¹¹⁴ William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestamam (terj.), Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005.

¹¹⁵ Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976.



agamawan ini menunjukkan masyarakat Melayu mula melihat bahawa kuasa perlu dipusatkan kepada golongan rakyat biasa.

Walau bagaimanapun, golongan yang menuntut perubahan drastik dalam politik Tanah Melayu ini sering dilabelkan sebagai golongan radikal. Kajian berhubung gerakan radikal di Malaysia mendapat perhatian daripada ramai pengkaji. Namun begitu, pengkaji sejarah Malaysia mempunyai pandangan yang berbeza berhubung peranan dan sumbangannya golongan radikal. Ramlah Adam sebagai contohnya dalam kajiannya *Gerakan radikalisme di Malaysia (1938-1965)*, menyatakan golongan tersebut dianggap sebagai pengubah kepada ciri politik tradisional yang begitu konservatif dan sentiasa menurut perintah pemerintah.¹¹⁶

Walau bagaimanapun Ramlah Adam tidak melihat kumpulan ini sebagai penyumbang

kepada perjuangan politik Melayu kerana beliau menganggap mereka sebagai gerakan yang penuh gimik politik. Objektif untuk membela kepentingan masyarakat Melayu, mendapatkan kemerdekaan dan menegakkan konsep Melayu Raya dilihat bertentangan dengan dasar pro-Malayan. Ramlah Adam yang melihat penentangan golongan kiri seperti PKMM terhadap feudalisme Melayu disebabkan gelaran dan kemewahan golongan tradisional tidak menyeluruh (tidak dirasai oleh golongan rakyat biasa seperti golongan radikal ini) menyifatkan penentangan golongan nasionalisme kiri tidak bersifat ideologi sebaliknya lebih bersifat iri hati.

Selain daripada itu, Ramlah Adam dalam kajiannya *Gerakan politik Melayu 1945-1957* pula membahagikan kegiatan nasionalisme Tanah Melayu kepada empat

¹¹⁶ Ramlah Adam, *Gerakan radikalisme di Malaysia (1938-1965)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.





tahap iaitu tahap pertama dari tahun 1941-1945.¹¹⁷ Tahap ini dikatakan satu tahap di mana kesedaran nasionalisme orang Melayu yang lebih matang dari sebelumnya. Golongan ini menggunakan pendudukan Jepun sebagai satu peluang untuk mendapatkan tempat dalam kegiatan nasionalisme. Namun begitu, golongan radikal rakyat bawahan ini disifatkan Ramlah Adam menjadi 'pak turut' setelah mendapat jawatan dan kedudukan yang baik dalam pentadbiran Jepun. Tahap kedua bermula pada 1946 hingga 1948 iaitu suatu tahap yang memperlihatkan berlakunya pertentangan antara kumpulan kanan dan kiri atau golongan sederhana/konservatif. Pada tahap ini terdapat penglibatan golongan imigran yang cuba mendapatkan kuasa politik dan kedudukan tetap dalam politik di Tanah Melayu.

Menurut Ramlah Adam, PKMM yang menjadi kumpulan kiri adalah sebuah

parti yang dianggotai rakyat bawahan dan tidak dinaungi sultan atau pembesar Melayu dikatakan langsung tidak mengambil kira struktur dan susun lapis masyarakat Melayu sebaliknya cuba membuat satu pembaharuan dalam kepimpinan masyarakat Melayu iaitu menaikkan kuasa rakyat sebagai dasar struktur dan pemikiran politik parti. Justeru, mereka dikaitkan dengan imej yang agak negatif. PKMM juga dikatakan cuba melahirkan satu negara Malayan yang mengiktiraf kedudukan politik yang kekal bagi golongan imigran yang tinggal dan lahir di Tanah Melayu.

Pandangan Ramlah Adam berhubung golongan kiri Melayu berbeza dengan pengkaji lain. Mohamed Salleh Lamry sebagai contohnya dalam kajian beliau *Gerakan kiri Melayu dalam perjuangan kemerdekaan* menyatakan gerakan nasionalisme Melayu dalam bentuk yang moden muncul pada 1930-an dan mencapai

¹¹⁷ Ramlah Adam, *Gerakan politik Melayu 1945-1957*, Perlis: Penerbit Universiti Malaysia Perlis, 2013.





kemuncaknya selepas Perang Dunia Kedua iaitu satu gerakan yang pada asasnya adalah sebahagian daripada kebangkitan antikolonial Asia iaitu gerakan membebaskan diri daripada cengkaman penjajah dan mewujudkan sebuah negara merdeka yang membangun.¹¹⁸ Mohamed Salleh Lamry menyifatkan perjuangan nasionalisme aliran kiri di Tanah Melayu tidak berjaya mencapai matlamat kerana mereka merupakan kumpulan yang terpinggir dan terkeluar dari arus perdana disebabkan tekanan daripada penjajah. Malah, mereka juga hanya berjaya mendapat sokongan sebilangan kecil masyarakat Melayu sahaja yang ketika itu masih lagi terkongkong oleh tradisi feudal.

Dalam kajiannya, Mohamed Salleh Lamry mendapati bahawa PKMM tidak melihat masyarakat Cina dan India sebagai ancaman kepada bangsa Melayu.

Sebaliknya dalam perjuangan untuk mewujudkan negara yang demokratik, PKMM telah mengemukakan idea nasionalisme Malaya yang mengandungi kaum Cina dan India. Malah, golongan tersebut melihat bahawa masyarakat Melayu seharusnya bekerjasama dengan kaum lain yang tinggal di negeri ini. Hal ini amat bertentangan dengan masyarakat Melayu dalam UMNO yang disifatkan masih memperjuangkan nasionalisme Melayu. Perjuangan PKMM turut mengarahkan serangan secara langsung terhadap British dan menuntut satu bentuk kerajaan berasaskan perwakilan dan pengundian yang akan memindahkan kuasa politik dari tangan pegawai British ke tangan golongan rakyat. Walaupun membincangkan gerakan kiri Melayu namun kajian Mohamed Salleh Lamry lebih menumpukan kepada golongan kiri Melayu dalam Parti Komunis Malaya (PKM).

¹¹⁸ Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam perjuangan kemerdekaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.



Malah, kajian oleh Syed Muhd Khairudin Aljunied *Radical resistance and protest in colonial Malaya* memperlihatkan golongan radikal Melayu yang dianggotai oleh golongan bawahan untuk menentang penjajah amat menyedari bahawa perjuangan mereka akan menghadapi pelbagai rintangan seperti dipenjarakan atau ditimpa kematian.¹¹⁹ Sebagai golongan bawahan, golongan radikal Melayu melihat perjuangan mereka adalah mewakili kepentingan dan aspirasi golongan bawahan. Sehubungan itu, Syed Muhd Khairudin menyifatkan golongan radikal Melayu sebagai golongan yang produktif dalam sejarah. Selain dilihat sebagai golongan produktif dalam sejarah, golongan radikal Melayu juga disifatkan sebagai agen perubahan dalam masyarakat Melayu. Ringkasnya, golongan kiri dikaitkan dengan gerakan kesedaran politik yang menyeru kepada perubahan untuk mencapai kemerdekaan.

development menyatakan ciri-ciri utama golongan radikal adalah keengganan mereka untuk bekerjasama dengan pihak British.¹²⁰ Mereka turut melahirkan kekecewaan terhadap golongan elit Melayu yang dianggap bersikap tidak mempedulikan aspirasi rakyat awam. Keadaan ini disifatkan berbeza dengan Indonesia semasa era penjajahan Belanda di mana intelektual berpendidikan Barat bersama-sama dengan golongan awam dalam politik dan budaya di samping turut mempelopori pergerakan nasionalis anti kolonial. Sebaliknya di Tanah Melayu sebilangan besar orang Melayu berpendidikan Barat yang kebanyakannya berasal dari keluarga feudal menunjukkan sikap tidak mengambil peduli kepada budaya dan politik sebaliknya meninggalkan perjuangan untuk kemerdekaan di bawah pimpinan para petani dengan pemimpin

¹¹⁹ Syed Muhd Khairudin Aljunied, *Radical resistance and protest in colonial Malaya*, United States of Amerika: Northern Illinois University Press, 2015.

¹²⁰ Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay politics: its origins and early development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1985,



berlatar belakang pendidikan bukan Barat. Sedangkan di Indonesia pemimpin berpendidikan Barat seperti Sukarno, Mohammad Hatta, Sutan Sjahrir, Haji Agoes Salim dan Yamin menulis buku menganalisis masalah politik, falsafah dan sosial rakyat mereka.

Berhubung kesedaran politik masyarakat Melayu selepas Perang Dunia Kedua, artikel yang ditulis Abu Talib Ahmad berjudul *Aliran kiri dalam nasionalisme Melayu, 1945-1957: satu pemerhatian* menumpukan kepada aliran kiri Melayu antara 1945-1957, aliran kiri dalam zaman Jepun serta sumbangan golongan kiri di dalam perjuangan kemerdekaan.¹²¹ Menurut Abu Talib pada tahun 1940-an kelompok utama yang bertentangan dan bersaing sengit dengan UMNO adalah PKMM. Aliran kiri juga wujud pada zaman Jepun dan menyumbang kepada perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Beliau turut membuat perbandingan di antara UMNO dan PKMM dengan menyifatkan PKMM tidak bersifat dogmatik di samping semangat nasionalisme lebih luas dan tidak terkongkong dalam ideologi yang sempit. PKMM menurutnya, adalah satu parti yang menggabungkan golongan nasionalis, sosialis, komunis, Islam, demokrat dan konformis yang mempunyai 'jiwa merdeka'. Kumpulan kiri Melayu yang lebih besar turut dilahirkan oleh sistem pentadbiran, pendidikan dan ketenteraan Jepun. Jepun telah mengerah ribuan belia tempatan yang masih di bawah umur 23 tahun ke dalam pasukan separa tentera di seluruh Asia Tenggara dan didedahkan dengan latihan tentera yang terhad, diterap dengan *seisyin sena* iaitu perasaan kebencian yang mendalam terhadap Barat.

¹²¹ Abu Talib Ahmad, *Aliran kiri dalam nasionalisme Melayu 1945-1957: satu pemerhatian*, dlm *Malaysia dari segi sejarah*, Bil. 36, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2008.





Kesan daripada sistem persekolahan serta latihan Jepun dan pengalaman bekerja dengan pentadbiran mahupun tentera Jepun turut melahirkan ratusan pemuda Melayu yang anti-Barat dan tidak bersedia menerima semula kedatangan British ke Tanah Melayu selepas 1945. Malah, pada penghujung zaman Jepun nyanyian digunakan untuk meningkatkan perasaan cintakan tanah air dalam kalangan masyarakat Melayu-Muslim. Menurut Abu Talib Ahmad adalah tidak tepat untuk mengatakan golongan kiri semata mata dilahirkan oleh perjuangan KMM mahupun PKM kerana bilangan dari kalangan ini tidak besar. Sebaliknya mereka ini dilahirkan oleh sistem pendidikan, ketenteraan dan pentadbiran lepuh yang menjadikan mereka anti-Barat. Melalui PKMM mereka menentang kemasukan semula British dan menolak kerjasama dengan British selepas 1945. Bagi kebanyakan golongan kiri berjuang dengan senjata selepas 1948 termasuk melalui organisasi yang ditaja PKM

merupakan pilihan terbaik berbanding ditahan di kem tahanan untuk tempoh masa yang lama. Malah, menurut Abu Talib tidak dinafikan PKMM turut memberi impak kepada UMNO terutamanya apabila ramai bekas ahlinya mula memasuki UMNO selepas 1950 yang akhirnya telah memberi nafas baru kepada perjuangan UMNO.

Berhubung isu yang sama, Ishak Saat melalui kajian bertajuk *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970* menganalisis kebangkitan rakyat, pemikiran, sumbangan dan pengorbanan golongan radikal Melayu khususnya Melayu Perak dalam arus perdana menentang penjajah British di Tanah Melayu.¹²² Antaranya ialah Abu Bakar al-Baqir, Burhanuddin Helmi, Ahmad Boestamam, Zulkifli Muhammad, Hassan Adli, Abdul Aziz Ishak, Abdullah C.D, Rashid Maidin, Musa Ahmad, Abdul Majid Salleh, Rashid Karim, Abdul Rahman Rahim, dan Ibrahim Singgeh. Radikalisme Melayu dari

¹²² Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2011.



Perak merupakan perjuangan segolongan orang Melayu dari Perak yang mendahului zaman kerana mereka menggunakan pelbagai metodologi perjuangan bagi menyedarkan orang Melayu tentang perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Slogan PKMM dan API iaitu 'Merdeka' dan 'Merdeka dengan Darah!' menjadi pemangkin dan pembakar semangat pejuang radikal Melayu.

Malah, golongan radikal turut mencipta beberapa lagu berunsurkan patriotik seperti Darah Rakyat yang mampu menaikan semangat patriotisme masyarakat Melayu di mana antara lirik lagu tersebut ialah "Darah rakyat masih berjalan, Menderita sakit dan miskin, Padanya datang pembalasan, Rakyat yang menjadi hakim." Lagu Darah Rakyat sering dinyanyikan dalam aktiviti API. Zaman sebelum dan pasca merdeka pada pandangan mereka tetap sama kerana orang Melayu tetap

ketinggalan dalam semua lapangan kehidupan. Desakan dan strategi yang dilakukan berjaya memberikan tekanan kepada British dan juga menjadi ikutan golongan *moderate* dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan. Ringkasnya, Ishak Saat menggambarkan bahawa golongan radikal berjuang untuk memastikan rakyat terbaa.

Berhubung dengan isu Malayan Union, PKMM pada peringkat awalnya menyambut Malayan Union dengan harapan yang tinggi kerana menolak Malayan Union bererti berbalik kepada aturan dan cara lama yang hanya memberi faedah kepada sekelompok masyarakat dan bukan kepada keseluruhan rakyat. Mereka mengharapkan Malayan Union dapat menyatukan masyarakat Melayu mengikut cara demokrasi yang berdasarkan suara ramai melalui pilihanraya. Corak pemerintahan lama yang dimaksudkan tersebut menurut artikel yang ditulis oleh Adnan Nawang berhubung akhbar *Pelita Malaya* merujuk kepada sistem pemerintahan di mana sultan



menduduki tampuk pemerintahan dan kekuasaan tertinggi di samping adanya penasihat daripada pegawai British.¹²³

Bertepatan matlamat perjuangan untuk menjaga dan menegakkan hak dan kedudukan masyarakat Melayu dalam pembangunan negara menuju kemerdekaan, golongan kiri mengkehendaki agar tiga suku daripada ahli Majlis Mesyuarat Perundangan Negeri, Mesyuarat Pegawai dan Mesyuarat Negeri hendaklah terdiri daripada individu yang dipilih oleh rakyat. Manakala ahli atau wakil pula mestilah terdiri daripada semua bangsa Melayu dan jawatan Presiden Majlis Mesyuarat mesti dipegang oleh sultan Melayu dan bukannya Pesuruhjaya British. Walau bagaimanapun Presiden tidak diberikan kuasa membatal tetapi perlu memegang kuasa membatal tersebut. Langkah ini bagi memastikan Presiden tidak mempunyai kuasa mutlak sebaliknya segala keputusan perlu mendapat pandangan dan persetujuan daripada ahli. Malah, menurut Adnan Nawang PKMM menegaskan bahawa 'Malayan Union dengan dasar demokrasi' yang dipersetujuinya adalah merujuk kepada pemerintahan yang dijalankan sendiri oleh bangsa Melayu untuk bangsa Melayu.

Ramlah Adam dalam artikelnya berjudul *Pembentukan kerakyatan kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu 1946-1956 dan kesannya kepada kedudukan orang Melayu* mendapati golongan radikal Melayu melihat pengenalan Malayan Union adalah satu langkah ke depan yang sangat baik.¹²⁴ Ia bertujuan membentuk suatu dasar negara bangsa moden yang sangat selari dengan perjuangan mereka.

¹²³ Adnan Nawang, Pelita Melayu, dlm. Khoo Kay Kim dan Jazamuddin Baharuddin (ed.), *Lembaran akhbar Melayu*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

¹²⁴ Ramlah Adam, Pembentukan kerakyatan kebangsaan persekutuan Tanah Melayu 1946-1956 dan kesannya kepada kedudukan orang Melayu, dlm. *Seminar Sejarah Malaysia moden: penilaian ke atas pembinaan negara bangsa*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 21-22 Disember 1992.





Penghapusan institusi sultan dan golongan bangsawan Melayu yang melahirkan sistem kelas dalam masyarakat Melayu tradisional memang diharapkan oleh golongan nasionalis kiri Melayu.

Penerimaan tersebut sebagaimana menurut Abdul Rahman Hj. Ismail melalui artikelnya bertajuk *Sokong untuk merdeka: sikap PKMM terhadap Malayan Union* dibuat atas dasar bahawa cara pemerintahan lama sudah tidak lagi sesuai dijalankan di Tanah Melayu.¹²⁵ Sebaliknya, Malayan Union dirasakan berkeupayaan untuk memperbetul dan memperbaiki keadaan masyarakat Tanah Melayu. Namun, berpegang teguh kepada perjuangan untuk mendaulatkan kuasa rakyat golongan kiri tetap menegaskan bahawa perubahan yang dijalankan mesti mengikut persetujuan rakyat dan bukan dipaksa. Walaupun menyatakan persetujuannya terhadap usaha menyatukan Tanah Melayu namun PKMM juga berulangkali menegaskan matlamat asas perjuangan mereka ialah ke arah kemerdekaan Tanah Melayu, penggembalian hak politik dan sosial masyarakat Melayu serta jaminan keselamatan dan keadilan bagi semua penduduk Tanah Melayu. Oleh sebab itu, apabila menyedari matlamat Malayan Union tidak menjamin perkara tersebut menyebabkan golongan kiri menyatakan bantahannya.

Sebagaimana menurut artikel yang ditulis oleh Mohammad Redzuan Othman iaitu *Pengaruh Timur Tengah dan peranan golongan berpendidikan agama dalam mencetuskan kesedaran politik dan sosial masyarakat Melayu*, bagi menyatakan bantahan terhadap gagasan Malayan Union satu perhimpunan diadakan di Kuala

¹²⁵ Abdul Rahman Haji Ismail, Sokong untuk merdeka: sikap PKMM terhadap Malayan Union, dlm. *Prosiding seminar kebangsaan sejarah Malaysia 1945-1957: tahun 1945-57 dalam sejarah Malaysia isu dan perdebatan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 25-26 Oktober 2010.





Kangsar yang dimulakan di Kampong Lalang diikuti dengan perarakan besar ke Kuala Kangsar, iaitu perjalanan sejauh lebih kurang 12 kilometer.¹²⁶ Perhimpunan yang dikelolakan oleh dua sayap PKMM iaitu API dan AWAS mencabar supaya semua golongan yang ingin menyertai perhimpunan tersebut berjalan kaki. Ini disebabkan pihak pemerintah telah membuat ugutan agar semua bentuk pengangkutan tidak memberikan kerjasama selain kenderaan mereka tidak digunakan untuk tujuan tersebut. Tindakan ini bertujuan menggagalkan perhimpunan dan perarakan tersebut.

Menurut Abdul Rahman Ismail dalam artikelnya *Revolusi di Malaysia: cerakinan sejarah* perbezaan asas dari segi matlamat akhir selepas Malayan Union mewujudkan jurang yang memisahkan aliran politik masyarakat Melayu iaitu aliran kepimpinan arus atas dan aliran kepimpinan arus bawah.¹²⁷ Hal ini demikian, apabila aliran kepimpinan arus atas ingin kembali kepada susun atur politik sebelum perang sebaliknya aliran kepimpinan arus bawah mahu menjayakan sebuah revolusi yang melahirkan susun atur politik baru selepas perang. Menurut Abdul Rahman antara golongan arus atas dan arus bawah mengalir ‘arus tengah’ yang yakin bahawa Islam adalah penyelesaian bagi segala masalah manusia iaitu Hizbul Muslimim.

Manakala Ramlah Adam dalam kajiannya bertajuk *Biografi Tunku Abdul Rahman* walaupun memberi tumpuan kepada Tunku Abdul Rahman namun melalui kajian tersebut menyatakan bahawa Malayan Union sebenarnya turut diterima oleh

¹²⁶ Mohammad Redzuan Othman, Pengaruh Timur Tengah dan peranan golongan berpendidikan agama dalam mencetuskan kesedaran politik dan sosial masyarakat Melayu, dlm. *Wacana merdeka: menghayati perjuangan kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 23 September 2011.

¹²⁷ Abdul Rahman Ismail, *Revolusi di Malaysia: cerakinan sejarah*, dlm. Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin & Nazarudin Zainun (ed.), *Nasionalisme dan revolusi di Malaysia dan Indonesia: pengamatan sejarah*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2006.





Tunku.¹²⁸ Pada 29 Mei 1946 dalam perjumpaan rakyat Kedah dengan L.D. Gammans dan David Rees Williams (ahli parlimen British) pada bulan April 1946 bagi meninjau reaksi masyarakat Melayu terhadap Malayan Union, Tunku menjadi Pegawai Perhubungan di antara pihak British dengan penduduk Melayu yang mengadakan tunjuk perasaan. Melalui ucapan beliau dalam perhimpunan tersebut Tunku menyatakan pendiriannya terhadap Malayan Union yang disifatkan oleh Aziz Ishak sebagai 'menolong Malayan Union'. Kenyataan Tunku di hadapan ahli parlimen British merupakan satu tamparan kepada Dato' Onn dan masyarakat Melayu yang menghadiri perjumpaan tersebut. Malah, dalam kalangan pemuda Saberkas¹²⁹ sendiri ucapan Tunku sangat mengecewakan mereka sehingga timbulnya konflik antara mereka yang sebenarnya bermula sejak akhir 1945 iaitu ketika Jepun menyerah kalah semakin hebat.



Ini disebabkan Tunku mahu kuasa British diterima semula dengan menjemput British datang ke Kedah. Sedangkan golongan pemuda Saberkas mahu pihak British ditentang dan seterusnya mendapatkan kemerdekaan. Ucapan Tunku pada 1946 menurut Ramlah Adam membawa Saberkas berdepan dengan satu konflik yang lebih meruncing. Golongan pemuda dalam Saberkas membantah dan menegur keras sikap Tunku kerana melakukan sesuatu tanpa mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Saberkas. Mereka menuntut Malayan Union dibubarkan dan mendesak kemerdekaan tetapi Tunku menolak dasar itu kerana menurut Tunku "orang Melayu tidak boleh menentang kuasa British." Oleh sebab itu, Malayan Union patut diterima

¹²⁸ Ramlah Adam, *Biografi politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

¹²⁹ Saberkas ialah adalah sebuah badan politik kiri dalam UMNO yang juga merupakan pertubuhan anti penjajah dalam kerangka negeri yang telahpun bergerak menentang Malayan Union sebelum UMNO ditubuhkan.



sebagai satu hadiah daripada kerajaan British. Jelaslah bahawa walaupun Tunku menyatakan sokongannya kepada Malayan Union namun disebabkan beliau merupakan golongan elit Melayu dan berketurunan raja maka Tunku tidak pula dianggap sebagai golongan kiri dan penderhaka sebagaimana nasib yang diterima oleh PKMM, API, AWAS dan golongan yang sealiran dengannya.

Malah, dalam perbincangan berhubung nilai kemerdekaan Ramlah Adam dalam kajianya yang lain berjudul *Kepimpinan Tunku Abdul Rahman: satu pandangan awal* melihat kemerdekaan yang dicapai pada 31 Ogos 1957 turut menyebabkan masyarakat Melayu kehilangan kedudukan sebagai satu bangsa yang menjadi penghuni Negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu sebelum dan selepas kedatangan British.¹³⁰ Melalui kemerdekaan ini mereka hanya diiktiraf sebagai satu kaum bersama-sama kaum Cina dan India serta kaum minoriti yang lain.

Konsep kebangsaan Melayu yang wujud sebelum merdeka digantikan dengan 'konsep Malayan' yang menggambarkan wujudnya masyarakat majmuk sebagai masyarakat dan kebangsaan baru dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Sebagaimana menurut artikel oleh Azmi Ariffin iaitu *Nasionalisme Melayu 1945-1957: British, UMNO dan gerakan kiri Melayu* keadaan ini bermakna selepas mempertahankan hak Melayu semasa menentang Malayan Union hak-hak tersebut dilihat mulai tergadai.¹³¹ Umpamanya kepimpinan Melayu itu sendiri iaitu UMNO menerima kehendak British berhubung kerakyatan secara *jus soli* yang memberikan

¹³⁰ Ramlah Adam, *Kepimpinan Tunku Abdul Rahman: satu pandangan awal*, dlm. Mohammad Redzuan Othman et al., *Jendela masa: kumpulan esej sempena persaraan Dato' Khoo Kay Kim*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001.

¹³¹ Azmi Ariffin, *Nasionalisme Melayu 1945-1957: British, UMNO dan gerakan 'kiri' Melayu*, dlm. *Seminar kebangsaan sejarah Malaysia 1945-1957: tahun 1945-57 dalam sejarah Malaysia isu dan perdebatan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 25-26 Oktober 2010.



kerakyatan secara mudah dan terbuka kepada golongan bukan Melayu selepas 1955. Menurut Azmi Ariffin walaupun pada peringkat awalnya UMNO menentang prinsip rancangan Malayan Union dan menganggap British sebagai pengkhianat masyarakat Melayu tetapi pegawai British mengakui hubungan yang wujud di antara kedua-dua pihak tetap rapat dan kebergantungan pihak kanan dalam UMNO kepada British tidak pernah terputus. Ini menunjukkan disebalik ketegangan Malayan Union kepimpinan UMNO masih melihat British satu-satunya rakan dan pelindung dalam menjamin hak masyarakat Melayu daripada diasak oleh tuntutan golongan bukan Melayu. Menurut Azmi Ariffin meskipun kemerdekaan dapat dicapai oleh masyarakat Melayu pada 1957, tetapi mereka telah kehilangan hak sebagai sebuah bangsa. Kemerdekaan yang dinikmati terpaksa dikongsi bersama dengan bangsa asing yang mendapat hak politik di Tanah Melayu.



Melalui Perlembagaan Rakyat yang digubal oleh PUTERA-AMCJA diperlihatkan bahawa golongan kiri Melayu tidak menolak sepenuhnya kepentingan mempertahankan hak masyarakat Melayu termasuklah dari segi pengekalan sistem beraja, agama dan bahasa serta identiti kebangsaan berasaskan penerimaan bersama bahawa Tanah Melayu pada asalnya adalah milik orang Melayu. Persetujuan yang dicapai dalam Perlembagaan Rakyat menjelaskan tentang pendirian dan prinsip sebenar yang dipegang oleh golongan kiri Melayu terhadap hak masyarakat Melayu.

Ariffin Omar melalui kajiannya bertajuk *Bangsa Melayu: konsep bangsa Melayu dalam demokrasi dan komuniti, 1945-1950*, memperlihatkan golongan konservatif tidak menerima istilah Melayu sebagai satu kewarganegaraan bagi bukan





Melayu iaitu golongan yang dianggap sebagai bangsa dagang.¹³² Ini kerana golongan tersebut disifatkan hanya 'menumpang' di Tanah Melayu. Oleh sebab itu, dasar Malayan Union yang menawarkan hak kerakyatan dan politik kepada bangsa asing mesti ditolak. Malah, Dato' Onn menyifatkan mereka yang melibatkan diri dalam penubuhan Malayan Union akan dipulaukan. Di samping itu, cadangan supaya kerajaan memerintah berdasarkan persetujuan daripada rakyat dan terdapatnya pilihanraya majlis merupakan suatu yang baharu dan progresif walaupun cadangan tersebut telah dibuat oleh KMM pada tahun 1930-an.

Idea serta pemikiran kedaulatan rakyat dipinjam oleh PKMM dari Indonesia dan dijadikan salah satu prinsip asasnya pada Oktober 1945. Walau bagaimanapun menurut Ariffin Omar PKMM tidak menyatakan dengan jelas pelaksanaan dan

kesannya. Malah, kedaulatan rakyat dilihat menjadi sesuatu yang akan mencabar kepentingan orang Melayu memandangkan ia melibatkan golongan bukan Melayu yang mana penglibatan mereka dalam urusan pentadbiran tidak begitu diterima oleh masyarakat Melayu. Di samping itu, kedaulatan rakyat juga akan menganggu hubungan baik antara British dan sesetengah golongan konservatif Melayu. Walau bagaimanapun kajian oleh Ariffin Omar lebih memfokuskan kepada konsep bangsa Melayu di Sumatera Timur dan Tanah Melayu.

Berdasarkan perbincangan di atas masih kurang kajian khusus yang menekankan dan mengangkat tema idea kedaulatan rakyat dalam perjuangan golongan nasionalis kiri Melayu. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi ruang

¹³² Ariffin Omar, *Bangsa Melayu: konsep bangsa Melayu dalam demokrasi dan komuniti, 1945-1950*, Petaling Jaya: SIRD, 2015.





kosong dalam kajian sejarah Malaysia berkaitan faham idea kedaulatan rakyat dalam perjuangan politik Tanah Melayu.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan yang memberi penekanan kepada kaedah sejarah iaitu suatu proses meneliti dan menganalisis secara kritis sumber kajian sejarah itu sendiri. Pendekatan kaedah penyelidikan kualitatif terhadap sumber primer dalam bidang sejarah dijalankan bagi memahami perkara penting yang menjadi fokus kajian iaitu 1945 hingga 1948. Pendekatan ini menjawab persoalan berkaitan mengapa sesuatu peristiwa berlaku sedemikian dan bagaimana ia berlaku.



Dalam konteks kajian ini, kajian sejarah menjadi fokus utama kerana ia menggunakan sumber primer dan bukti lain daripada data sekunder bagi menulis sejarah dalam bentuk masa lampau.





samping akhbar dan majalah yang lain seperti *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman*, *Warta Ahad*, *Dewan Masyarakat*, *Mastika* dan sebagainya yang memaparkan idea politik perjuangan golongan kiri sepanjang tempoh kajian. Maklumat yang diberikan membolehkan pengkaji membuat penyelidikan yang lebih mendalam terhadap sesuatu maklumat.

Selain sumber primer, maklumat berkaitan diperolehi dengan melakukan kajian ke atas sumber sekunder. Antaranya buku, memoir, artikel jurnal, tesis dan prosiding seminar yang diperolehi daripada pelbagai Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Dokumen ini dapat membantu memberikan maklumat berhubung persoalan kajian di dalam kajian tesis. Semua ini bagi menghasilkan sebuah kajian yang akan menyumbang maklumat baru yang tepat dan terperinci berhubung perkembangan sejarah politik sepanjang tempoh kajian yang dinyatakan.

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Kedaulatan Rakyat

Istilah kedaulatan berasal dari kata dasar daulat. Kosa kata daulat berasal dari kosa kata bahasa Arab iaitu ‘daulah’. Di dalam bahasa Arab daulah atau dolat membawa maksud kerajaan atau negara. Istilah kedaulatan diterjemahkan sebagai *sovereignty* merujuk bagi bahasa Inggeris, *sovereinete* untuk bahasa Perancis dan *sovranus* bagi bahasa Itali. Manakala dalam bahasa Latin kedaulatan ialah *supranus* yang



bermaksud tertinggi atau teragung.¹³³ Konsep kedaulatan rakyat merupakan interpretasi daripada prinsip yang terdapat di dalam demokrasi di Barat ekoran perjuangan kemerdekaan Amerika pada 1774 dan Revolusi Perancis pada 1789.¹³⁴ Secara umumnya, demokrasi Perancis adalah gerakan untuk memastikan kuasa pemerintahan berada di tangan masyarakat awam dengan tujuan supaya ketidakadilan dalam masyarakat dapat dibendung.¹³⁵

Clive J. Christie dalam perbincangan berhubung asas sejarah kepada pembentukan negara bangsa di Eropah menjelaskan bahawa *popular sovereignty* (kedaulatan rakyat) dalam prinsip demokrasi adalah berasaskan kepada tradisi politik Eropah yang bertujuan untuk menuju kerajaan berasaskan prinsip politik yang berasaskan kepada '*rights of man*'. Demokrasi menjadi sistem pentadbiran yang popular di Eropah selepas Revolusi Perancis.¹³⁶ Sehubungan itu, ramai sarjana menganggap demokrasi Barat yang berasaskan kepada sistem pentadbiran Perancis merupakan sistem demokrasi yang tulen. Demokrasi Perancis¹³⁷ berasaskan kepada

¹³³ Mohd Foad Sakdan, *Pengetahuan asas politik Malaysia*, hlm. 73

¹³⁴ R. Isjwara, *Pengantar ilmu politik*, Bandung: Universiti Padjajaran, 1980, hlm. 107. Demokrasi mula diperkenalkan di Greek setelah runtuhnya pemerintahan monarki. Pada mulanya Greek diperintah oleh seorang raja di mana segala urusan pemerintahan terhad kepada raja dan golongan bangsawan. Sebaliknya golongan bawahan tidak diberi kebebasan menentukan nasib mereka. Keadaan ini menyebabkan berlakunya revolusi terhadap sistem pemerintahan Greek sehingga membawa kepada munculnya sistem oligarki yang akhirnya membentuk kerajaan demokrasi. Prinsip demokrasi yang utama ketika itu ialah persamaan undang-undang, penglibatan bebas daripada seluruh rakyat dalam pemerintahan dan kebebasan terhadap kehendak individu. Pericles iaitu seorang sarjana Greek pernah mengatakan "sistem kami di panggil demokrasi kerana ia ditadbir oleh jumlah yang terbanyak, bukan oleh satu golongan yang kecil." Lihat Sukarno, *Demokrasi versus kadiktatoran*, Bandung: Alumni, 1976, hlm. 12.

¹³⁵ Nazirah Lee dan Wan Noorlizawati Wan Mat Ali, The discourse on democracy in the Muslim society of Malaya in the early 1930s, dlm. *International conference on Islamic awakening: towards diverse but unified societies, ICIA 2016*, hlm. 8.

¹³⁶ Clive J. Christie, *A modern history of Southeast Asia: decolonization nationalism separatism*, hlm. 3-5.

¹³⁷ Kebangkitan rakyat Perancis merupakan titik permulaan permodenan demokrasi keseluruhannya. Revolusi Perancis merupakan kesan daripada Revolusi Amerika yang menular atas kesedaran rakyat setelah berasa ditindas. Aliran ini menjelaskan bahawa golongan berkesedaran yang mempelopori pemikiran rasionalisme itu amat menekankan soal keupayaan akal manusia untuk bebas daripada segala kongkongan dan mencetuskan semangat empirisme yang amat bercanggah dengan tradisi



prinsip bahawa semua manusia yang baik boleh mendapatkan kuasa dan memastikan pentadbiran negara berjalan dengan baik. Sementara itu, prinsip demokrasi Kemerdekaan Amerika mengatakan bahawa kuasa dalam masyarakat (walaupun kepada golongan yang baik, berwibawa) perlu dikawal dengan had kuasa tertentu untuk mengelakkan manipulasi dan penyalahgunaan kuasa.¹³⁸

Menurut Azmi Ariffin Revolusi Perancis 1789 sering dianggap sebagai garis sempadan yang memisahkan Eropah lama dan moden serta titik kemuncak kepada kesedaran nasionalisme, gerakan anti pemerintahan beraja dan pencapaian gagasan kedaulatan rakyat. Melalui revolusi tersebut, para revolucioner membawa mesej persamaan, kebebasan dan persaudaraan sebagai tuntutan terhadap cita-cita liberalisme dan demokrasi. Walau bagaimanapun, matlamat ke arah itu dipercayai

telah ditanam sejak awal oleh satu aliran pemikiran yang sedang berkembang di Eropah ketika itu yang dikenali sebagai Aliran Kesedaran (*enlightenment*). Di

Perancis, idea Kesedaran yang dianggap radikal dikaitkan secara langsung dengan pemikiran yang dibawa oleh golongan pemikir dan penulis elit *haute philosophés*,

masyarakat tradisional sebelumnya. Lihat Azmi Arifin, *Les philosophés kurun ke-18 di Perancis: sifat-sifat reaksioner di sebalik bayang revolucioner*, dlm. *Jebat*, Vol. 37, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010, hlm. 122-152. Revolusi Perancis yang membawa kepada perisytiharan hak asasi pada 1789 mencatatkan perlembagaan iaitu "Rakyat adalah sumber kekuasaan, setiap golongan dan individu berhak dalam pemerintahan, iaitu kekuasaan itu dicetuskan daripada mereka." Oleh sebab itu, dalam Perlembagaan Perancis menetapkan "bahawa kekuasaan itu daripada rakyat, yang tidak boleh dibelah bahagi dan dihapuskan." Lihat Abdul Hadi Awang, *Islam dan demokrasi*, Selangor: PTS Islamika, 2007, hlm. 59. Setelah mengalami revolusi di beberapa tempat di Eropah ia semakin diterima oleh Barat. Demokrasi kemudiannya mula mengalami perubahan secara evolusi melalui beberapa proses permodenan sesuai dengan keadaan persekitaran atau keadaan sesebuah negara. Pelaksanaan sistem pemerintahan ini bukan sahaja berlaku di negara Barat malah menular ke negara yang dijajah oleh mereka. Ini kerana Barat menganggap sistem pemerintahan mereka merupakan sistem yang bakal membangunkan tamadun manusia dan terbaik untuk mengukir kejayaan dalam kehidupan bernegra. Lihat Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Demokrasi dan kepimpinan Islam: suatu perbandingan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2001, hlm. 4.

¹³⁸ Pada 1776 apabila tercetusnya Revolusi Amerika memperkenalkan konsep demokrasi baru iaitu suatu pemerintahan daripada rakyat, untuk rakyat. Alexis de Tocqueville, mengutarakan revolusi Amerika Syarikat sebagai bukti mewujudkan kedaulatan rakyat di mana semua rakyat mendapat kesedaran sehingga wujudnya undang-undang yang menjadi dasar dan asas kepada kemunculan ideologi demokrasi. Lihat Alexis de Tocqueville, *Democracy in America*, New York: Alfred A. Knopf, 1945, hlm. 52.





yang didakwa memainkan peranan utama dalam pencetusan Revolusi Perancis 1789.¹³⁹ Ini bermakna revolusi menjadi dasar dan asas kepada kemunculan ideologi demokrasi.

Syed Ahmad Hussein dalam kajiananya tentang kedaulatan rakyat menyatakan kedaulatan rakyat merupakan salah satu kuasa tertinggi dalam ciri politik moden. Ini bermakna sultan yang tidak dipilih oleh rakyat atau golongan aristokrat dan kelas terpilih tidak lagi diterima sebagai wakil semulajadi kedaulatan. Dari sini timbul ungkapan terkenal seperti '*liberty, equality, fraternity*' daripada Revolusi Perancis 1789 ataupun 'rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat' daripada Abraham Lincoln tentang keagungan rakyat sebagai satu kuasa politik yang tertinggi. Melalui kedaulatan rakyat ini datangnya konsep penyertaan rakyat dalam politik apabila menentukan kepemimpinan dan mempengaruhi dasar awam.¹⁴⁰ Istilah kedaulatan rakyat dianggap sebagai kunci yang dapat membuka pintu pemerintahan demokrasi.¹⁴¹

Justeru, dalam sistem politik Tanah Melayu kedaulatan rakyat yang ditekankan oleh golongan kiri Melayu ialah perjuangan untuk mendaulatkan kedudukan golongan rakyat dalam sistem pemerintahan negara yang ketika ini dikuasai oleh golongan pemerintah yang umumnya dikenali dengan bentuk sistem pemerintahan tradisional Melayu. Sesebuah negara yang mengamalkan sistem kedaulatan rakyat memberikan kebebasan kepada rakyat untuk menentukan bentuk sistem pemerintahan negara yang difikirkan sesuai. Malah, bagi golongan kiri prinsip

¹³⁹ Azmi Arifin, *Les philosophés kurun ke-18 di Perancis: sifat-sifat reaksioner di sebalik bayang revolucioner*, dlm. *Jebat*, hlm. 122-152.

¹⁴⁰ Syed Ahmad Hussein, *Pengantar sains politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 12.

¹⁴¹ Salim Ali Al-Bahnasawi, *Wawasan sistem politik Islam*, Mustolah Maufur (terj.), Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 1996, hlm. 101.





kedaulatan rakyat hanya akan tercapai sekiranya Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sepenuhnya dalam semua bidang iaitu politik, ekonomi dan juga sosial. Ringkasnya, kedaulatan rakyat berkisar kepada prinsip yang mengutamakan kekuasaan rakyat dalam sistem pemerintahan sesuai negara.

1.9.2 Demokrasi

Demokrasi berasal daripada perkataan Yunani, *demos* yang bererti rakyat atau *kratis* (*cratein*) yang bermaksud kekuasaan atau pemerintahan. Gabungan kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud pemerintahan oleh rakyat.¹⁴² Sebagaimana menurut Leo Agustino demokrasi yang merujuk kepada maksud oleh rakyat maka

kedaulatan dalam pemerintahan tidak lagi berada pada tangan raja atau seorang pemerintah tetapi membawa maksud seluruh warganegara.¹⁴³ Demokrasi dapat dirumuskan sebagai pemerintahan yang diuruskan oleh rakyat dalam sesebuah masyarakat. Sebelum wujudnya sistem demokrasi kebanyakan negara mengamalkan sistem kerajaan monarki. Dalam masa-masa tertentu raja dianggap wakil Tuhan di dunia dan segala tindakan mereka adalah sah pada pandangan rakyat. Namun, setelah begitu lama corak pemerintahan ini berjaya diserapkan ke dalam pemikiran rakyat akhirnya lahir para cendekiawan pada Zaman Renaissance (1400-1699 TM) yang memperkenalkan semula corak pemerintahan demokrasi. Dalam hal ini, mereka telah merujuk kembali kepada karya tokoh Greek untuk membuktikan sistem demokrasi bermula di Eropah dan seharusnya dipraktikan semula memandangkan sistem

¹⁴² Demokrasi, dlm. *Suara Saberkas*, April 1946, hlm. 12. Lihat juga Abas Abd. Rahman, Demokrasi dan demagoggi, dlm. *Bingkisan merdeka*, Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor, 1957, hlm. 81.

¹⁴³ Leo Agustino, *Pendemokrasian di Indonesia: kelahiran, penyebaran dan kematangan kesedaran politik*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013, hlm. 17.



monarki dan feudal bersifat konservatif yang menindas. Revolusi dan gerakan pembebasan Amerika Syarikat memberikan nafas baru kepada seruan corak demokrasi.¹⁴⁴

Dalam konteks perkembangan pemikiran kehidupan bernegara dan bermasyarakat, demokrasi menurut Zaini Othman merupakan sebuah sistem politik yang terkandung di dalamnya idealisme sosiopolitik yang terbaik untuk manusia. Idealisme demokrasi berkembang selari dengan konsep seperti negara bangsa, keadilan sosial, modenisasi, penyertaan rakyat dan hak rakyat awam. Justeru, demokrasi diertikan sebagai sebuah negara atau kerajaan yang dicetuskan atau bersumberkan rakyat atau masyarakat terbanyak.¹⁴⁵ Ringkasnya, demokrasi adalah sebuah sistem politik yang mendukung fahaman masyarakat terbanyak adalah 'raja' di

dalam sistem tersebut. Demokrasi menonjolkan tujuh ciri utama iaitu kebebasan berucap, kebebasan media, pilihanraya bebas dan adil, kebebasan berorganisasi, pemerintahan berdasarkan majoriti, hak minoriti dihormati dan juga kebebasan kehakiman. Jelasnya, demokrasi merujuk kepada negara di mana golongan rakyat turut terlibat di dalam proses pemilihan kepimpinan kerajaan, calon yang bertanding bagi menduduki kerajaan adalah bersaing di antara satu sama lain dan kerajaan mengiktiraf dan menghormati hak sivil dan kebebasan politik rakyatnya.¹⁴⁶

Di samping itu, Emil Salim melalui kajiannya menyatakan terdapat tiga ciri utama dalam demokrasi. Pertamanya demokrasi mestilah bercirikan kedaulatan

¹⁴⁴ K. Ramanathan, *Konsep asas demokrasi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 22-30.

¹⁴⁵ Zaini Othman, Demokrasi di negara sedang membangun: pengalaman Asia Tenggara, dlm. Ghazali Mayudin, et al., *Demokrasi kepimpinan dan keselamatan dalam politik Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM, 2006, hlm. 27.

¹⁴⁶ *Ibid.*, hlm. 29.



rakyat. Dalam hal ini, rakyat adalah berdaulat dan mempunyai hak untuk bersuara. Kedua bercirikan musyawarah untuk muafakat dengan suara terbanyak. Sehubungan dengan itu, dalam mendapatkan pandangan rakyat perlunya ada keterbukaan untuk menerima informasi daripada masyarakat dan ketiga bertanggungjawab di atas fikiran.¹⁴⁷ Sebagaimana menurut Mohd Mahfud, negara demokrasi adalah negara yang di perintah berdasarkan kehendak dan kekuasaan rakyat. Ini kerana menurut beliau kedaulatan berada di dalam tangan rakyat.¹⁴⁸ Dalam demokrasi setiap individu mempunyai peluang menikmati hak untuk menyatakan pendapat, hak untuk berkumpul dan bersyarikat serta hak untuk menikmati kebebasan media massa.¹⁴⁹

Selain daripada peranannya sebagai pendukung kepada prinsip persamaan, demokrasi menurut Robert A. Dahl merupakan satu sistem yang memberi peluang kepada rakyat untuk melibatkan diri dalam membuat keputusan atau pembentukan dasar. Demokrasi memberikan pelbagai kesempatan untuk penyertaan yang efektif, persamaan hak bersuara, mendapatkan pemahaman yang jelas dan melaksanakan pengawasan terakhir terhadap perkara yang dirancang. Ia turut menghasilkan hak asasi, kebebasan umum, menentukan nasib diri, otonomi moral, pekembangan manusia, menjaga kepentingan peribadi yang utama dan persamaan politik.¹⁵⁰ Ringkasnya, demokrasi bermaksud rakyat atau negeri yang diperintah sendiri oleh rakyat. Semua rakyat di sesebuah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi

¹⁴⁷ Emil Salim, Mungkinkah ada demokrasi di Indonesia, dlm. Nurcholish Madjid, et al., *Demokratisasi politik, budaya dan ekonomi: pengalaman Indonesia masa orde baru*, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina, 1994, hlm. 156.

¹⁴⁸ Mohd Mahfud, *Demokrasi dan konstitusi di Indonesia*, Jakarta: Penerbit Rineka Cipta, 2000, hlm. 2.

¹⁴⁹ Afgan Gaffar, Demokrasi dan prospeknya di Indonesia orde baru, dlm. Nurcholish Madjid, et al., *Demokratisasi politik, budaya dan ekonomi: pengalaman Indonesia masa orde baru*, hlm. xxix.

¹⁵⁰ Robert A. Dahl, *Perihal demokrasi*, A. Rahman Zainuddin (terj.), Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2001, hlm. 14.



mempunyai kuasa dan hak untuk menentukan masa depan mereka dengan mendirikan kerajaan dan membuat undang-undang berorientasikan kepada hak asasi manusia.

Demokrasi bagi Barry Holden juga adalah sistem politik di mana seluruh rakyat diberi hak untuk membuat keputusan dasar berhubung perkara penting sebagai polisi awam.¹⁵¹ Sebagaimana menurut Carl Cohan, Abraham Lincoln menyatakan demokrasi adalah sebuah kerajaan dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat.¹⁵² Sukarno melihat demokrasi adalah satu bentuk kerajaan tanpa mana-mana amalan yang merosakkan hak asasi manusia. Manakala Ranny sepetimana dipetik Sukarno mendefinisikan demokrasi sebagai kerajaan oleh orang kebanyakan.¹⁵³ Menurut Abu al-Maati pula demokrasi merujuk kepada prinsip persamaan dalam hak politik, kemasyarakatan dan ekonomi kepada semua rakyat. Ia juga menunjukkan bahawa rakyat mempunyai kuasa pengawasan ke atas kerajaan melalui badan perundangan yang mana anggotanya di pilih oleh setiap rakyat yang dewasa atas dasar teori satu orang satu suara. Oleh itu, rakyat mempunyai kuasa mutlak mengadakan undang-undang bagi semua perkara umum di mana undang-undang tersebut dibuat di atas dasar suara majoriti rakyat.¹⁵⁴

Malah, kajian oleh Ariffin Omar turut memperlihatkan bahawa sistem demokratik memberi peluang kepada orang ramai untuk turut serta mengambil bahagian dalam politik dan pentadbiran.¹⁵⁵ Jelas, dalam sesebuah negara yang mengamalkan prinsip demokrasi kehendak rakyat adalah menjadi sumber kekuasaan

¹⁵¹ Barry Holden, *The nature of democracy*, London: Nelson, 1974, hlm. 8.

¹⁵² Carl, Cohan, *Democracy*, New York: Mac Millan Publisher, 1971. hlm. 3.

¹⁵³ Sukarno, *Demokrasi versus kadiktatoran*, hlm. 12.

¹⁵⁴ Abu Al-Maati Abu Al-Futuh, *Islam, politik dan pemerintahan*, Mohd Akhir Haji Yacon (terj.), Shah Alam: Penerbitan HIZBI, 1950, hlm. 50.

¹⁵⁵ Ariffin Omar, *Bangsa Melayu*, hlm. 218.



dan kedaulatan. Pemerintahan demokrasi didasarkan kepada pendekatan yang menyatakan bahawa semua manusia bebas dan mempunyai hak yang sama. Demokrasi yang berteraskan kepada kedaulatan rakyat mengakui hak sesama rakyat dalam menyatakan pendapat mereka. Sesuatu yang diberi nilai dalam demokrasi itu bermaksud menghormati segala pendapat tanpa mengira sama ada pendapat tersebut datang daripada golongan yang bagaimana kecil sekalipun dalam masyarakat. Justeru, nilai ini menyebabkan pakar ilmu politik membuat kesimpulan bahawa politik berasaskan demokrasi melahirkan sebuah kerajaan daripada rakyat untuk rakyat.

John Locke (Inggeris) dan Montesquieu (Perancis) merupakan antara penyumbang kepada gagasan mengenai pemerintahan demokrasi. Menurut John Locke sebagaimana dipetik oleh Sukron Jamil hak politik rakyat mencakupi hak hidup, kebebasan dan hak memiliki (*live, liberal, property*). Manakala demokrasi pada pandangan Montesquieu adalah sesuatu yang menjamin hak politik menurut *Trias Politica*, iaitu suatu sistem pemisahan kuasa dalam negara ke dalam kekuasaan legislatif, eksekutif, dan kehakiman yang masing-masing dipegang oleh organisasi sendiri yang merdeka. Berhubung hal ini, negara mesti menjadi republik (urusan negara) supaya tidak lagi sebagai sesuatu yang asing. Malah, negara juga bukan lagi milik raja atau milik sekelompok masyarakat melainkan negara adalah milik semua.¹⁵⁶ Jean Jacques Rousseau melalui bukunya *Du Contrat Social* sebagaimana menurut Hari Chand turut menegaskan kedaulatan juga terletak di tangan rakyat. Sehubungan dengan itu, negara seharusnya menjadi urusan seluruh rakyat.¹⁵⁷

¹⁵⁶ Sukron Kamil, *Islam dan demokrasi: telaah konseptual & historis* Jakarta, Gaya Media Pratama, 2002, hlm. 11.

¹⁵⁷ Hari Chand, *Modern jurisprudence*, Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1994, hlm. 46-47.





Ringkasnya, pemerintahan demokrasi memberikan hak dan kebebasan kepada golongan rakyat untuk menentukan hala tuju atau corak pemerintahan negara mereka. Demokrasi merupakan satu sistem yang berpusat kepada masyarakat awam yang bertanggungjawab untuk memastikan pentadbiran negara menjamin keadilan kepada semua peringkat masyarakat. Bagi mencapai tujuan berkenaan sistem demokrasi memastikan pentadbiran negara melibatkan semua pihak dengan mewujudkan sebuah kerajaan berperlembagaan dan diwakili oleh wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat. Jelaslah bahawa prinsip kebebasan dalam demokrasi selari dengan perjuangan kedaulatan rakyat yang cuba dipromosikan oleh golongan nasionalis kiri Melayu dalam sistem pemerintahan di Tanah Melayu di mana rakyat mempunyai kuasa di dalam menentukan hala tuju politik tanah air.



1.9.3 Golongan Kiri

Gerakan kiri di Tanah Melayu sebagaimana menurut Ishak Saat merupakan suatu perjuangan yang bermotifkan penentangan terhadap kuasa penjajah serta bertujuan mengusir mereka keluar dari Tanah Melayu dengan menggunakan kaedah tidak bekerjasama dengan pihak penjajah.¹⁵⁸ Manakala Ramlah Adam pula melihat ia adalah suatu gerakan politik yang tidak mendukung sepenuhnya sistem politik tradisional yang berteraskan istana dan kekuasaan mutlak sultan Melayu. Melalui gerakan seperti ini golongan pejuang bergerak ke arah mendaulatkan suara rakyat dan pemerintahan oleh rakyat. Mereka menolak pemerintahan lama yang dipegang oleh

¹⁵⁸ Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*, hlm. 12.





sultan dan pembesar yang membentuk kelas pemerintahan bagi masyarakat Melayu tradisional.¹⁵⁹

Menurut Ramlah Adam, Burhanuddin Helmi dan Ahmad Boestamam menerusi kegiatan mereka melalui PKMM pada 1945 mempersoalkan hak dan kuasa golongan tradisional Melayu sebagai pemerintah dan menyokong penguasaan British serta menentang British kerana menjajah Tanah Melayu. Justeru, mereka menolak sultan Melayu sebagai pelindung. Sejajar dengan itu, implikasi daripada penolakan kepada golongan ini menyebabkan mereka dilabelkan sebagai golongan radikal dan *anti-establishment* atau golongan kiri.¹⁶⁰ Golongan kiri khususnya kiri Melayu dalam konteks Tanah Melayu khasnya pada zaman perjuangan ke arah kemerdekaan menurut Mohamed Salleh Lamry merujuk kepada semua pejuang kemerdekaan yang

mengambil sikap 'tidak berkerjasama dengan penjajah'.¹⁶¹ Manakala Abu Talib

Ahmad dan Khoo Kay Kim menyatakan konsep kiri khasnya untuk lewat 1940-an merujuk kepada kelompok yang bertentangan dengan parti utama Melayu iaitu UMNO.¹⁶²

¹⁵⁹ Ramlah Adam. *Gerakan radikalisme di Malaysia 1938-1965*, hlm. xiii.

¹⁶⁰ Ramlah Adam, Kepimpinan Melayu 1945-57, dlm. Abu Latiff Abu Bakar, *Melaka dan arus gerakan kebangsaan Malaysia*, hlm. 239.

¹⁶¹ Mohamed Salleh Lamry, Golongan kiri dan perjuangan ke arah kemerdekaan. dlm. *Kolokium Malaysia menuju kemerdekaan*, Jabatan Sejarah: Universiti Kebangsaan Malaysia, 3 April 2007, hlm. 1.

¹⁶² Abu Talib Ahmad, Aliran kiri dalam nasionalisme Melayu 1945-1957: satu pemerhatian, hlm. 25-26. Secara amnya menurut Khoo Kay Kim golongan kiri boleh dibahagikan kepada enam kelompok iaitu kelompok yang diistilahkan sebagai kiri pelampau, kedua kiri komited, kiri Islam, kiri fana dan kelompok keenam ialah kelompok yang mempunyai pegangan nasionalis yang kuat. Mereka dianggap kiri bukan dari segi ideologi tetapi kerana mereka menentang UMNO yang mempunyai hubungan yang rapat dengan British dan banyak konsesi kepada golongan bukan Melayu. Lihat Khoo Kay Kim, *The Malay left 1945-1948: a preliminary discourse*, dlm. *Sarjana* 1(1), 1981, hlm. 184. Lihat juga Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan dan tokoh kiri: Kamaruzaman Teh dalam kancang perjuangan kemerdekaan*, hlm. 21-22.



Majalah *Kenchana*¹⁶³ sebagai contohnya memperlihatkan golongan kiri mempunyai ciri yang berbeza dengan golongan kanan yang masih terikat dengan nilai tradisional. *Kenchana* 1948 menyatakan;

"Orang Melayu berasa wajib mengadakan satu langkahan 'kiri' untuk menegapkan perjuangan [mereka] dan dengan langkahan 'kiri' ini mereka mendzahirkan kemahuannya [dengan] berterus terang iaitu orang Melayu berjuang menuju kemerdekaan dan memakai salam kebangsaan merdeka serta dengan lambang merah putih, dan perjuangan ini diluluskan oleh PKMM."¹⁶⁴

Petikan tersebut memberi gambaran bahawa telah terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu yang menyedari keperluan Tanah Melayu untuk merdeka. Golongan berkesedaran ini secara berani melahirkan keinginan untuk menuntut kemerdekaan secara terbuka. Gerakan dengan langkahan kiri ini disifatkan sebagai

UMNO atau PEKEMBAR adalah kumpulan yang menonjol dalam kalangan golongan kanan selepas Perang Dunia Kedua. Perjuangan UMNO disifatkan sebagai perjuangan yang bercorak sederhana, diplomasi dan bertolak ansur.¹⁶⁵ Merujuk kepada UMNO, *Kenchana* 1948 menyatakan bahawa;

¹⁶³ Majalah *Kenchana* diterbitkan di Singapura pada bulan Januari 1947 di bawah pimpinan Harun Aminurrashid. Ia diterbitkan di Singapura pada tahun 1947. *Kenchana* diedarkan di seluruh Nusantara iaitu Malaya, Sabah, Sarawak, Brunei dan Indonesia. *Kenchana* banyak memuatkan artikel berhubung perjuangan golongan kiri Melayu dalam menentang penjajah. *Kenchana* menjelaskan bahawa dasar majalah *Kenchana* tetap pada pendiriannya iaitu majalah kebangsaan Melayu yang memakai tulisan rumi untuk pemimpin dan memberi penerangan kepada bangsa Melayu ke jalan yang benar dan hak. Ia juga berjuang kerana membela nasib bangsa Melayu dan Tanah Melayu menuju kepada kemuliaan dan ketinggian yang sebenar, iaitu berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa yang telah merdeka dan berdaulat di seluruh dunia. Lihat *Kenchana*, bil 22, 1949, hlm. 6.

¹⁶⁴ Harun Amunurrashid, Melayu Berjuang, dlm. *Kenchana*, Mac 1947, bil 3, hlm. 10.

¹⁶⁵ Ku Izany Tengku Yacob, "Politik kiri di Indonesia: Tan Malaka dan Parti Komunis Indonesia 1920an hingga 1940an", Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah: Universiti Malaya, 2010, hlm. 13.

"Pekembar pula dianggap sebagai sayap 'kanan' dalam perjuangan bangsa Melayu yang sebahagian besar jiwa orang Melayu yang berjiwa maju kehadapan tak dapat bergabung ke dalamnya kerana dipandang Pekembar kurang keras menentang penjajah dan dianggap juga Pekembar bekerjasama dengan penjajah. Pekembar memakai salam kebangsaannya 'HIDUP MELAYU-MERDEKA.'¹⁶⁶

Jelas, sayap kanan dalam petikan tersebut merujuk kepada golongan yang bekerjasama dengan penjajah British yang diwakili oleh UMNO. Golongan ini turut mendapat tempat di dalam pemerintahan British. Dato' Onn dikatakan memindahkan unsur tradisional Melayu ke dalam UMNO sehingga UMNO dilihat sebenarnya adalah masyarakat Melayu itu sendiri. Malah, UMNO juga mengekalkan peranan golongan atasan sebagai pemimpin, rakyat Melayu sebagai penyokong dan sultan Melayu sebagai penaung. Dengan kata lain, UMNO tidak mencabar susun lapis dan *sub-culture* masyarakat Melayu. Golongan kanan melihat institusi sultan sebagai sesuatu yang penting untuk dipertahankan. Strategi politik dan sifat konservatif pemerintah Melayu menyebabkan British turut menyokong perjuangan mereka.

Bagi kerajaan British, UMNO merupakan sebuah parti yang lebih sederhana dan tidak dipengaruhi sebarang unsur luar yang boleh mengancam kedudukan politik dan ekonomi serta tidak mempunyai sejarah penentangan terhadap British. Tambahan pula, UMNO direstui oleh sultan Melayu yang merupakan simbol ketuanan masyarakat Melayu. Sehubungan itu, kegiatan sosial yang mereka anjurkan lazimnya melibatkan golongan sultan sebagai perasmian atau jemputan khas. D.Y.T.M Sultan Ibrahim, Johor misalnya telah menyempurnakan istiadat pembukaan Persidangan Agung UMNO ke-7 yang diadakan pada 2-5 September 1947 di istana besar Johor

¹⁶⁶ Harun Aminurrashid, Melayu Berjuang, dlm. *Kenchana*, Mac 1947, hlm. 11.

Bharu.¹⁶⁷ Sokongan sultan Melayu terhadap UMNO sangat penting diakui kerana sultan Melayu merupakan ketua kerajaan negeri yang membuat perjanjian dengan British. Menurut Ramlah Adam, kebijaksanaan UMNO menarik sultan Melayu memihak kepada mereka menyebabkan kerajaan British turut mengakui kepentingan UMNO.¹⁶⁸ Menurut *Suloh Malaya* golongan kanan mengakui Tanah Melayu bukan tanah jajahan British tetapi sebuah negara merdeka yang dinaungi British. Disebabkan itu mereka menuntut Tanah Melayu dikembalikan kepada taraf tahun 1941 iaitu negara merdeka yang berdasarkan monarki.¹⁶⁹ Ringkasnya, matlamat perjuangan UMNO berbeza dengan matlamat perjuangan golongan kiri Melayu.

Sebaliknya, golongan kiri merupakan golongan nasionalis yang kebanyakannya terdiri daripada kalangan rakyat. Sebagaimana menurut majalah *Daulat Ra'jat* pergerakan rakyat harus dikemudi dan didorong sendiri oleh rakyat kerana kekuatan kemerdekaan terletak di dalam tangan golongan tersebut. Justeru, pengarang mengharapkan kaum intelektual iaitu golongan yang berpengetahuan tentang soal kemasyarakatan dan mempunyai penglihatan yang lebih sempurna perlu menjadi penggerak kepada gerakan kemerdekaan.¹⁷⁰ *Suara Saberkas* pada April 1946 turut bersetuju bahawa kesedaran politik selepas perang kebanyakan lahir di pihak rakyat atau golongan bawahan sedangkan golongan pemerintah tidak mempedulikan hal tersebut.¹⁷¹ Golongan rakyat bawahan yang mempunyai kesedaran dan keinsafan berhubung nasib bangsa Melayu ini berjaya memecahkan bentang politik yang wujud

¹⁶⁷ Sultan Johor, dlm. *Utusan Melayu*, 29 Ogos 1947, hlm. 1.

¹⁶⁸ Ramlah Adam, Ahmad Boestamam 1920-1983 satu garapan pemikiran dan kegiatannya, dlm. Ramlah Adam (penyelenggara), *Pejuang-pejuang kemerdekaan*, hlm. 425.

¹⁶⁹ Kalau kita mahu menang, dlm. *Suloh Malaya*, 4 Mei 1946, hlm. 1-2.

¹⁷⁰ Kaoen intellektoewil dan pergerakan ra'jat d jelata, dlm. *Daulat Ra'jat*, 30 Jun 1933, hlm. 123-124.

¹⁷¹ Rencana pengarang, Mengapa dahulu orang takutkan politik?, dlm. *Suara Saberkas*, April 1946, hlm. 3.



di Tanah Melayu ketika itu. Perasaan berani mempertahankan hak mula kedengaran di ruangan akhbar yang mencadang, menyindir dan berterus terang membantah polisi kerajaan yang bertentangan seperti cadangan memasukkan kuli daripada Jawa menggantikan kuli India serta membantah dasar pintu terbuka.¹⁷²

Disebabkan kebanyakannya nasionalis Melayu yang dilabelkan kiri oleh pihak British terdiri daripada golongan rakyat yang datang dari latar belakang petani adalah tidak menghairankan sekiranya mereka menentang feudalisme dan keistimewaan yang dinikmati oleh golongan pemerintah.¹⁷³ Sebahagian besar daripada mereka berkhidmat dan tinggal di daerah perkampungan atau luar bandar seperti guru Melayu dan memperolehi pelbagai berita mengenai rakyat dan kehidupan masyarakat Melayu di dalam dan luar. Kesemua keadaan tersebut menjadi sumber kepada mereka untuk mempelajari, menyedari dan menginsafi kehidupan rakyat khususnya masyarakat Melayu.

Sebagaimana menurut Hashim Awang, golongan kiri Melayu terdiri daripada golongan rakyat yang tidak mendapat tempat atau tersisih dalam jalur pemerintahan British, tidak mempunyai kedudukan yang tinggi dan sumber ekonomi yang kukuh.¹⁷⁴ Keadaan ini menimbulkan kesedaran dan kekuatan serta keberanian yang tinggi untuk menyuarakan segala kepincangan di samping meniupkan semangat bernadakan patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu.¹⁷⁵ Ringkasnya, perjuangan golongan kiri sebenarnya merupakan perjuangan oleh golongan rakyat

¹⁷² *Ibid.*

¹⁷³ Kobkua Suwannathat-Pian, *Palace, political party and power: a story of the socio-political development of Malay kingship*, hlm. 99.

¹⁷⁴ Hashim Awang, Patriotisme dan nasionalisme dalam novel Melayu, dlm. *Hari Sastera*, Melaka, 26-28 Mei 1995, hlm. 3.

¹⁷⁵ *Ibid.*





yang mempunyai kesedaran bahawa rakyat mempunyai hak dalam sistem pemerintahan di tanah air sendiri. Ini kerana mereka merupakan golongan yang lebih mengetahui dan menyedari kehidupan rakyat atau bangsa Melayu yang miskin, tekanan penjajahan British di samping kesan kemasukan meluas golongan imigran.

Malah, sebagaimana menurut Oong Hak Ching walaupun kesedaran politik dan nasionalisme meluas dalam kalangan penduduk berbagai kaum selepas tamat Perang Dunia Kedua, namun keinginan dan perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan terbatas kepada golongan nasionalis radikal.¹⁷⁶ Melalui kesedaran yang ditunjukkan menjelaskan bahawa usaha mempertahankan hak masyarakat Melayu sebenarnya telah lama dibangkitkan oleh golongan rakyat iaitu sebelum Malayan Union diperkenalkan. Kepentingan serta sumbangan golongan yang dilabelkan

sebagai kiri dapat dilihat melalui ucapan Tun Dr. Ismail Abdul Rahman pada 9 Jun

1973 sebagaimana dipetik oleh Aishah Ghani bahawa pejuang kemerdekaan Tanah Melayu terbahagi kepada dua kumpulan. Satu kumpulan yakin bahawa kemerdekaan hanya boleh dicapai menerusi revolusi manakala satu kumpulan lagi percaya kemerdekaan boleh dicapai melalui proses perlembagaan. Menurut beliau, "...sekalipun kemerdekaan dicapai oleh golongan sederhana, tetapi sejarah membuktikan bahawa golongan nasionalis radikal juga telah memberikan sumbangan terhadap tercapainya kemerdekaan itu."¹⁷⁷

¹⁷⁶ Oong Hak Ching, Perikatan UMNO-MCA-MIC dan perjuangan ke arah kemerdekaan, *Seminar penghayatan kemerdekaan dan pengukuhan kemerdekaan Malaysia*, hlm. 2.

¹⁷⁷ Aishah Ghani, *Aishah Ghani: Memoir seorang pejuang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 173. Lihat juga Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay politics: its origins and early development*, hlm. 6.





Sumbangan golongan kiri turut diakui Tan Sri Abdul Samad Idris apabila menyatakan sejarah kemerdekaan Tanah Melayu tidak akan lengkap kalau meninggalkan nama tokoh-tokoh di luar UMNO. Menurut beliau, "...gelombang perjuangan Melayu menuntut kemerdekaan bukan bermula selepas perang. Bibit-bibit perjuangan ini telah ditanam dan disemai sebelum perang lagi."¹⁷⁸ Ringkasnya, ucapan tersebut memberikan satu pengiktirafan terhadap peranan yang dimainkan oleh golongan kiri dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Perjuangan golongan kiri digambarkan oleh Azmi Ariffin sebagai sebahagian daripada perjuangan dalam kalangan masyarakat Melayu menuntut kemerdekaan yang bertepatan dengan makna serta kehendak gagasan nasionalisme sejagat.¹⁷⁹ Malah, perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu disifatkan bukan hanya bermula sejak 1946 atau 1948. Azmi Ariffin sebagai contohnya menyifatkan Dato' Onn atau Tunku Abdul Rahman bukan merupakan pelopor atau pengasas kemerdekaan. Sebaliknya, mereka hanya penyambung perjuangan awal menentang penjajah yang diasas dan digerakkan oleh tokoh Melayu awal seperti Dol Said, Dato' Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut, Abu Bakar al-Baqir, Burhanuddin Helmi, Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Mereka ini berjuang untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu walaupun melalui jalan dan matlamat yang berbeza sama ada melalui perjuangan kiri, sosialisme atau gerakan agama.

Rahman bukan merupakan pelopor atau pengasas kemerdekaan. Sebaliknya, mereka hanya penyambung perjuangan awal menentang penjajah yang diasas dan digerakkan oleh tokoh Melayu awal seperti Dol Said, Dato' Bahaman, Mat Kilau, Tok Janggut, Abu Bakar al-Baqir, Burhanuddin Helmi, Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Mereka ini berjuang untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu walaupun melalui jalan dan matlamat yang berbeza sama ada melalui perjuangan kiri, sosialisme atau gerakan agama.

Secara kesimpulannya, Azmi Ariffin dalam kajiannya menyifatkan golongan kiri adalah pejuang negara yang pernah berkorban harta dan nyawa dalam menuntut

¹⁷⁸ Abdul Samad Idris, *25 tahun merdeka: kenangan abadi kepada bangsa, agama dan tanahair*, Kuala Lumpur: Pustaka Budiman, 1982, hlm. 252.

¹⁷⁹ Azmi Ariffin, *Nasionalisme Melayu 1945-1957: British, UMNO dan gerakan kiri Melayu*, dlm. *Seminar sejarah Malaysia*, hlm. 11.





kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajahan asing.¹⁸⁰ Tun Mahathir Mohamad di dalam bukunya *Dilemma Melayu* turut menonjolkan bahawa sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua sudah terdapat petunjuk bahawa masyarakat Melayu bersedia memecahkan belenggu kelemahan yang ada pada diri mereka sendiri di mana KMM sudah hampir berselisih secara terbuka dengan Residen British apabila Jepun menyerang.¹⁸¹

Jelasnya, golongan yang berkesedaran bukan datang dari golongan bangsawan, tetapi mereka merupakan nasionalis Melayu berjiwa Melayu yang kebanyakannya golongan rakyat yang berasal dari kampung dan keluarga miskin. Mereka mempunyai perjuangan yang jelas dan tegas iaitu menuntut kemerdekaan yang mutlak untuk bangsa dan tanah air demi meningkatkan kedudukan masyarakat



Melayu mencakupi keseluruhan aspek Golongan nasionalis kiri Melayu berkesedaran ini bukan sahaja berjuang untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu sepenuhnya tapi menuntut pemerintahan Tanah Melayu yang berdasarkan kedaulatan rakyat.



Justeru, golongan kiri dalam kajian ini ialah golongan rakyat yang berjuang untuk menempatkan hak golongan rakyat dalam sistem pemerintahan. Mereka mengambil pendekatan tidak mahu bekerjasama dengan penjajah British dan gerakan politik yang menolak pemerintahan lama yang dipegang oleh sultan dan pembesar yang membentuk kelas pemerintahan bagi masyarakat Melayu tradisional. Golongan ini memperjuangkan kemerdekaan sepenuhnya serta memperjuangkan kedaulatan rakyat dalam sistem pemerintahan negara. Golongan kiri Melayu dalam tempoh kajian terdiri daripada PKMM, API, AWAS dan Hizbul Muslimin.

¹⁸⁰ *Ibid.*, hlm. 12.

¹⁸¹ Mahathir Mohamad, *Dilemma Melayu*, Selangor: Federal Publications, 1982, hlm. 143.





1.10 Pembahagian Bab

Perbincangan kerangka atau ruang lingkup kajian ini akan dimuatkan dalam enam bab. Bab satu merupakan latar belakang kajian iaitu pengenalan yang cuba menjelaskan permasalahan, skop, objektif serta metodologi kajian. Selanjutnya disertakan juga ulasan kajian terdahulu yang ditulis oleh para sarjana sejarah khususnya yang menyentuh berkenaan kuasa dalam masyarakat Melayu, golongan radikalisme Melayu dan *moderate* sebagai satu penilaian atau pemahaman asas.

Bab dua adalah berkaitan politik Melayu sebelum perjuangan idea kedaulatan rakyat. Bab ini membincangkan kedudukan kedaulatan dalam masyarakat Melayu sebelum 1945 dengan menganalisis bentuk struktur politik Melayu itu sendiri. Di

dalam bab ini akan diperjelaskan tentang ciri-ciri politik Melayu sejak dari zaman awal, iaitu Kesultanan Melayu Melaka hingga Perang Dunia Kedua. Secara jelasnya, bab ini membincangkan kedudukan kedaulatan dalam kalangan masyarakat Melayu pada zaman tradisional hingga zaman penjajahan dan bagaimana unsur kedaulatan rakyat akhirnya menjadi matlamat penting yang cuba ditegakkan oleh golongan nasionalis Melayu beraliran kiri.

Bab tiga ialah demokrasi sebagai medium perjuangan kedaulatan rakyat. Penulisan bab ini pula akan menumpukan kepada idea politik kedaulatan rakyat yang cuba ditegakkan oleh nasionalis kiri Melayu. Golongan kiri Melayu ini merupakan golongan yang cuba untuk mengubah sistem politik tradisional Tanah Melayu ketika itu daripada kedaulatan raja atau sultan kepada kedaulatan rakyat. Golongan ini





memperjuangkan idea kedaulatan rakyat dengan menerapkan kepentingan idea demokrasi dalam pentadbiran.

Perbincangan diikuti dengan usaha-usaha pemerkasaan bidang ekonomi dan pendidikan masyarakat Melayu yang dilihat sebagai wadah pencapaian cita-cita politik kedaulatan rakyat dalam bab berikutnya. Melalui bab ini akan menganalisis pembaharuan yang cuba dilakukan oleh golongan kiri terhadap aspek ekonomi dan pendidikan masyarakat Melayu dalam tempoh kajian iaitu 1945-1948.

Seterusnya bab lima pula membincangkan cabaran dalam perjuangan yang dihadapi oleh golongan nasionalis kiri Melayu dalam usaha menegakkan perjuangan kedaulatan rakyat dan mencapai kemerdekaan sepenuhnya. Cabaran yang dibincangkan di dalam bab ini lebih melihat kepada reaksi yang diterima daripada masyarakat Melayu itu sendiri.

Kesimpulan pula merupakan bahagian yang terakhir dalam kajian ini. Bahagian ini memuatkan rumusan kepada perbincangan Kedaulatan Rakyat Dalam Perjuangan Politik Nasionalis Kiri Melayu, 1945-1948. Bahagian ini memuatkan kesimpulan berkaitan segala perbincangan yang dimuatkan dalam bab-bab yang lepas di samping menjawab persoalan dan objektif kajian.





1.11 Kesimpulan

Kajian tentang perjuangan kedaulatan rakyat oleh golongan kiri Melayu perlu diperdalam. Ini kerana idea dalam perjuangan golongan tersebut belum dikaji secara terperinci. Kebanyakan huraian dalam kajian lepas membicarakan perjuangan golongan kiri secara umum atau lebih menonjolkan tokoh pejuang golongan tersebut untuk kemerdekaan Tanah Melayu dan untuk membentuk sebuah negara Melayu Raya. Idea utama perjuangan iaitu kedaulatan rakyat kurang ditekankan. Ini kerana disebalik perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan sepenuhnya dan membentuk sebuah negara Melayu Raya, perjuangan golongan nasionalis kiri merupakan satu perjuangan untuk melahirkan satu bentuk pemerintahan yang berasaskan kepada kedaulatan rakyat iaitu pemerintahan dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat.



Justeru, melalui kajian ini cuba menonjolkan perjuangan golongan kiri Melayu iaitu memfokuskan kepada PKMM dan juga cabang-cabangnya berdasarkan kepada tema kedaulatan rakyat yang merupakan sesuatu yang baharu dalam politik Melayu ketika itu.

